

**TERJEMAHAN MAKNA AYAT KAWNIYYAT DALAM
TERJEMAHAN AL-QUR'AN BAHASA MELAYU: ANALISIS
BERDASARKAN TAFSIR 'ILMI**

AHMAD BAZLI BIN AHMAD HILMI

**JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**TERJEMAHAN MAKNA *AYAT KAWNIYYAT* DALAM
TERJEMAHAN AL-QUR'AN BAHASA MELAYU:
ANALISIS BERDASARKAN *TAFSIR 'ILMI***

AHMAD BAZLI BIN AHMAD HILMI

**JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**TERJEMAHAN MAKNA *AYAT KAWNIYYAT* DALAM
TERJEMAHAN AL-QUR'AN BAHASA MELAYU:
ANALISIS BERDASARKAN *TAFSIR 'ILMI***

AHMAD BAZLI BIN AHMAD HILMI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Beberapa permasalahan yang terdapat dalam penterjemahan makna al-Qur'an menyebabkan sesuatu perkataan atau ayat al-Qur'an tidak diterjemahkan dengan betul. Faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan tersebut ialah terbatasnya kemahiran dalam ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an. Kajian bertujuan menyemak kembali terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang terdapat dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu sedia ada yang memfokuskan lima aspek penciptaan; haiwan, tumbuhan, manusia, bumi dan langit. Metodologi yang digunakan adalah penyelidikan perpustakaan. Kajian dijalankan dengan menganalisis terjemahan makna *āyat kawniyyat* berdasarkan *tafsīr 'ilmī*, tafsir yang berorientasikan sains dalam usaha menyerasikan antara keduanya. Hasil kajian mendapati beberapa penambahbaikan diterapkan kepada terjemahan makna sedia ada; penetapan jantina feminin bagi kalimah النحل, نملة dan العنكبوت dan penentuan bilangan jamak bagi kalimah النحل dalam penciptaan haiwan; penamaan semula terjemahan makna kalimah رطباً dalam penciptaan tumbuhan; penjenamaan semula terjemahan makna kalimah مضغة dan علقة dalam penciptaan manusia; perluasan terjemahan makna kalimah أدنى الأرض dan penghuraian ringkas bagi kalimah قطع متجاورات dalam penciptaan bumi; dan pengkhususan terjemahan makna yang umum bagi kalimah المزن dan penggunaan terjemahan makna asal bagi kalimah يسبحون tanpa takwil bagi penciptaan langit.

ABSTRACT

Some of the problems found in the translation of the meaning of the Holy Qur'an cause a word or verse of Qur'an to not be translated accurately. The major factor contributing to the problem is the limited skills in the fields related to the Qur'an. This study aims to review the translation of the meaning of *kawniyyat* verses in the Malay translation of the Qur'an by focusing on five aspects of creation; animal, plant, human, earth and sky. In order to conduct this study, the methodology used is library research, while the translation of the meaning of *kawniyyat* verses were analyzed based on scientific exegesis, which is a science-oriented interpretation in order to harmonize them. The result showed that some improvements applied to the translation of the meaning of existing terms; feminine gender setting for word النحل, نملة and العنكبوت and plural determination for the words النحل in animal creation; renaming of the translation of the meaning for the word رطباً in the plant creation; rebranding of the translation of the meaning for the words علقمة and مضغة in human creation, the extension of the translation of the meaning for the word أدنى الأرض and a brief description for the word قطع متجاورات in earth creation; and the specialization of the general translation of the meaning of the word المزن and the use of the translation of the original meaning for the word يسبحون without exegesis in sky creation.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pertama-tama dan selama-lamanya puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan Pentadbir sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Rasulullah SAW, buat seluruh keluarga dan sahabat baginda serta Muslimin dan Muslimat yang mudah-mudahan sentiasa mendapat rahmat daripada Allah SWT.

Alhamdulillah, penulis memanjangkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas pertolongan, izin dan rahmat-Nya, penulis akhirnya dapat menyelesaikan disertasi ini dalam tempoh yang ditetapkan. Walaupun terdapat pelbagai kekangan dan masalah yang berlaku sepanjang menyelesaikan kajian ini, penulis dapat menghadapinya dengan penuh kesungguhan dan ketekunan. Namun, dengan ketentuan Allah SWT, kajian ini dapat disiapkan dalam waktunya.

Pada kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih buat penyelia, Prof. Dato' Dr. Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff kerana sudi meluangkan masa menyelia, membantu, memberi tunjuk ajar, menyumbang idea dan teguran yang membina kepada penulis sepanjang penulisan ini dilakukan agar kajian yang dihasilkan mempunyai nilai dalam dunia akademik pada hari ini. Jutaan penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Munirah Abd Razzak selaku penyelia kedua yang turut sama berkongsi idea dan pengalaman dalam penulisan disertasi ini.

Paling tidak dilupakan isteri tercinta Noor Akma Mustapha yang sama-sama berjuang ke hulu dan ke hilir, penat lelah bersama, pengorbanan yang tulus dalam membantu penulis menyiapkan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kerana menjaga segala keperluan penulis serta semangat yang diberikan.

Sekalung budi juga diucapkan kepada semua pensyarah Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith yang selama ini mencurahkan ilmu pengetahuan kepada insan yang fakir ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tidak lupa juga kepada Kak Lina yang sentiasa memastikan urusan pengajian kami berjalan lancar.

Tidak ketinggalan juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih, penulis tujukan buat ayah dan bonda yang banyak memberi sokongan dan semangat kepada penulis untuk meneruskan perjuangan dalam medan ilmu ini. Semoga doa dan restu ayah dan bonda menjadi inspirasi buat penulis untuk terus mencipta kejayaan pada masa akan datang. Begitu juga, buat keluarga yang selalu memberi dorongan kepada penulis untuk terus berjaya. Terima kasih diucapkan buat kalian semua.

Akhir sekali, ucapan setinggi-tinggi terima kasih penulis ditujukan buat pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penulis menyiapkan disertasi ini. Jasa dan pertolongan yang diberikan, penulis menyerahkan kepada Allah SWT untuk membalasnya. Harapan penulis, semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan input berguna kepada semua pihak sebagai satu usaha meneruskan kesinambungan khazanah ilmiah dalam dunia akademik masa kini.

Sekian, terima kasih.

AHMAD BAZLI BIN AHMAD HILMI

PT40 KAMPUNG BETA HILIR

JALAN DEWAN BETA

15100 KOTA BHARU

KELANTAN

ahmadbazli07@gmail.com

03 Oktober 2013/ 27 Zulkaedah 1434H

JADUAL TRANSLITERASI

Panduan Transliterasi¹:

a) KONSONAN

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا, ء	a, ’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘

¹ Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, (3th ed., 2012), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h, t

b) Vokal Pendek

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ	a	قَنَّتْ	<i>qanata</i>
اِ	i	سَلِمَ	<i>salima</i>
اُ	u	جُعِلَ	<i>ju'ila</i>

c) Vokal Panjang

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ، اِ	ā	كُبْرَى	<i>kubrā</i>
اِي	ī	وَكِيلَ	<i>wakīl</i>
اُو	ū	سُورَةَ	<i>sūrah</i>

d) Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوْ	aw	قَوْلَ	<i>qawl</i>
اَيَّ	ay/	خَيْرَ	<i>khayr</i>
اُوَّ	uww	قُوَّةَ	<i>Quwwah</i>
اَيِّ	iy/ī	عَرَبِيَّ	<i>'arabiy/ī</i>

SENARAI KEPENDEKAN

AS	: <i>'alayhissalam</i>
bil.	: bilangan
cet.	: cetakan
Dr.	: Doktor
ed.	: edisi/editor
et al.	: dan rakan-rakan
H	: <i>Hijriyyah</i>
Hj	: Haji
hlm.	: Halaman
Ibid.	: Ibidem yakni rujukan bagi halaman
M	: Masihi
m.	: Meninggal dunia
no.	: Nombor
Prof.	: Profesor
RA	: <i>raḍiyallahu 'anh</i>
SAW	: <i>ṣallahu 'alayhi wa sallam</i>
SWT	: <i>Subḥānahu wa Ta'ālā</i>
Sdn. Bhd	: Sendirian Berhad
Terj.	: terjemahan
t.p.	: Karya tanpa penerbit
t.t.	: Karya tanpa tarikh
t.tp.	: Karya tanpa tempat terbit
v.	: volume

DAFTAR ISI

Tajuk	Halaman
Abstrak	iv
Abstrak	v
Penghargaan	vi
Jadual Transliterasi	viii
Senarai Kependekan	xi
Daftar Isi	xii

PENDAHULUAN

1. Pengenalan	1
2. Latar Belakang Masalah	1
3. Pernyataan Masalah	10
4. Persoalan Kajian	14
5. Objektif Kajian	14
6. Kepentingan Kajian	15
7. Skop Kajian	16
8. Definisi Tajuk	16
9. Kajian Literatur	25
10. Metodologi Kajian	32
10.1 Metode Pengumpulan Data	32
10.1 Metode Analisis Data	35
11. Sistematika Penulisan	36

BAB SATU

DIMENSI *ĀYAT KAWNIIYYAT* DAN PERANANNYA

1.1	Pendahuluan	39
1.2	Pengertian <i>al-Āyat</i>	39
1.3	Bentuk <i>al-Āyat</i>	42
	1.3.1 <i>Al-Kawn</i> Sebagai <i>al-Āyat</i>	42
	1.3.2 <i>Al-Takwīn</i> Sebagai <i>al-Āyat</i>	43
	1.3.3 Al-Qur'an Sebagai <i>al-Āyat</i>	44
1.4	<i>Āyat Kawniyyat</i> Dalam al-Qur'an	45
	1.4.1 Definisi	46
	1.4.2 Bilangan Ayat	47
	1.4.3 Prinsip Umum Perbincangan al-Qur'an Berkaitan <i>al-Kawn</i>	48
	1.4.4 Uslub al-Qur'an Dalam Ajakan Tafakur Terhadap <i>Āyat Kawniyyat</i>	51
	1.4.5 Golongan Yang Memanfaatkan <i>al-Kawn</i>	54
1.5	Peranan <i>Āyat Kawniyyat</i>	61
	1.5.1 Menyatakan kewujudan Pencipta dan Pentadbir Yang Esa	61
	1.5.2 Mengajak manusia mentauhidkan Allah swt dan membersihkan diri daripada sifat syirik	62
	1.5.3 Membentangkan pelbagai jenis nikmat Allah dan melemahkan golongan yang kufur nikmat	63
	1.5.4 Menganjurkan manusia meneliti dan mengkaji ciptaan Allah swt	63
	1.5.5 Dalil kebesaran dan keagungan al-Qur'an	64
1.6	Rumusan	64

BAB DUA
PENGENALAN *TAFSĪR ‘ILMĪ* DAN KEPENTINGANNYA
TERHADAP AL-QUR’AN

2.1	Pendahuluan	65
2.2	Pengenalan <i>Tafsīr ‘Ilmī</i>	
2.2.1	Definisi	65
2.2.2	Sejarah Perkembangan	68
2.2.3	Kedudukan <i>Tafsīr ‘Ilmī</i>	73
2.2.4	Hukum <i>Tafsīr ‘Ilmī</i>	75
2.2.5	Manhaj <i>Tafsīr ‘Ilmī</i>	78
	i) Kaedah <i>tafsīr bi al-ra’y</i> secara umum	79
	ii) Piawaian <i>tafsīr ‘ilmī</i> secara khusus	81
2.2.6	Kitab-kitab <i>Tafsīr ‘Ilmī</i>	85
2.3	Kepentingan <i>Tafsīr ‘Ilmī</i>	85
2.3.1	Metode terbaik dalam pentafsiran <i>āyat kawniyyat</i>	85
2.3.2	Wasilah kepada pembuktian <i>i’jāz ‘ilmī</i>	86
2.3.3	Bukti keajaiban al-Qur’an	87
2.3.4	Medium Dakwah dengan Uslub Semasa	87
2.4	Kesimpulan	88

BAB TIGA

TERJEMAHAN MAKNA *ĀYAT KAWNIYYAT* DALAM TERJEMAHAN

AL-QUR'AN BAHASA MELAYU

3.1	Pendahuluan	89
3.2	Pengenalan Terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu	89
3.2.1	Bahasa Melayu Malaysia	90
	a) Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	91
	b) Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	93
	c) Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	93
	d) Mushaf al-Masar	95
	e) Tafsir Qur'an Per Kata	96
3.2.2	Bahasa Indonesia	97
	a) Tafsir Qur'an Karim	98
	b) Al-Qur'an dan Terjemahnya	99
	c) Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	101
	d) Al-Qur'an Cordoba	102
	e) The Holy Qur'an al-Fatih	103
3.3	Terjemahan Makna <i>Āyat Kawniyyat</i> Bahasa Melayu	104
3.3.1	Penciptaan Haiwan	
	a. Surah al-Naml: Ayat 18	104
	b. Surah al-'Ankabūt: Ayat 41	106
3.3.2	Penciptaan Tumbuhan	
	a. Surah Maryam: Ayat 25	107
3.3.3	Penciptaan Manusia	
	a. Surah al-Mu'minūn: Ayat 14	109

3.3.4	Penciptaan Bumi	
	a. Surah al-Rūm: Ayat 3	111
	b. Surah al-Ra‘d: Ayat 4	112
3.3.5	Penciptaan Langit:	
	a. Surah al-Wāqi‘ah: Ayat 69	114
	b. Surah Yāsīn: Ayat 40	116
3.4	Kesimpulan	117

BAB EMPAT

ANALISIS TERJEMAHAN MAKNA *ĀYAT KAWNIYYAT* DALAM TERJEMAHAN AL-QUR’AN BAHASA MELAYU BERDASARKAN *TAFSĪR ‘ILMĪ*

4.1	Pendahuluan	119
4.2	Analisis Terjemahan Makna <i>Āyat Kawniyyat</i> Bahasa Melayu Berdasarkan <i>Tafsīr ‘Ilmī</i>	119
4.2.1	Penciptaan Haiwan	
	a. نملة (Namlah)	119
	b. العنكبوت (al-‘Ankabūt)	125
4.2.2	Penciptaan Tumbuhan	
	a. رطبا (Ruṭṭab)	127
4.2.3	Penciptaan Manusia	
	a. Peringkat Perkembangan Janin	135
	1. علقة (‘Alaqah)	136
	2. مضغة (Mudghah)	143

4.2.4	Penciptaan Bumi:	
	a. قطع متجاورات (Qiṭa‘ Mutajāwirāt)	146
	b. أدنى الأرض (Adnā al-’Ard)	154
4.2.5	Penciptaan Langit:	
	a. المزن (al-Muzn)	161
	b. يسبحون (Yasbaḥūn)	170
4.3	Kesimpulan	180

BAB LIMA
RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	184
5.2	Rumusan	184
5.3	Saranan	188
5.4	Penutup	189
	Rujukan	190

PENDAHULUAN

1. Pengenalan

Kajian ilmiah bertajuk “Terjemahan Makna *Āyat Kawniyyat* Dalam Terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan *Tafsīr ‘Ilmī*” adalah sebuah kajian analisis terhadap terjemahan al-Qur’an dalam Bahasa Melayu. Kajian ini menumpukan keserasian terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam Bahasa Melayu dengan *tafsīr ‘ilmī*.

Perbincangan dimulakan dengan mengetengahkan dimensi *āyat kawniyyat* dan peranannya. Kemudian pengenalan kepada *tafsīr ‘ilmī* dan kepentingannya terhadap al-Qur’an dikupas. Kajian dilanjutkan dengan memperkenalkan beberapa terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu yang kebiasaan menjadi rujukan masyarakat, seterusnya terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang tidak selari fakta semasa dalam terjemahan al-Qur’an tersebut dikenal pasti. Analisis kemudiannya dilakukan terhadap ayat-ayat tersebut berdasarkan *tafsīr ‘ilmī* dalam usaha menyasikan kedua-duanya dan cadangan terjemahan makna kepada ayat tersebut cuba diberikan.

2. Latar Belakang Masalah

Mukjizat Rasulullah SAW yang paling agung ialah al-Qur’an al-Karim yang diturunkan dalam bahasa Arab.¹ Pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur’an sudah pasti merupakan satu rahmat daripada Allah SWT kepada manusia keseluruhannya. Dewasa ini terbukti bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang wujud sejak masa lampau dan tetap digunakan umat manusia hingga ke hari ini, selain mempunyai banyak

¹ Al-Bughā, Muṣṭafā Dīb & Mastū, Muḥy al-Dīn Dīb, *al-Wāḍiḥ fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (cet. ke-2, Dimashq: Dār al-Kalim al-Ṭayyib, 1998), 257.

kelebihan berbanding bahasa-bahasa lain. Kelebihan paling ketara ialah memiliki banyak *mufradat* dan *uslūb* yang fleksibel.²

Perluasan wilayah taklukan Islam semasa era kebangkitan menyaksikan dakwah telah merentasi sempadan geografi, warna kulit, bangsa, bahasa dan budaya di mana masyarakat bukan Arab turut memeluk agama Islam. Budaya ilmu masyarakat Islam ketika itu juga semakin pesat berkembang dan tugas dakwah kian mencabar. Hal ini kerana terdapat perbezaan yang cukup ketara antara bangsa Arab dan bukan Arab dari aspek bahasa pertuturan, budaya dan gaya hidup. Faktor tersebut mendorong para pendukung panji Islam melakukan anjakan paradigma dalam gerakan dakwah sesuai dengan keadaan *mad'ū*. Perkara yang paling penting adalah transformasi tersebut dilaksanakan berteraskan kepada al-Qur'an dan al-Hadith.

Kejayaan dakwah sangat bergantung kepada keakraban antara *dā'ī* dan *mad'ū*. Komunikasi menggunakan satu bahasa antara kedua-dua anggota masyarakat ini merupakan simbol kesepaduan sosial dalam segenap aspek.³ Para Rasul telah diutuskan oleh Allah SWT kepada kaum mereka berdasarkan bahasa kaum masing-masing, dalam hal ini Allah SWT berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Terjemahan makna:

“Dan Kami tidak mengutus seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dialah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” [Surah Ibrāhīm (14): Ayat 4]

² *Ibid.*

³ Al-Qattān, Mannā', *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān* (cet. ke-7, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997), 306.

Nabi Muhammad SAW berketurunan Arab dan baginda diutuskan dengan bahasa kaumnya bagi memudahkan baginda menjelaskan hukum-hukum Allah SWT kepada mereka sebagaimana yang terdapat dalam al-Qur'an. Perkara ini dirakamkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ آيَاتُهُ ۖ أَأَعْجَمِيًّا وَعَرَبِيًّا

Terjemahan makna:

“Dan kalaulah al-Qur'an itu Kami jadikan (bacaan) dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: “Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatNya (dalam bahasa yang kami fahami)? Patutkah Kitab itu berbahasa asing sedang Rasul yang membawanya berbangsa Arab?” [Surah Fuṣṣilat (41): Ayat 44]

Namun baginda diutus bukan sahaja kepada bangsa Arab, malah kepada seluruh alam yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Justeru antara kaedah yang digunakan untuk menjelaskan kandungan al-Qur'an kepada bangsa bukan Arab adalah melalui penterjemahan mengikut bahasa masing-masing.⁴ Namun begitu penterjemahan ini adalah bersifat sebagai satu pendekatan sementara untuk memahami makna kitab suci al-Qur'an.⁵ Dalam erti kata lain terjemahan al-Qur'an tidak boleh disamakan dengan al-Qur'an kerana al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab yang tinggi nilainya dan penterjemahan akan menghilangkan sifat dan ciri utama al-Qur'an tersebut.⁶

Kemunculan idea penterjemahan secara umumnya telah wujud ketika zaman Rasulullah SAW lagi. Hal ini dapat dilihat apabila baginda melantik Zayd Bin Thābit sebagai penterjemah untuk menterjemahkan risalah-risalah yang diutuskan oleh pembesar-pembesar dan raja-raja Rom, Parsi, Habshi dan Mesir kepada baginda. Malah baginda mengarahkan Zayd Bin Thābit supaya mempelajari bahasa *al-Siryāniyyāt*

⁴ Ammar Fadzil, *Anatomi al-Qur'an: Mengenal Ilmu, Sejarah & Kandungan al-Qur'an* (Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2007), 177.

⁵ Mohd Shukri Hanapi, *Terjemahan al-Qur'an Dalam Pelbagai Perspektif* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003), ix.

⁶ Ammar, *Anatomi*, 172.

(Siyarac) dan *al-'Ibriyyāt* (Hebrew). Ini menunjukkan aktiviti penterjemahan bukan sesuatu yang baru dan ditentang.⁷ Walaupun begitu, al-Qur'an masih belum diterjemahkan kepada bahasa-bahasa lain meskipun semakin jauh dipisahkan oleh masa dari zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Justeru, para ulama di serata tempat pada permulaannya melarang keras aktiviti penterjemahan al-Qur'an.⁸

Meskipun begitu, seperti yang dinyatakan sebelum ini penyebaran Islam secara meluas dalam kalangan bangsa bukan Arab mendorong kepada kemunculan idea penterjemahan terutama terjemahan al-Qur'an yang semakin menjadi keperluan.⁹ Terjemahan al-Qur'an merupakan satu perkara yang penting kerana dua sebab utama¹⁰; pertama untuk menyampaikan mesej Islam kepada bukan Muslim dan mengajak mereka merenung mesej al-Qur'an. Kedua untuk menjelaskan petunjuk yang diturunkan dan keinginan Allah SWT kepada Muslim yang berkomunikasi dengan selain bahasa Arab. Tanpa terjemahan al-Qur'an, pasti sukar untuk digambarkan satu cara yang efektif untuk menyampaikan dakwah sama ada kepada Muslim dan bukan Muslim memandangkan golongan yang pakar dalam bahasa asli al-Qur'an adalah minoriti dewasa ini.¹¹

Persoalan yang timbul ialah sejauh mana al-Qur'an dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Menurut perbincangan para ahli bahasa Arab dan Usul Fiqh, bahasa Arab jika dilihat dari sudut lafaz-lafaz yang menunjukkan makna¹² ada dua kategori¹³;

⁷ Shukri, *Terjemahan*, 61-62.

⁸ Hal ini mereka masih berpegang teguh dengan amalan Rasulullah SAW dan para sahabat, malah ada yang menganggap perkara tersebut adalah satu penghinaan kepada Allah SWT, *Ibid*, 62.

⁹ *Ibid*, 63.

¹⁰ Khalid Mahmood Shaikh, *A Study of The Qur'an & Its Teachings* (Chicago: IQRA' International Educational Foundation, 1999), 38.

¹¹ *Ibid*.

¹² Pengertian makna ialah tujuan atau petunjuk sesuatu perkataan.

¹³ Muhammad Nur Lubis Abd Razak, "Penterjemahan Makna Al-Qur'an: Kajian Ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004), 242.

pertama makna yang mudah difahami dari sudut bahasanya sendiri atau zahirnya, dinamakan sebagai *makna asal* atau *pertama*, atau *dilālah aṣliyyah*¹⁴ (petunjuk asal). Sebagai contoh firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

Terjemahan makna:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.” [Surah al-Baqarah (2): Ayat 282]

Lafaz التداين, كتابة, الدين, كاتب dan الأجل dalam potongan ayat tersebut ialah lafaz-lafaz yang mudah difahami dari sudut bahasa tanpa memerlukan penyelidikan yang mendalam dan sudah cukup merujuk maknanya kepada pemakaiannya dalam bahasa Arab.¹⁵

Kedua, makna yang memerlukan usaha tertentu bagi memahaminya atau untuk apa ia diungkapkan. Makna ini terselindung di sebalik makna zahir perkataan atau makna tambahan yang mengiringi makna pertamanya malah ia berbeza-beza dan banyak sesuai dengan kedudukan di mana perkataan itu diletakkan, daripada siapa perkataan itu datang atau untuk apa ia diungkapkan. Makna ini dinamakan sebagai *makna kedua* atau *petunjuk kedua* oleh sebahagian ulama. Sementara al-Shāṭibī menamakannya dengan *dilālah tābi‘ah*¹⁶ (petunjuk pengiring) dan al-Jurjānī menamakannya dengan “makna-makna”. Sebagai contoh dalam firman Allah SWT:

¹⁴ Al-Shāṭibī, Ibrāhīm Bin Mūsā, *al-Muwāfaqāt* (Kaheerah: Dār Ibn ‘Affān, 1997), 2:105.

¹⁵ Lubis, *Penterjemahan Makna*, 253.

¹⁶ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2:105.

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ

Terjemahan makna:

“Dan mereka menjadikan jin sekutu bagi Allah, padahal Allah jualah yang mencipta jin-jin itu.” [Surah al-An‘ām (6): Ayat 100]

Makna lain yang tergolong dalam makna kedua atau petunjuk kedua daripada ayat ini ialah: “Allah tidak layak mempunyai sekutu, sama ada daripada kalangan jin atau makhluk lain”. Kemunculan makna lain ini adalah disebabkan susunan atau bentuk ayat yang mendahulukan lafaz Allah, kemudian lafaz شركاء, selepas itu baru lafaz الجن. Jika susunannya bukan sedemikian maka makna lain tersebut sudah berubah. Dapat diperhatikan makna jenis ini adalah bukan makna perkataan dari sudut bahasa, akan tetapi merupakan sesuatu yang lain daripada makna zahir sesuai dengan kedudukan kalimah itu.¹⁷

Ulama yang berkecimpung dalam bidang kajian penterjemahan berpendapat jika ditinjau secara umum, al-Qur’an hanya dapat diterjemahkan berdasarkan makna asal atau pertama, malah ia melibatkan sebahagian kecil sahaja makna tersebut mengikut keupayaan pemahaman manusia berdasarkan kaedah-kaedah yang dipraktikkan seperti menerusi kaedah-kaedah bahasa Arab, keterangan hadith dan tidak pula bercanggah dengan al-Qur’an itu sendiri.¹⁸ Manakala makna kedua dan pengiring bagi al-Qur’an merupakan bukti *i’jāz* al-Qur’an dan tidak dapat dicakupi oleh bahasa Arab itu sendiri apatah lagi bahasa asing.¹⁹

¹⁷ Lubis, *Penterjemahan Makna*, 254-255.

¹⁸ *Ibid*, 257.

¹⁹ Muḥammad, ‘Alī Jumu‘at, et al., *al-Mawsū‘ah al-Qur’āniyyah al-Mutakhaṣṣiṣah* (Kaheerah: Wizārah al-Awqāf Miṣr, 2002), 871.

Terjemahan secara umum boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu *tarjamah ḥarfīyyat*²⁰ dan *tarjamah tafsīriyyat* atau *ma'nawīyyat*²¹. Ada yang membahagikan *tarjamah ḥarfīyyat* kepada dua jenis iaitu *ḥarfīyyat bi al-mithl*²² dan *ḥarfīyyat bi dūn al-mithl*.²³ Para ilmuwan bersepakat menegah penterjemahan al-Qur'an secara *ḥarfīyyat bi al-mithl* kerana mustahil ada bahasa yang dapat menandingi ketinggian sasteranya termasuklah bahasa Arab.²⁴ Manakala penterjemahan secara *ḥarfīyyat bi dūn al-mithl* pula mereka pada awalnya berbeza pendapat; golongan pertama membenarkan penterjemahan tersebut secara mutlak, golongan kedua membenarkan dengan syarat dan golongan ketiga melarang sama sekali.²⁵ Namun setelah analisis dilakukan dapat dirumuskan bahawa terjemahan secara *ḥarfīyyat bi dūn al-mithl* juga tidak mendatangkan hasil selain terdapat banyak kekurangan.

Namun bagi penterjemahan jenis *tafsīriyyat* atau *ma'nawīyyat* yang memberi penekanan hanya kepada aspek makna dan tujuan, hukumnya adalah harus dan menjadi *farḍ kifāyat* ke atas umat Islam.²⁶ Hal ini kerana al-Qur'an mempunyai nilai yang tinggi dari segi *faṣāḥah* dan *balāghah*, rahsia-rahsia susunan kalimat, uslub dan kehalusan makna. Semua ayat al-Qur'an mengandungi *i'jāz* yang tidak dapat diterjemahkan oleh

²⁰ Memindahkan atau menukikan lafaz-lafaz daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, dan pemindahan itu menyebabkan berlakunya persamaan antara *nuzum* dengan *nuzum* dan susunan ayat dengan susunan ayat, lihat al-Qaṭṭān, *Mabāhith*, 307.

²¹ Menerangkan makna kalimat dengan menggunakan bahasa lain tanpa terikat dengan susunan kalimat bahasa asal atau memelihara *nuzumnya*, *Ibid*.

²² Menterjemahkan ayat al-Qur'an kepada bahasa sasaran dengan mengekalkan susunan ayat bahasa asal iaitu *mufradat* bahasa asal al-Qur'an, susunan perkataan bahasa terjemahan menepati susunan bahasa asalnya sehinggakan terjemahan ini dapat mendukung makna sebagaimana yang terkandung dalam susunan ayat bahasa asal secara sempurna dari segi balaghah dan hukum syarak, lihat al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusayn, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* (cet. ke-7, Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000), 1:19-20.

²³ Menterjemahkan susunan ayat al-Qur'an daripada bahasa asalnya kepada bahasa sasaran, dengan mengekalkan atau mengubah susunan ayat bahasa asalnya berdasarkan kemampuan penterjemah dan keluasan bahasanya, lihat *Ibid*, 20.

²⁴ Shukri, *Terjemahan*, 18.

²⁵ *Ibid*, 25.

²⁶ *Ibid*, 217.

umat manusia.²⁷ Justeru hanya penterjemahan dari sudut makna yang zahir sahaja yang dibenarkan syarak.

Penelitian pengkaji mendapati ada yang membezakan antara *tarjamah tafsīriyyat* dan *tarjamah ma'nawiyyat*. Namun perbezaan tersebut hanya dalam konteks bagaimana kaedah penterjemahan kepada makna al-Qur'an tersebut dilakukan. *Tarjamah tafsīriyyat* digambarkan bahawa ulama Islam apabila mentafsirkan al-Qur'an mereka berhasrat menyampaikan makna yang hampir, mudah lagi *rājih*. Tafsiran tersebut kemudiannya diterjemahkan dalam bahasa sasaran dengan amanah dan pemeliharaan, justeru ia dinamakan "terjemahan tafsir al-Qur'an" atau "*tarjamah tafsīriyyat*".²⁸ Sementara *tarjamah ma'nawiyyat* digambarkan dengan penterjemah mengambil makna al-Qur'an daripada pinggirannya (makna asal) dan memindahkan makna tersebut kepada bahasa selain bahasa Arab²⁹, sayugia ia dinamakan "terjemahan makna al-Qur'an".³⁰ Malah kadang kala penterjemah *tarjamah ma'nawiyyat* turut merujuk makna asal tersebut kepada kitab tafsir untuk mengetahui makna asal yang sesuai dengan konteks ayat kerana bahasa Arab kaya dengan *mufradat*. Namun demikian, titik persamaan antara keduanya ialah terjemahan yang dilakukan mempunyai hubung kait dengan makna al-Qur'an.

Berdasarkan huraian di atas pengkaji berpendapat terjemahan yang lebih sesuai dikaitkan dengan al-Qur'an adalah daripada jenis *tarjamah ma'nawiyyat* "terjemahan makna". Pengkaji memberi fokus khusus kepada jenis terjemahan tersebut dalam kajian ini kerana ia lebih menepati maksud "tarjamah" dari sudut *'urf* (kebiasaan) dan *iştilāh*

²⁷ *Ibid*, 21.

²⁸ Al-Qaṭṭān, *Mabāhith*, 309.

²⁹ *Ibid*, 310.

³⁰ Jumu'at, *al-Mawsū'ah*, 871.

iaitu pengungkapan makna ayat dalam suatu bahasa dengan ayat lain dalam bahasa yang lain di samping memenuhi kesemua makna dan tujuannya.³¹

Usaha menterjemahkan al-Qur'an dalam bahasa-bahasa bukan Arab telah wujud sebelum tahun 537H/1142M (dalam abad ke-6H) akan tetapi dalam jumlah yang sangat sedikit. Hal ini adalah disebabkan dua faktor³²; amalan penterjemahan al-Qur'an merupakan perkara baru dan tiada keperluan untuk menterjemahkan al-Qur'an dalam bahasa-bahasa lain. Terjemahan al-Qur'an pada peringkat awal didapati telah berjaya dihasilkan dalam bahasa Barbar di Sepanyol. Namun semua terjemahan tersebut telah dimusnahkan oleh kerajaan ketika Sepanyol berada di bawah pemerintahan *al-Muwahhidin* pada tahun 1142-1289M. Selepas itu muncul pula beberapa naskhah terjemahan al-Qur'an dalam bahasa-bahasa Eropah, Afrika, Asia dan Kepulauan Melayu.³³

Aktiviti penterjemahan al-Qur'an di Malaysia dilihat bermula apabila Muhammad Ma'adah Bin Layang memperkenalkan idea penterjemahan secara *ḥarfīyyat* di Pelangi, Negeri Sembilan pada tahun 1939.³⁴ Pada tahun 1948 Abdullah Bin 'Abbas Nasution telah menghasilkan terjemahan al-Qur'an yang berjudul "Quran Bergantung Makna Jawi". Karya ini merupakan jenis penterjemahan secara *ḥarfīyyat bi dūn al-mithl* dalam tulisan jawi tanpa disertai sebarang huraian dan penjelasan.³⁵ Terjemahan al-Qur'an yang banyak digunakan dalam kalangan masyarakat di Malaysia ialah Tafsir Pimpinan Ar-Rahman oleh Faisal bin Haji Othman dan Abdullah Bin Mohd Basmeih. Karya ini daripada jenis terjemahan secara *tafsīriyyat* berdasarkan bahasa terjemahan

³¹ *Ibid*, 861.

³² Shukri, *Terjemahan*, 88.

³³ *Ibid*, 138.

³⁴ Mohd Nizho & Mohd Shukri Hanapi, "Usaha Penterjemahan al-Qur'an di Kepulauan Melayu: Satu Tinjauan Persejarahan" dalam *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara*, ed. Zulkifli Hj Mohd Yusoff et al., (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 2009), 200.

³⁵ *Ibid*, 205.

yang tidak terlalu terikat dengan teks asal. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan agak bagus dan disertakan huraian pada ayat-ayat tertentu.³⁶

Walaupun aktiviti penterjemahan al-Qur'an di Malaysia telah berkembang sekian lama, namun tidak wujud panduan atau kaedah yang berdisiplin dan diiktiraf dalam amali penterjemahan tersebut.³⁷ Hal ini menyebabkan terdapat beberapa permasalahan dalam sesetengah terjemahan al-Qur'an yang telah menimbulkan kekeliruan. Antara permasalahan yang paling menonjol ialah meninggalkan perkataan yang sepatutnya diterjemahkan, keterbatasan pengetahuan mengenai makna tepat sesuatu perkataan Arab, mengetahui hanya satu bayangan makna dan lain-lain. Kebanyakan permasalahan tersebut adalah disebabkan oleh kelemahan dalam menguasai bahasa asal al-Qur'an dan memahami isi kandungannya.³⁸ Sudah pasti perkara seperti ini akan menjatuhkan ketinggian imej al-Qur'an sebagai Kalam Allah SWT selain menghilangkan mukjizat yang terdapat pada al-Qur'an. Walaupun bersifat sementara, terjemahan al-Qur'an adalah jambatan kepada memahami isi kandungan al-Qur'an.

3. Pernyataan Masalah

Kajian-kajian terdahulu ada menyatakan terdapat beberapa permasalahan dalam penterjemahan makna al-Qur'an yang menyebabkan sesuatu perkataan atau ayat al-Qur'an tidak diterjemahkan dengan betul. Pengkaji melihat faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan tersebut ialah terbatasnya kemahiran dalam bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an.

³⁶ Shukri, *Terjemahan*, 217.

³⁷ Lubis, *Penterjemahan Makna*, 12.

³⁸ Shukri, *Terjemahan*, 167-179.

Hal ini telah mendorong ahli akademik menggariskan beberapa panduan dan kaedah dalam aktiviti penterjemahan makna al-Qur'an agar tidak berlaku sebarang kesalahan atau kekurangan yang akan merendahkan kedudukan al-Qur'an sebagai sumber premier dalam Islam.³⁹ Malah beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan berhubung aktiviti penterjemahan makna al-Qur'an khususnya di Malaysia agar dapat menjaga kesucian al-Qur'an. Walaupun terdapat usaha meletakkan kaedah dalam penterjemahan makna al-Qur'an, ini tidak bermakna kaedah tersebut diaplikasikan secara menyeluruh dalam terjemahan al-Qur'an sedia ada.

Antara kaedah yang dicadangkan ialah mensyaratkan penterjemahan makna al-Qur'an dilakukan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti bahasa Arab, bahasa pengantar dalam penterjemahan dan tafsir.⁴⁰ Selain itu, penglibatan golongan yang pakar dalam bidang sastera, sejarah, geografi, kimia, biologi, perubatan, kejuruteraan, undang-undang dan seumpamanya juga adalah satu kemestian⁴¹ kerana al-Qur'an bukan membincangkan persoalan hukum semata-mata malah terkandung di dalamnya elemen pelbagai bidang. Penterjemahan makna al-Qur'an tanpa khidmat kepakaran golongan ini sudah pasti akan menyebabkan hasil terjemahan tidak tepat, ini kerana ungkapan ada mengatakan "serahkan sesuatu urusan kepada mereka yang pakar".

Terdapat juga cadangan penubuhan Jawatankuasa Semakan Terjemahan al-Qur'an yang dianggotai oleh golongan pakar dalam bidang yang berkaitan bagi memastikan setiap terjemahan al-Qur'an yang diedarkan adalah berlandaskan kaedah

³⁹ Perkara ini dapat dilihat melalui penulisan tesis Muhammad Nur Lubis Abd Razak bertajuk "Penterjemahan Makna Al-Qur'an: Kajian Ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Qur'an" pada tahun 2004.

⁴⁰ Lubis, *Penterjemahan Makna*, 546-647.

⁴¹ *Ibid.*

yang betul.⁴² Apa yang dapat disimpulkan daripada kedua-dua cadangan tersebut ialah penterjemahan makna al-Qur'an berhajat kepada penelitian terhadap elemen pelbagai bidang ilmu yang terdapat dalam ayat-ayat al-Qur'an.

Dapat diperhatikan bahawa aktiviti penterjemahan al-Qur'an merupakan kegiatan yang berterusan dan semakin berkembang. Pengkaji berpendapat evolusi tersebut turut dipengaruhi oleh evolusi yang berlaku dalam bidang tafsir sementelahan pula tafsir memainkan peranan yang cukup penting dalam terjemahan yang dibenarkan oleh syarak iaitu terjemahan secara *tafsīriyyat* dan *ma'nawiyyat*. Evolusi dalam bidang tafsir dapat dilihat bertitik tolak daripada pengkodifikasian⁴³ ilmu-ilmu bahasa, falsafah dan sains pada era kegemilangan peradaban Islam, begitu juga dengan mazhab-mazhab *fiqh* dan aliran *kalām*. Perkembangan pesat juga berlaku dalam bidang penterjemahan karya-karya klasik dari peradaban pra-Islam seperti Yunani, Persia dan India. Pada fasa peradaban inilah muncul pelbagai metode dan corak aliran dalam tafsir al-Qur'an.⁴⁴ Tafsir boleh dipecahkan kepada beberapa corak tafsir berdasarkan kecenderungan atau pengkhususan dalam pentafsiran tersebut, antaranya⁴⁵:

1. *Tafsīr fiqhī*⁴⁶
2. *Tafsīr falsafī*⁴⁷
3. *Tafsīr da'awī ḥaraki*⁴⁸

⁴² Shukri, *Terjemahan*, 226.

⁴³ Kegiatan (usaha, proses) atau hasil mengumpulkan serta menyusun pelbagai peraturan (maklumat, norma, dan sebagainya) tentang sesuatu sehingga merupakan atau terdapat suatu keseluruhan yang bersistem dan teratur (biasanya yang dirakamkan dalam bentuk atau sesuatu terbitan), lihat Hajah Noresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 802-803.

⁴⁴ Fahmi Salim, "Tafsir Saintifik Isyarat-isyarat Ilmiah dalam Al-Qur'an", dicapai pada 17 Februari 2012, <http://quran.al-shia.org/id/lib/60.htm>

⁴⁵ Lihat al-Dhahabī, *al-Tafsīr*, 2:363-364 dan al-Khālidī, Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ, *Ta'rif al-Dārisīn bi Manāḥij al-Mufasssīrīn* (cet. ke-3, Dimashq: Dār al-Qalam, 2002), 565-568.

⁴⁶ Suatu aliran dalam tafsir yang kebiasaannya memberi kepentingan dan pentafsiran kepada ayat-ayat yang berkaitan hukum syarak, contoh: *al-Jāmi' lī Ahkām al-Qur'ān* karangan al-Qurṭubī.

⁴⁷ Penjelasan tentang kebenaran makna ayat al-Qur'an dengan menggunakan petunjuk yang nyata, serta menggunakan pola pemikiran yang radikal, sistematis dan universal agar didapat satu kebenaran yang rasional. Contoh: *Mafātīḥ al-Ghayb* karangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī.

4. *Tafsīr adabī ijtimāʿī*⁴⁹

5. *Tafsīr bayānī*⁵⁰

Selain corak-corak tafsir di atas, muncul pula corak *tafsīr ʿilmī*⁵¹ yang berorientasikan pemanfaatan hasil penemuan dalam bidang sains untuk membuktikan pelbagai kebenaran fakta ilmiah yang pernah disebutkan oleh al-Qurʿan. Tokoh-tokoh seperti Abū Ḥāmid al-Ghazālī (450-505 H), Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606 H), Ibnu Abī al-Faḍl al-Mursī (570-655 H) adalah contoh pemikir Muslim klasik yang memberikan isyarat keharusan mentafsirkan al-Qurʿan dengan bantuan penemuan sains pada zaman mereka.⁵² Seiring dengan evolusi yang berlaku dalam bidang tafsir terutama kemunculan *tafsīr ʿilmī*, bidang terjemahan al-Qurʿan juga seharusnya diberi perhatian yang sama agar terjemahan tersebut bergerak seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan budaya sekeliling.

Berdasarkan huraian permasalahan yang diutarakan, pengkaji merasakan adalah menjadi satu keperluan untuk menganalisis terjemahan makna al-Qurʿan Bahasa Melayu (fokus kepada *āyat kawniyyat*) berdasarkan *tafsīr ʿilmī* untuk mengetahui terjemahan makna yang lebih sesuai seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologi dewasa ini. Hal ini kerana al-Qurʿan adalah mukjizat Islam yang kekal dan mukjizatnya sentiasa diperkuat oleh kemajuan ilmu pengetahuan.⁵³

⁴⁸ Tafsiran yang memfokuskan dakwah dan harakah, tarbiah dan *tazkiyah*, jihad dan mujahadah, dakwah kaum Muslimin kepada pergerakan dengan al-Qurʿan, penentangan terhadap *kuffār* atas asasnya, dan mendahulukan pengajian dalam dakwah, jihad dan *muwājahah*. Contoh: *Fī Zilāl al-Qurʿān* karangan Sayyid Qutb.

⁴⁹ Tafsir yang memperlihatkan aturan-aturan al-Qurʿan tentang kemasyarakatan dan mengatasi persoalan yang dihadapi umat Islam secara khusus dan umat lain secara umum, contoh: *Tafsīr al-Marāghī* karangan Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī.

⁵⁰ Tafsir yang memberi fokus kepada bayan al-Qurʿan, *balāghah*, *naḥw* dan *ṣarf*nya. Contoh: *al-Tafsīr al-Bayānī lī al-Qurʿān* karangan Dr. ʿĀʾishah ʿAbd Raḥmān Bint al-Shāḥīʿ

⁵¹ Tafsir al-Qurʿan yang beraliran moden, titik tengahnya adalah pada bidang pengetahuan umum, untuk menjelaskan makna ayat-ayat al-Qurʿan terutama yang berkisar pada masalah alam fizik atau ayat-ayat *kawniyyat*, contoh: *al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qurʿān al-Karīm* karangan Shaykh Ṭaṭṭawī Jawharī.

⁵² Fahmi, "Tafsir Sainifik", *Ibid*.

⁵³ Al-Qaṭṭān, *Mabāhith*, 5.

Pemurnian terjemahan makna *āyat kawniyyat* tersebut diharapkan dapat memberikan satu nilai tambah kepada terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu sedia ada dalam usaha menzahirkan mukjizat al-Qur'an kepada masyarakat.

4. Persoalan Kajian

Kajian ini menjawab beberapa persoalan yang timbul berkaitan dengan terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam Bahasa Melayu berdasarkan *tafsīr 'ilmī* iaitu:

1. Apakah dimensi *āyat kawniyyat* dan peranan yang dimainkan?
2. Apakah skop perbahasan *tafsīr 'ilmī* dan kepentingannya terhadap al-Qur'an?
3. Adakah terdapat terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang tidak selari dengan fakta semasa dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu?
4. Bagaimanakah untuk menyerasikan terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam Bahasa Melayu dengan *tafsīr 'ilmī*?

5. Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang dijalankan ialah:

1. Menjelaskan dimensi *āyat kawniyyat* dan peranannya.
2. Memahami skop perbahasan *tafsīr 'ilmī* secara tuntas dan kepentingannya terhadap al-Qur'an.
3. Mengenal pasti terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang tidak selari dengan fakta semasa dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu.

4. Menganalisis keserasian terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam Bahasa Melayu dengan *tafsīr ‘ilmī*.

6. **Kepentingan Kajian**

Kajian ini memainkan peranan yang penting dalam usaha memurnikan permasalahan yang terdapat dalam penterjemahan makna al-Qur’an kerana terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu khususnya mempunyai kedudukan yang cukup istimewa dalam dunia akademik khasnya dan masyarakat amnya. Ini kerana al-Qur’an merupakan sumber premier dalam Islam manakala terjemahan makna al-Qur’an menjadi rujukan sebagai jambatan untuk memahami isi kandungannya.

Kajian ini secara tidak langsung memberikan pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya dan bukan Islam amnya terhadap mukjizat al-Qur’an terutama *i’jāz ‘ilmī* yang kebiasaannya terdapat pada *āyat kawniyyat*. Sebarang kesilapan dalam penterjemahan makna al-Qur’an pasti akan mencacatkan kesempurnaan al-Qur’an dan menghilangkan mukjizat yang ada padanya selain menjadi bahan tohmahan dan kritikan musuh-musuh Islam.

Selain itu, usaha pemurnian ini boleh dianggap perintis dalam penelitian semula terjemahan al-Qur’an sedia ada dalam pelbagai bidang bagi mana-mana pengkaji yang ingin melibatkan diri dalam usaha ini pada masa akan datang.

Dalam masa yang sama kajian ini adalah bagi memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Usuluddin Universiti Malaya bagi sesi 2013/2014.

7. Skop Kajian

Bagi memudahkan pengkaji menjalankan kajian yang lebih fokus, pengkaji akan membataskan kajian hanya terhadap terjemahan makna ayat al-Qur'an berkaitan ciptaan atau lebih dikenali sebagai *āyat kawniyyat* yang terdapat dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu. Terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang tidak selari dengan fakta semasa sahaja akan dipilih. Sementara analisis berdasarkan *tafsīr 'ilmī* pula hanya dijalankan pada *āyat kawniyyat* yang berkaitan penciptaan haiwan, tumbuhan, manusia, bumi dan langit.

Dalam masa yang sama kajian ini tidak menyentuh perihal *āyat-āyat kawniyyat* yang masih belum dibincangkan secara mendalam oleh pakar dalam bidang tersebut. Selain itu, *tafsīr 'ilmī* yang dilihat tidak menepati piawaian yang akan digariskan turut diabaikan.

8. Definisi Tajuk

Tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah “Terjemahan Makna *Āyat Kawniyyat* Dalam Terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan *Tafsīr 'Ilmī*.”

Sebelum membicarakan tajuk ini dengan lebih lanjut, terlebih dahulu pengkaji ingin menjelaskan beberapa istilah penting dalam tajuk kajian seperti “Terjemahan Makna”, “*Āyat Kawniyyat*”, “Bahasa Melayu” dan “*Tafsīr 'Ilmī*”.

1. Terjemahan Makna:

Terjemahan dari sudut bahasa Arab memberikan maksud seperti berikut⁵⁴:

1. Penyampaian percakapan kepada sesiapa yang tidak sampai kepadanya.
2. Penerangan percakapan dengan bahasa yang asal.
3. Penerangan percakapan dengan satu bahasa yang lain daripada bahasa asal.
4. Pemindahan percakapan daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain.

Manakala pengertian terjemahan dari segi '*urf* (kebiasaan) dan *iştilāh* pula ialah pengungkapan makna suatu percakapan dalam suatu bahasa menggunakan suatu ungkapan lain dalam bahasa yang lain di samping menepati kesemua makna dan tujuannya.⁵⁵

Sementara perkataan “makna” dari segi bahasa memberi erti maksud atau sesuatu yang ditunjuk oleh lafaz.⁵⁶ Bahasa Arab jika dilihat dari sudut lafaz-lafaz yang menunjukkan makna menurut perbahasan para ahli bahasa Arab dan Usul Fiqh terdapat dua kategori⁵⁷:

⁵⁴ Muşţafā & Muhy al-Dīn, *al-Wāḍiḥ*, 258.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ 'Umar, Aḥmad Mukhtār, *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āşirah* (Kaherah: 'Alam al-Kutub, 2008), 2:1567.

⁵⁷ Lubis, *Penterjemahan Makna*, 242.

1. Makna yang mudah difahami dari sudut bahasanya sendiri atau zahirnya, dinamakan sebagai *makna asal* atau *pertama*, atau *dilālah aṣliyyah*⁵⁸ (petunjuk asal).
2. Makna yang memerlukan usaha tertentu bagi memahaminya atau untuk apa ia diungkapkan, dinamakan sebagai *makna kedua* atau *petunjuk kedua*, atau *dilālah tābi‘ah*⁵⁹.

Rangkaian kata “Terjemahan Makna” atau dalam kajian ini merujuk kepada salah satu daripada jenis terjemahan al-Qur’an iaitu *tarjamah ma‘nawiyat*. Terjemahan jenis ini dapat digambarkan dengan penterjemah mengambil makna al-Qur’an daripada pinggirannya (makna asal) dan memindahkan makna tersebut kepada bahasa selain bahasa Arab⁶⁰, sayugia ia dinamakan “terjemahan makna al-Qur’an”.⁶¹

Penggunaan istilah “terjemahan” semata-mata dalam penterjemahan berkaitan al-Qur’an menggambarkan terjemahan tersebut menyamai al-Qur’an secara keseluruhan dari aspek makna dan susunannya di mana perkara tersebut adalah mustahil.

⁵⁸ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2:105.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ *Ibid.*, 310.

⁶¹ Jumu‘at, *al-Mawsū‘ah*, 871.

2. *Āyat Kawniyyat*:

Perkataan *kawniyyat* dalam bahasa Arab merupakan kata nisbah kepada *āyat*, berasal daripada akar kata “kawn” yang bermaksud ciptaan.⁶² Rangkai kata *āyat kawniyyat* dalam kajian ini merujuk kepada ayat-ayat al-Qur’an yang menyentuh berkenaan ciptaan-ciptaan Allah SWT.

3. Bahasa Melayu:

Menurut Kamus Dewan perkataan Melayu merupakan nama suatu bangsa dan bahasa (terutama di Semenanjung Malaysia).⁶³

Sementara istilah Bahasa Melayu dalam kajian ini merujuk kepada Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia. Pengkaji akan melakukan analisis terhadap terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam beberapa terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia.

4. *Tafsīr ‘Ilmī*

Tafsīr ‘ilmī merupakan pentafsiran al-Qur’an berorientasikan sains dalam usaha menjelaskan makna saintifik terhadap ayat-ayat al-Qur’an terutama yang berkisar pada persoalan ciptaan atau ayat-ayat *kawniyyat* yang menepati kaedah-kaedah dan analisis sains moden dalam rangka untuk mengesahkan kebenaran al-Qur’an terhadap hakikat berhubung ciptaan atau *al-kawn*.

⁶² Al-Fayrūzābādī, Muḥammad Ibn Ya‘qūb, *al-Qāmūs al-Muḥīt*, (cet. ke-8, Beirut: Muassasah al-Risālah, 2005), 1228.

⁶³ Noresah, *Kamus Dewan*, 1014.

Berdasarkan penjelasan istilah-istilah di atas, pengkaji membuat satu rumusan dengan memberikan satu contoh agar gambaran lengkap mengenai tajuk kajian dapat diterjemahkan. Dalam penciptaan haiwan contohnya, Allah SWT berfirman dalam ayat 68 surah al-Nahl:

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا
يَعْرَشُونَ ﴿٦٨﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia sebagaimana berikut:

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	"Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia." ⁶⁴
Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	"Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: "Buatlah sarang-sarang di bukit-bukit dan di pohon-pohon kayu dan di bangunan-bangunan yang dibuat manusia." ⁶⁵
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	"Dan Tuhanmu juga memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang, pokok-pokok kayu dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia." ⁶⁶
Mushaf al-Masar	"Dan Tuhanmu mengilhamkan kepada lebah, "Buatlah sarang di gunung-gunung, di pohon-pohon kayu, dan di tempat-tempat yang didirikan manusia." ⁶⁷
Tafsir Qur'an Per Kata	"Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok, dan dari apa yang mereka dirikan." ⁶⁸
Tafsir Qur'an Karim	"Tuhanmu telah mewahyukan (mengilhamkan) kepada lebah, Buatlah rumah di atas bukit, di atas pohon kayu dan pada apa2 yang mereka jadikan atap." ⁶⁹
Al-Qur'an dan Terjemahnya	"Dan Tuhanmu mengilhamkan kepada lebah: "Buatlah sarang-sarang di bukit-bukit, di pohon-pohon kayu, dan di tempat-tempat yang dibikin manusia". ⁷⁰

⁶⁴ Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an (30) Juz* (cet. ke-13, Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2002) 649.

⁶⁵ *Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim* (Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd., 2009), 274.

⁶⁶ *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan* (cet. ke-2, Selangor: Yayasan Restu, 2006), 278.

⁶⁷ *Mushaf al-Masar* (Selangor: Masar Enterprise, 2010), 274.

⁶⁸ Ahmad Hatta, *Tafsir Qur'an Per Kata* (cet. ke-2, Perak: Maghfirah Pustaka al-Madani Enterprise, 2012), 274(a).

⁶⁹ Mahmud Yunus, *Tafsir Qur'an Karim* (cet. ke-3, Selangor: Klang Book Centre, 1998), 389.

Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	“Dan Tuhanmu mengilhamkan kepada lebah, “Buatlah sarang di gunung-gunung, di pohon-pohon kayu dan di tempat-tempat yang dibikin manusia.” ⁷¹
Al-Qur'an Cordoba	“Dan Tuhanmu mengilhamkan kepada lebah, “Buatlah sarang di gunung-gunung, di pohon-pohon kayu dan di tempat-tempat yang dibikin manusia.” ⁷²
The Holy Qur'an al-Fatih	“Dan Tuhanmu mengilhamkan kepada lebah, “Buatlah sarang di gunung-gunung, di pohon-pohon kayu dan di tempat-tempat yang dibikin manusia.” ⁷³

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat ini adalah “النحل”. Apa yang dapat diperhatikan kesemua terjemahan al-Qur'an di atas memberikan terjemahan yang sama kepada makna perkataan tersebut iaitu “lebah”. Hal ini telah menimbulkan persoalan sama ada lebah tersebut jantan ataupun betina, ini kerana lebah merupakan haiwan yang mempunyai gender. Persoalan lain ialah adakah perkataan tersebut menunjukkan makna tunggal atau sebaliknya.

Pengkaji kemudiannya merujuk kepada *tafsīr 'ilmī* kepada ayat tersebut bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut dan seterusnya memberi cadangan terjemahan makna berdasarkan *tafsīr 'ilmī* tersebut.

Pentafsiran para *mufassir* kepada ayat ini banyak berkisar tentang maksud ilham. Abū Ḥayyān menyatakan kalimah “النحل” merupakan *ism jins* (kata nama menunjukkan jenis), *mufradnya* ialah نحلة dan lafaz tersebut *dimuannathkan* dalam percakapan masyarakat Ḥijāz,⁷⁴ manakala Ibn ‘Ashūr berpendapat ia adalah *ism jins jam'ī* (kata nama jenis menunjukkan bilangan banyak).⁷⁵ Al-Bayḍāwī pula mengatakan *dimuannathkan ḍamīr* (kata ganti diri) berdasarkan makna sedangkan “النحل” adalah

⁷⁰ *Al-Qur'an dan Terjemahnya* (Madinah: Mujamma‘ Khādim al-Ḥaramayn, 1991), 412.

⁷¹ *Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference* (Jawa Barat: Sygma Publishing, 2010), 545.

⁷² *Al-Qur'an Cordoba The Amazing 33 in 1* (Bandung: Cordoba International Indonesia, 2012), 545.

⁷³ *The Holy Quran al-Fatih* (cet. ke-3, Jakarta Timur: PT. Media Insan Pustaka, 2012), 274.

⁷⁴ Al-Andalūsī, Muḥammad Ibn Yūsuf, *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 5:496.

⁷⁵ Ibn ‘Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Tunisia: Dār al-Tūnisiyyah, 1884), 14:205.

muzakkar.⁷⁶ Menurut al-Jawharī, kalimah النحلة dan النحل digunakan untuk jantan dan betina, kecuali dikatakan يعسوب (lebah jantan).⁷⁷

Dari segi bahasa, النحل menurut *Lisān al-‘Arab* bermaksud lalat madu, lafaz tunggalnya نحلة.⁷⁸ Ada yang berpendapat النحل adalah *mudhakkar* kerana lafaznya *mudhakkar*, manakala digunakan sebagai *mu’annath* kerana lafaz النحل jamak kepada نحلة. Namun Allah SWT telah menyatakan lafaz tersebut sebagai *mu’annath* sebagaimana dalam ayat tersebut “أن اتخذي من الجبال بيوتا”.⁷⁹ Hal ini menarik perhatian ulama tafsir mengkaji dengan lebih mendalam dengan melihat kepada fakta sains moden. Ternyata ayat tersebut mempunyai *i’jāz* yang belum diketahui sebelumnya.

Lebah adalah nama umum bagi keluarga serangga dalam kelas *hymenoptera*. Ada lebah yang hidup secara kolektif dan secara bersendirian. Lebah dibahagikan kepada beberapa pengelasan untuk mudah dikenali, antaranya⁸⁰:

- i. Megachileidae : Lebah pemotong daun
- ii. Xylocopidae : Lebah tukang kayu
- iii. Bombidae : Lebah dengung
- iv. Apidae : Lebah madu

Dalam ayat tersebut Allah SWT menyatakan Dia telah memberi ilham kepada lebah dengan sebutan secara umum, namun dapat difahami bahawa lebah tersebut merujuk kepada lebah madu. Justeru perbincangan seterusnya menjurus kepada lebah

⁷⁶ Al-Baydawi, ‘Abd Allah Ibn ‘Umar, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl* (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.), 3:232.

⁷⁷ Al-Qurṭubī, Muḥammad Bin Aḥmad, *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qurān* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006), 12:365.

⁷⁸ Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram, *Lisān al-‘Arāb* (Beirut: Dār al-Ma‘ārif, t.t.), 2:118.

⁷⁹ Al-Azharī, Muḥammad Bin Aḥmad, *Tahzīb al-Lughah* (Beirut: Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 2001), 5:42.

⁸⁰ Abdul Halim Bashah, *Rahsia Lebah* (Selangor: Pustaka Ilmi, 1997), 35.

madu secara khusus. Lebah madu adalah salah satu serangga sosial yang hidup dalam koloni. Setiap koloni tersebut kebiasaannya terdiri daripada⁸¹:

1. Ratu Lebah:

Lebah betina yang subur (tidak mandul). Tugas ratu lebah ialah bergerak di atas sarang lebah, memeriksa sarang dan bertelur dalam tempat yang kosong dan bersedia untuk menerima mereka. mengawal keseluruhan kegiatan koloni lebah. Ratu mengeluarkan dua jenis telur; telur yang disenyawakan akan melahirkan lebah-lebah betina dan ratu, manakala yang tidak disenyawakan akan menjadi lebah jantan.


2. Lebah Jantan:

Lebah jantan yang subur (tidak mandul), dihasilkan dalam kebanyakan koloni madu lebah bermula bulan Mei hingga Julai. Satu-satunya fungsi lebah ini adalah untuk mengawani ratu lebah.

3. Lebah Pekerja:

Merupakan lebah-lebah betina yang mandul. Lebah pekerja menjalankan tugas-tugas yang penting bagi perkembangan dan kelangsungan koloni seperti memberi makan dan menjaga anak-anak yang terhasil daripada telur ratu, membina sarang baru, memperbaiki sarang sedia ada, mempertahankan koloni dan mencari makanan, air dan propolis (bahan resin merah atau coklat yang dikumpul dari tunas pokok untuk membina dan mengilap sarang).


⁸¹ Free, John B., *Bees and Mankind* (London: George Allen & Unwin Publishers, 1982), 42-45.



Rajah 1: Gambar lebah pekerja, lebah jantan dan ratu

Sumber: http://www.barnsleybeekeepers.org.uk/bee_sexes.html

Apa yang menakjubkan ialah sebahagian daripada saluran pencernaan di bahagian hadapan abdomen lebah pekerja diperbesarkan untuk membentuk perut madu di mana madu dikumpulkan dan dibawa kembali ke sarang.⁸² Hal ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam ayat berikutnya dengan firmanNya: يخرج من بطونها شراب (keluar daripada perutnya satu minuman). Kata ganti nama *mu'annath* yang digunakan menguatkan lagi pernyataan bahawa lebah yang dimaksudkan dalam ayat sebelumnya adalah lebah betina.



Rajah 2: Gambar lakaran struktur dalaman lebah pekerja

Sumber: <http://www.leominsterbeeman.com/Glossary.htm>

⁸² *Ibid*, 49-50.

Berdasarkan fakta yang ditemui berhubung lebah madu, secara langsung redaksi dalam ayat tersebut ditujukan kepada lebah madu betina dari kalangan pekerja. Hal ini kerana lebah inilah yang membina sarang dan terbang berpuluh kilometer untuk mengumpulkan madu bunga dan bijian debunga daripada pelbagai tumbuhan berbunga. Lebah pekerja betina inilah yang diberikan kudrat oleh Allah SWT untuk menghasilkan minuman yang dikenali dengan madu lebah.⁸³

Kalimah النحل dalam masa yang sama turut menunjukkan kepada bilangan dalam bentuk jamak bagi lebah. Ini adalah bersesuaian dengan masyarakat lebah madu yang hidup secara berkelompok dan saling bekerjasama. Terjemahan makna “lebah” semata-mata tidak menggambarkan bilangan jamak secara langsung.

Jelas bahawa perkataan النحل dalam ayat tersebut adalah lebah-lebah betina (berdasarkan pemerhatian) dan tidak memadai jika diterjemahkan maknanya sekadar “lebah”. Pengkaji mencadangkan penambahan nilai dilakukan terhadap terjemahan makna sedia ada bagi kalimah النحل iaitu “lebah-lebah (betina)” dan diberikan sedikit penghuraian bahawa lebah-lebah betina tersebut adalah daripada jenis lebah madu.

9. Kajian Literatur

Berdasarkan pembacaan pengkaji terhadap beberapa penulisan yang berkait dengan “Terjemahan Makna *Āyat Kawniyyat* Dalam Terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan *Tafsīr ‘Ilmī*”, sejauh yang diketahui belum ada perbincangan yang menyeluruh mengenai tajuk kajian diketengahkan.

⁸³ Al-Najjār, Zaghūl, *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat fī al-Qur’ān al-Karīm* (Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyat, 2007), 1:496.

Mohd Shukri Hanapi dalam bukunya telah mengetengahkan perbahasan mengenai terjemahan al-Qur'an dalam pelbagai perspektif bermula dengan konsep, hukum, sejarah pertumbuhan dan sebagainya. Beliau turut mengkaji permasalahan dalam menterjemah makna al-Qur'an secara umum. Menurut beliau terdapat tujuh sebab yang menimbulkan permasalahan dalam aktiviti menterjemah makna al-Qur'an, antaranya:

1. Menterjemahkan lafaz al-Qur'an al-Karim dengan Makna Bacaan Mulia.
2. Meninggalkan perkataan yang sepatutnya diterjemahkan.
3. Keterbatasan pengetahuan mengetahui makna tepat sesuatu perkataan Arab.
4. Terkeliru antara dua perkataan Arab yang berlainan.
5. Mengetahui hanya satu bayangan makna.
6. Berusaha menentukan makna sesuatu perkataan Arab dengan menggunakan imaginasi.

Beliau turut memberikan beberapa cadangan kepada penambahbaikan aktiviti penterjemahan makna al-Qur'an di Malaysia. Cadangan yang paling menarik perhatian pengkaji ialah perlantikan golongan pakar sebagai ahli jawatankuasa penyemak terjemahan makna al-Qur'an. Ini kerana kandungan al-Qur'an merangkumi pelbagai bidang ilmu dan memerlukan kepakaran golongan tertentu untuk mengetahui terjemahan makna yang tepat. Selain itu cadangan pengemaskinian semula terjemahan makna al-Qur'an sedia ada turut diutarakan beliau.

Buku ini adalah antara kajian ilmiah terawal yang dilakukan khususnya di Malaysia bagi mengkaji persoalan berkaitan terjemahan al-Qur'an. Pengkaji cenderung

merujuk buku ini dalam melakukan kajian terutama dalam menyoroti perbincangan mengenai penterjemahan al-Qur'an.

Seterusnya beliau bergandingan dengan Mohd Nizho Abdul Rahman dalam menghasilkan satu kertas kerja mengenai usaha penterjemahan makna al-Qur'an dari sudut persejarahan di Nusantara.⁸⁴ Kertas kerja tersebut memberikan nilai tambah kepada maklumat berkenaan perkembangan terjemahan makna al-Qur'an di Malaysia dan Indonesia sedia ada yang terdapat dalam penulisan Mohd Shukri Hanapi sebelum ini, malah terdapat juga maklumat mengenai projek kontemporari terjemahan makna al-Qur'an di Malaysia.

Muhammad Nur Lubis dalam tulisan beliau telah mengkaji mengenai penterjemahan makna al-Qur'an dari sudut sejarah dan permasalahannya. Beliau ada menyatakan penterjemahan makna al-Qur'an secara lengkap dalam bahasa Melayu baru muncul pada sekitar pertengahan abad ke-18.⁸⁵ Sehingga tahun 1998, beliau menganggarkan terdapat lebih daripada lima puluh buah terjemahan dan tafsir yang dihasilkan dalam bahasa Melayu/Indonesia.⁸⁶

Beliau menjalankan kajian dalam usaha melahirkan kaedah dalam menterjemahkan makna al-Qur'an. Pada pendapat beliau, satu jenis ilmu yang diberi nama Ilmu Usul Penterjemahan Makna al-Qur'an adalah amat penting kerana belum ada panduan penterjemahan dalam bentuk yang telah didisiplinkan. Walaupun terdapat penulisan yang telah diterbitkan yang dikatakan sebagai kaedah menterjemah, namun

⁸⁴ Nizho & Shukri, *Usaha*, 193-210.

⁸⁵ Muhammad Nur Lubis, "Penterjemahan al-Qur'an: Sejarah dan Permasalahannya" (disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam Omar Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam, 1999), sila rujuk Lubis, *Penterjemahan Makna*, 198.

⁸⁶ Lubis, *Penterjemahan al-Qur'an*, 193, lihat juga Muhammad Nur Lubis, *Data-data Terbitan Awal Penterjemahan & Pentafsiran al-Qur'an di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Hidayah, 2002).

kandungannya lebih menonjolkan kaedah-kaedah cara memahami bahasa Arab sahaja dengan mengemukakan contoh ayat-ayat al-Qur'an.⁸⁷

Justeru beliau telah menggariskan disiplin, kaedah dan syarat bagi ilmu usul penterjemahan makna al-Qur'an. Terdapat tiga disiplin utama iaitu; *al-Mawdū'*, *al-Masā'il* dan *al-Mabādi'*, manakala terdapat dua puluh tiga kaedah telah diperkenalkan. Sementara syarat pula dibahagikan kepada dua iaitu syarat penterjemah dan syarat terjemahan. Antara syarat yang menjadi tarikan pengkaji walaupun beliau menyatakan syarat tersebut hanyalah syarat penyempurna ialah terjemahan makna al-Qur'an tersebut dihasilkan secara berkumpulan.

Syarat ini dimasukkan adalah kerana terdapat sebahagian pakar penterjemah yang mensyaratkan penterjemah mestilah mempunyai latar belakang ilmiah yang luas dalam bidang disiplin ilmu yang hendak diterjemahkan. Ini adalah untuk mengelakkan bercampur aduk antara makna perkataan yang terdapat di dalam sumber teks.⁸⁸ Hasil kajian beliau ini bersifat teori yang menuntut kepada pengaplikasian dalam aktiviti penterjemahan al-Qur'an. Pokoknya, terjemahan yang telah sedia ada masih perlu dikemas kini dan diharmonikan akan sejajar dengan kaedah yang telah digariskan.

Dalam tulisan yang lain Abd Rahman Abdul Ghani menjalankan kajian terhadap pemeliharaan al-Qur'an oleh Unit Kawalan Teks al-Qur'an Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.⁸⁹ Beliau telah menyentuh secara mendalam usaha yang dilakukan pihak kerajaan melalui penubuhan satu unit yang bertanggungjawab memberi lesen kepada mana-mana syarikat yang ingin menerbitkan al-Qur'an. Terdapat beberapa piawaian

⁸⁷ Lubis, *Penterjemahan Makna*, 351

⁸⁸ *Ibid*, 546.

⁸⁹ Abd Rahman Abd Ghani, "Pemeliharaan Al-Qur'an: Kajian di Unit Kawalan Teks Al-Qur'an Kementerian Keselamatan Dalam Negeri" (tesis kedoktoran, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).

yang telah digariskan oleh Unit Kawalan Teks al-Qur'an dalam penerbitan teks al-Qur'an selain melantik satu jawatankuasa penyemak yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang al-Qur'an.

Namun pengkaji mendapati beliau hanya menyentuh permasalahan berkenaan teks al-Qur'an dan tidak menyentuh berkenaan terjemahan al-Qur'an sama ada dari sudut piawaian yang digariskan dan bagaimana proses penyemakan dilakukan jawatankuasa tersebut, walhal tanggungjawab unit tersebut ialah menyemak kesemua teks yang berkaitan al-Qur'an termasuk juga terjemahan al-Qur'an.

Muhammad Arsyad Abdul Majid dalam penulisan beliau⁹⁰ telah mengkaji tahap penterjemahan makna pengkhususan dalam terjemahan Arab-Melayu. Kajian tersebut dilakukan adalah untuk melihat makna implisit⁹¹ pendepanan⁹² (التقديم) dalam struktur ayat Bahasa Arab iaitu pengkhususan (التخصيص) diterjemahkan dalam Bahasa Melayu. Beliau telah mengambil Tafsir Pimpinan Ar-Rahman sebagai sampel kajian dan analisis dilakukan terhadap Surah al-Baqarah. Terjemahan daripada ayat-ayat surah tersebut dianalisis untuk mengenal pasti makna implisit pendepanan iaitu pengkhususan yang terdapat dalam pendepanan penyandar (المسند إليه), pendepanan pesandar (المسند) dan pelengkap kata kerja (متعلقات الفعل). Ayat yang menjadi kajian melibatkan ayat penyata dan ayat nafi.

⁹⁰ Muhammad Arsyad Abdul Majid, "Terjemahan Arab-Melayu Dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendepanan Dalam Surah Al-Baqarah" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

⁹¹ Implisit bermaksud dinyatakan secara tidak langsung atau tidak terang-terangan, dalam erti kata lain sesuatu yang tersirat.

⁹² Pendepanan yang dimaksudkan di sini ialah pendepanan lafaz dan bukannya pendepanan ayat.

Ahmad Sukri Bin Mustafa⁹³ pula mengkaji terjemahan surah al-Baqarah dari aspek sintaksis⁹⁴ di mana Tafsir al-Azhar dijadikan sampel. Beliau telah mengenal pasti bentuk-bentuk ayat pasif⁹⁵ Bahasa Melayu dalam terjemahan makna al-Qur'an dan melakukan analisis terhadap ayat tersebut. Analisis tersebut pula difokuskan kepada ayat pasif dengan ganti nama diri dan ayat pasif bukan dengan ganti nama diri. Hasil kajian tersebut mendapati 128 daripada 286 ayat surah al-Baqarah adalah ayat pasif.

Sementara itu Siti Masaliny Ismail dalam tulisan beliau⁹⁶ telah mengkaji *āyat kawniyyat* menurut al-Qur'an dan hanya memberikan tumpuan terhadap Surah al-Naḥl. Beliau terlebih dahulu menjelaskan pengertian *al-kawniyyat* dan kandungannya dalam al-Qur'an, kemudian menyenaraikan ayat-ayat yang mengandungi elemen *al-kawniyyat* dalam Surah al-Naḥl. Seterusnya beliau mengetengahkan teori sains yang dikemukakan para saintis dan membandingkannya dengan hakikat penciptaan yang terdapat dalam al-Qur'an dalam rangka pembuktian kebenaran hakikat penciptaan dalam *āyat kawniyyat* adalah bertepatan dengan teori sains. Pengkaji berpendapat kajian beliau merupakan satu pengukuhan kepada *i'jāz 'ilmī* al-Qur'an.

Nūr Hāni Muḥammad Samḥān pula mengkaji klausa penutup bagi *āyat kawniyyat* dan *insāniyyat* dari aspek uslub.⁹⁷ Kajian ini memberi penekanan kepada ayat tersebut dalam tiga aspek⁹⁸; semantik, struktur ayat dan susunan bunyi. Dalam aspek

⁹³ Ahmad Sukri Mustafa, "Terjemahan Surah al-Baqarah: Analisis Sintaksis Dalam Tafsir al-Azhar" (disertasi Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 2003).

⁹⁴ Bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat.

⁹⁵ Ayat pasif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai unsur yang diterangkan. Perbezaan ayat pasif dengan aktif ialah ayat aktif mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul, sementara ayat pasif pula mengutamakan subjek terbitan sebagai judul.

⁹⁶ Siti Masaliny Ismail, "Al-Ayāt Al-Kawniyyāt Menurut Al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Surah al-Naḥl" (disertasi Master, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

⁹⁷ Pengkaji mendapati beliau mengasingkan ayat al-Qur'an berkaitan penciptaan manusia daripada *āyat kawniyyat* sedangkan pengkaji sebaliknya.

⁹⁸ Nūr Hāni Muḥammad Samḥān, "Jumlah al-Khātimah fī al-Āyat al-Kawniyyat wa al-Insāniyyat Dirāsah Uslūbiyyah" (disertasi Master, Universiti Kebangsaan an-Najāh, Nablus, 2009).

pertama pengkaji berusaha mengenal pasti *munāsabat* (kaitan/hubungan) antara klausa penutup - merangkumi lafaz dan susunan - dengan makna umum ayat tersebut. Aspek kedua pula menyentuh struktur ayat dari segi nahu dan balaghah dan aspek ketiga mengkaji *i'jāz musīqī* (mukjizat muzik) dalam ayat tersebut. Hasil daripada kajian telah memberi nilai tambah kepada *āyat kawniyyat* dari aspek uslub.

Mazlan Ibrahim dalam kajian beliau⁹⁹ telah mengetengahkan perbincangan *tafsīr 'ilmī*. Beliau membahaskan pengertian *tafsīr 'ilmī*, menyoroti sejarah kemunculan dan perkembangannya selain turut menganalisis pandangan ahli tafsir dan ulama terhadap tafsir tersebut. Penulisan beliau membantu pengkaji dalam mendapatkan latar belakang mengenai *tafsīr 'ilmī* secara umum terutama dalam aspek sejarah dan analisis beliau. Terdapat beberapa aspek yang masih boleh ditambah nilai dan dikemaskinikan agar skop perbincangan tersebut lebih meluas.

Berdasarkan pemerhatian tersebut, dapat disimpulkan kajian-kajian lepas menyentuh perkara-perkara berikut:

1. Konsep, sejarah perkembangan dan masalah yang berkaitan dengan penterjemahan al-Qur'an.
2. Usaha melahirkan disiplin ilmu dalam penterjemahan makna al-Qur'an.
3. Analisis terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu dari sudut sintaksis.
4. Kandungan *āyat kawniyyat* dari segi uslub dan pembuktian kebenarannya dengan fakta sains moden.
5. Pengertian *tafsīr 'ilmī*, sejarah kemunculan dan perkembangannya serta analisis pandangan ahli tafsir dan ulama terhadap tafsir tersebut.

⁹⁹ Mazlan Ibrahim, "Tafsir 'Ilmiy: Sejarah Perkembangan Serta Pandangan Ahli Tafsir dan Ulama Terhadapnya" (disertasi Master, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998)

Justeru dalam kajian ini pengkaji akan cuba menerapkan perkara-perkara sebagaimana berikut:

1. Dimensi *āyat kawniyyat* dalam ruang lingkup yang lebih luas.
2. Perbincangan *tafsīr ‘ilmī* yang lebih mendalam terutama dalam aspek kaedah dan asas.
3. Analisis keserasian terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu dengan *tafsīr ‘ilmī*.

10. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengenal pasti tumpuan masalah kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan penyelidikan perpustakaan atau *library research* sebagai medan penyelidikan. Metode utama dalam menjalankan penyelidikan ini ialah; Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

10.1 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan metode yang digunakan bagi mencari dan mengumpulkan maklumat berkaitan bidang kajian. Dalam membuat kajian, pengkaji menggunakan metode dokumentasi, metode historiografi dan juga metode wawancara dalam menyiapkan kajian ini.

10.1.1 Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi merupakan salah satu cara pengumpulan data iaitu mengkaji dokumen-dokumen berkaitan dengan skop kajian. Pengkaji merekodkan data-data berkaitan dengan bahan kajian di mana bahan ini telah siap direkodkan dan dibukukan. Tujuan pengkaji berbuat demikian adalah untuk mendapatkan maklumat daripada bahan bacaan. Pengkaji mengkaji karya-karya yang telah dihasilkan oleh penulis atau penyelidik terdahulu untuk mendapatkan maklumat semasa daripada bahan bacaan. Pengkaji cuba memanfaatkan bahan-bahan bertulis sama ada rasmi atau tidak rasmi yang terdiri daripada buku-buku, tesis, jurnal, majalah, akhbar dan disertasi. Selain itu, ia turut meliputi al-Qur'an dan terjemahannya, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadith dan sebagainya yang terdiri daripada rujukan berbahasa Melayu, Arab dan juga Inggeris. Data-data yang telah diperoleh digunakan dalam perincian bahan kajian iaitu mengenai:

- i. Latar belakang masalah dan kajian perpustakaan dalam pendahuluan.
- ii. Pengenalan *āyat kawniyyat* dan peranannya dalam Bab Satu.
- iii. Skop perbincangan *tafsīr 'ilmī* dan kepentingannya terhadap al-Qur'an dalam Bab Dua.
- iv. Pengenalan terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu dan terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan tersebut dalam Bab Tiga.
- v. Analisis terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu berdasarkan *tafsīr 'ilmī* dalam Bab Empat.

Selain itu, pengkaji turut mengunjungi beberapa buah perpustakaan bagi mendapatkan maklumat dan data. Antara perpustakaan yang lazim dikunjungi oleh pengkaji ialah:

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- iii. Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya.
- iv. Perpustakaan Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

10.1.2 Metode Historiografi

Penggunaan metode ini diaplikasikan dalam mengumpul dan mentafsirkan gejala, peristiwa atau gagasan yang timbul pada masa dahulu bagi membuat generalisasi bagi memahami kenyataan sejarah. Pengkaji menggunakan metode ini semasa mendapatkan data-data berkaitan sejarah kemunculan *tafsīr 'ilmī* dalam Bab Dua dan aktiviti penterjemahan makna al-Qur'an di Malaysia dan Indonesia dalam Bab Tiga.

10.1.3 Metode Wawancara

Metode wawancara juga merupakan salah satu metode yang boleh digunakan dalam sesuatu kajian. Pengkaji telah mewawancara individu yang mempunyai keahlian dalam bidang yang dikaji untuk mendapatkan maklumat tambahan dan pengabsahan hasil kajian, sebagai contoh dalam mengkaji penciptaan haiwan, pengkaji menemu bual Prof. Dr. Rosli Bin Hashim, pakar

dalam kajian berkaitan labah-labah bagi mengembang dan mengukuhkan lagi kajian.

10.2 Metode Analisis Data

Analisis data merupakan proses mengesan dan mengenal pasti bentuk-bentuk taburan data. Setelah data-data yang dikehendaki diperoleh, pengkaji menjalankan proses menganalisis data dengan menggunakan kaedah; Metode Induktif, Metode Deduktif dan Metode Komparatif.

10.2.1 Metode Induktif

Metode ini merupakan satu cara bagi menganalisis data-data melalui cara berfikir dengan mencari bukti dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada rumusan yang bersifat umum. Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam Bahasa Melayu berdasarkan *tafsīr ‘ilmī*. Hasil dari analisis tersebut dijadikan kesimpulan umum terhadap permasalahan dalam penterjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu. Metode ini digunakan di dalam Bab Empat.

10.2.2 Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan metode untuk membuat kesimpulan daripada kenyataan umum kepada kenyataan khusus. Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini bagi merumuskan pelbagai fakta yang berkaitan

dan membuat kesimpulan serta pemahaman daripada isu tersebut untuk mengemukakan cadangan penyelesaian. Metode ini digunakan dalam mengemukakan cadangan terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam Bahasa Melayu yang paling tepat berdasarkan *tafsīr ‘ilmī* dalam Bab Empat dan membuat rumusan dalam Bab Lima.

10.2.3 Metode Komparatif

Metode komparatif adalah suatu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala maklumat berkaitan kajian yang telah diperoleh. Pengkaji membuat perbandingan antara terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan-terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu dalam Bab Tiga. Hasil daripada perbandingan tersebut akan dianalisis oleh pengkaji dalam Bab Empat.

11. Sistematika Penulisan

Tesis ini dibahagikan kepada enam bahagian dan beberapa tajuk kecil iaitu:

Pendahuluan:

Bab ini merupakan pendahuluan kepada kajian yang mengandungi latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Bab Satu:

Pengkaji dalam bab ini menjelaskan dimensi *āyat kawniyyat* merangkumi definisi, bilangan ayat, prinsip umum penceritaan al-Qur'an berkaitan *al-kawn*, uslub al-Qur'an dalam ajakan tafakur terhadap *āyat kawniyyat* dan golongan yang memanfaatkan *al-kawn*. Peranan yang dimainkan *āyat kawniyyat* kemudiannya dikupas secara terperinci.

Bab Dua:

Dalam bab ini pengkaji membincangkan skop perbahasan *tafsīr 'ilmī*. Antara aspek yang diketengahkan ialah definisi, sejarah perkembangan, kedudukan, hukum dan manhaj dalam *tafsīr 'ilmī*. Pengkaji kemudiannya menjelaskan kepentingan *tafsīr 'ilmī* terhadap al-Qur'an.

Bab Tiga:

Bab ini memuatkan pengenalan kepada 10 buah terjemahan terdiri daripada Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia. Terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang tidak selari dengan fakta semasa dikenal pasti dalam kesemua terjemahan tersebut merangkumi 5 aspek penciptaan; haiwan, tumbuhan, manusia, bumi dan langit.

Bab Empat:

Pengkaji dalam bab ini menganalisis terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang telah dikenal pasti berdasarkan *tafsīr 'ilmī* dalam usaha untuk menyerasikan antara

keduanya. Setelah analisis dibuat terjemahan makna alternatif akan dicadangkan oleh pengkaji.

Bab Lima:

Dalam bab yang kelima dan terakhir pengkaji membuat rumusan kepada perbincangan yang diutarakan dalam bab-bab sebelumnya. Seterusnya pengkaji melontarkan cadangan dan saranan kepada pihak-pihak yang berkecimpung dalam bidang yang mempunyai kaitan dengan pengajian al-Qur'an khususnya dan kepada masyarakat amnya.

BAB SATU:

DIMENSI *ĀYAT KAWNIYYAT* DAN PERANANNYA

1.1 Pendahuluan

Perlantikan Nabi Muhammad SAW sebagai Nabi dan Rasul terakhir bermula secara rasmi seiring dengan penurunan al-Qur'an di Gua Hirak. Al-Qur'an adalah bukti kebenaran risalah yang dibawa oleh baginda Nabi SAW dan menjadi kitab panduan paling ideal kepada manusia dalam kehidupan mereka tanpa keterbatasan tempat dan waktu.

Tanggungjawab Muslim terhadap al-Qur'an ialah membaca dan memahami seluruh isi kandungan tanpa mengabaikan seinci pun daripadanya. Perkara yang sering dipandang enteng ialah *āyat kawniyyat* (ayat al-Qur'an berkaitan dengan ciptaan). Jika dilihat dewasa ini yang banyak melakukan kajian terhadap alam ialah masyarakat bukan Islam sedangkan sebahagian besar ayat al-Qur'an menyebut tentang penciptaan alam dan keindahannya.

1.2 Pengertian *al-Āyat*

Al-āyat adalah satu kalimah bahasa Arab dalam bentuk mufrad, manakala jamak bagi *al-āyat* pula adalah *al-āyāt* atau *al-āy*.¹⁰⁰ Dari sudut bahasa *al-āyat* mempunyai beberapa makna, antaranya ialah tanda atau alamat.¹⁰¹ Hal ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT:

¹⁰⁰ 'Umar, *Mu'jam al-Lughah*, 1:146.

¹⁰¹ Al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, 1261.

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ آيَةَ مُلْكِهِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ التَّابُوتُ فِيهِ سَكِينَةٌ
 مِّن رَّبِّكُمْ وَبَقِيَّةٌ مِّمَّا تَرَكَ آءَالُ مُوسَىٰ وَآءَالُ هَارُونَ تَحْمِلُهُ الْمَلَائِكَةُ
 إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لَّكُمْ إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ

Terjemahan makna:

“Dan Nabi mereka berkata lagi kepada mereka: “Sesungguhnya tanda kerajaan Talut itu (yang menunjukkan benarnya dari Allah) ialah datangnya kepada kamu peti Tabut yang mengandungi (sesuatu yang memberi) ketenteraman jiwa dari Tuhan kamu, dan (berisi) sebahagian dari apa yang telah ditinggalkan oleh keluarga Nabi Musa dan Harun; peti Tabut itu dibawa oleh malaikat. Sesungguhnya peristiwa kembalinya Tabut itu mengandungi satu tanda keterangan bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman.” [Surah al-Baqarah (2): Ayat 248]

Selain itu, hadith riwayat Abū Hurayrah RA juga ada menyatakan:

عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ
 وَإِذَا أُؤْتِيَ خَانَ

Terjemahan makna:

“Daripada Nabi SAW bersabda: Tanda-tanda orang munafiq ada tiga; Apabila bercakap dia dusta, apabila berjanji dia mungkir dan apabila diberi amanah dia khianati.”¹⁰²

Menurut al-Shaybānī *al-āyat* juga bererti kumpulan atau golongan. Makna lain bagi *al-āyat* ialah diri seseorang seperti ungkapan “āyat al-rajul” bermaksud dirinya. Sementara *al-āyat* daripada Kitabullah ialah kumpulan-kumpulan huruf atau perkataan daripadanya yang terpisah berdasarkan ungkapan secara lafaz.¹⁰³

Lafaz *al-āyat* secara mufrad disebut pada 86 tempat dalam al-Qur’an, 295 tempat dengan lafaz jamak dan hanya satu tempat dengan *muthannā* (kata bilangan

¹⁰² Al-Bukhāri, Muḥammad Ibn Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* [Kitāb al-Īmān, Bab ‘Alāmat al-Munāfiq, no hadith 33], (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1979) 1:27, lihat juga Muslim, al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* [Kitāb al-Īmān, Bab Bayān Khiṣāl al-Munāfiq, hadith 107]. (Riyāḍ: Dār Ṭaybah, 2006), 46.

¹⁰³ Zulkifli Mohd Yusoff, *Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam al-Quran* (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2009), 121.

dua).¹⁰⁴ Penggunaan lafaz ini dalam al-Qur'an membawa dua makna yang dominan menurut sebilangan besar ulama iaitu pengajaran dan tanda.¹⁰⁵ Namun al-Dāmighānī dan Ibn al-Jawzī menambah empat lagi makna iaitu¹⁰⁶:

1. Al-Kitab.
2. Perintah dan larangan.
3. Mukjizat.
4. Keseluruhan al-Qur'an bagi al-Dāmighānī dan sebahagian tertentu daripada al-Qur'an bagi Ibn al-Jawzī.

Terdapat juga ilmuwan yang menyatakan lafaz tersebut mempunyai 12 makna, antara lain ialah Nabi Muhammad SAW, keajaiban-keajaiban, al-Mā'idah (hidangan), belahan bulan, nama Allah SWT yang agung, matahari, bulan, bintang dan sebagainya.¹⁰⁷ Secara umumnya *al-āyat* merupakan tanda kebesaran Allah SWT sama ada berupa mukjizat, ayat-ayat al-Qur'an, ciptaan dan sebagainya. Oleh yang demikian *al-āyat* secara tidak langsung menjadi asas dalam mengenal Allah SWT, firmanNya:

إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ لَا يَهْدِيهِمُ اللَّهُ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾

Terjemahan makna:

“Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, Allah tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada mereka, dan mereka pula beroleh azab yang tidak terperi sakitnya. [Surah al-Nahl (16): Ayat 104]

¹⁰⁴ ‘Abd al-Bāqī, Muḥammad Fu’ād, *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān*. (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1945), 103-108.

¹⁰⁵ Al-Qar’āwī, Sulaymān Ṣāliḥ, *al-Wujūh wa al-Nazā’ir fī al-Qur’ān al-Karīm*. (Riyāḍ: Maktabah al-Ruṣhd, 1990), 208.

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ Al-Ḍarīr, Isma‘īl Aḥmad, *Wujūh al-Qur’ān al-Karīm* (Dimashq: Dār al-Saqā, 1996), 42-43.

Al-Ṭabarī menyatakan maksud *al-āyat* dalam ayat ialah hujah-hujah Allah SWT, tanda-tanda keagungan dan dalil-dalilnya yang mengajak mentauhidkan Allah SWT dan kerasulan Rasul-rasulNya.¹⁰⁸

1.3 Bentuk *al-Āyat*

Sebahagian ulama telah membahagikan *al-āyat* dalam erti kata tanda-tanda yang membawa manusia mengenali Allah SWT kepada tiga bentuk; *al-kawn*, *al-takwīn* dan al-Qur'an. *Al-āyat* dalam bentuk *al-kawn* berhajat kepada *tafakur*, *al-takwīn* berkehendak kepada pemerhatian dan al-Qur'an perlu kepada *tadabbur*¹⁰⁹. Perincian kepada setiap bentuk *al-āyat* tersebut adalah seperti berikut:

1.3.1 *Al-Kawn* Sebagai *al-Āyat*

Maksud *al-kawn* di sini ialah ciptaan¹¹⁰ seperti langit, bumi, gunung, sungai, haiwan, tumbuhan, manusia dan makhluk-makhluk yang lain. Kesemua makhluk yang terdapat di alam semesta adalah tanda kekuasaan Allah SWT. Malah Allah SWT sendiri berjanji akan memperlihatkan tanda kekuasaanNya melalui firmanNya:

سُنُّرِهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ
أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٢﴾

¹⁰⁸ Al-Ṭabarī, Muḥammad Ibn Jarīr, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. (Kaherah: Dār Hajr, 2001), 14:371.

¹⁰⁹ “Nadawāt Tilfiziyyuniyyat - Qanāt al-Risālah-Qawānīn al-Qur'ān al-Karīm - al-Dars (21-30): Qānūn Ma'rifat Allah”, laman sesawang Mawsū'ah al-Nābulṣī li al-'Ulūm al-Islamiyyah, dicapai 29 Oktober 2012, <http://www.nabulsi.com/blue/ar/art.php?art=2820&id=189&sid=799&ssid=807&ssid=833>,

¹¹⁰ Al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, 1228.

Terjemahan makna:

“Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Qur’an adalah benar. belumlah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumlah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?” [Surah Fuṣṣilat (41): Ayat 53]

Objektif daripada pernyataan tersebut adalah supaya manusia memikirkan kejadian alam semesta di sekeliling mereka sudah pasti ada pencipta. Secara tidak langsung alam semesta menjadi wasilah atau medium makhluk mengenali sang Pencipta.

Malah orang-orang kafir apabila ditanyakan kepada mereka siapakah yang menciptakan alam semesta nescaya mereka akan menjawab Allah SWT yang menciptakan segala-galanya. Hal ini dirakamkan dalam firman Allah SWT:

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ خَلَقَهُنَّ الْعَزِيزُ

الْعَلِيمُ

Terjemahan makna:

“Dan demi sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?” Sudah tentu mereka akan menjawab: “Yang menciptakannya ialah Allah yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui”. [Surah al-Zukhruf (43): Ayat 9]

1.3.2 *Al-Takwīn* Sebagai *al-Āyat*

Apa yang dimaksudkan dengan *al-takwīn* ialah perbuatan Allah SWT atau penciptaannya. *Al-takwīn* secara tidak langsung menjadi bukti kekuasaan Allah SWT dan seseorang individu dapat mengenal Allah SWT melalui *al-takwīn* dengan melakukan pemerhatian. Firman Allah SWT:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ ثُمَّ أَنْظِرُوا كَيْفَ كَانَ عَنِيبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١١﴾

Terjemahan makna:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang yang mendustakan (Rasul-rasul) itu.” [Surah al-An‘ām (6): Ayat 11]

Allah SWT memerintahkan manusia merantau di muka bumi untuk melihat kesan bala bencana yang menimpa umat-umat terdahulu kerana mengingkari perintah Allah SWT seperti kesan peninggalan kaum Nabi Luth AS. Melalui pemerhatian tersebut manusia akan mengetahui dan menyedari bahawa Allah SWT berkuasa melakukan apa saja mengikut kehendakNya.

1.3.3 Al-Qur’an Sebagai *al-Āyat*

Tanda kekuasaan Allah SWT yang lain ialah al-Qur’an al-Karim atau lebih dikenali sebagai Kalam Allah. Al-Qur’an merupakan mukjizat Nabi Muhammad SAW yang paling agung dan kekal sehingga hari kiamat. Menerusi al-Qur’an manusia dapat mengenali Allah SWT atau dalam erti kata lain melalui percakapanNya.

Allah SWT bertanya kepada hambaNya dengan sinis adakah mereka *mentadabbur* al-Qur’an seperti mana firmanNya:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ﴿٢٤﴾

Terjemahan makna:

“(Setelah diterangkan yang demikian) Maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Qur’an? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Qur’an)?” [Surah Muhammad (47): Ayat 24]

Apabila kandungan al-Qur'an difahami dan dihayati, sudah pasti individu akan menemukan keagungan Allah SWT kerana al-Qur'an sarat dengan maklumat dan rahsia yang melangkaui akal manusia. Sehingga kini terdapat pelbagai bentuk *i'jāz* yang telah ditemui pada al-Qur'an seiring dengan peredaran zaman seperti *i'jāz tashrī'ī*, *i'jāz 'ilmī*, *i'jāz ghaybī*, *i'jāz 'adadī*, *i'jāz lughawī* dan sebagainya.

Ketiga-tiga bentuk *al-āyat* di atas memainkan peranan yang cukup penting sebagai wasilah untuk membuktikan kewujudan dan keesaan Pencipta serta keagungan kekuasaanNya. Namun apa yang menarik perhatian pengkaji ialah al-Qur'an itu sendiri turut menyentuh perihal *al-kawn* dan *al-takwīn*. Buktinya terdapat lebih 1000 ayat al-Qur'an berkenaan *al-kawn* dan banyak kisah umat-umat yang dibinasakan Allah SWT dirakamkan dalam al-Qur'an. Justeru al-Qur'an mempunyai pakej lengkap sebagai *al-āyat* yang menjadi petunjuk dalam kehidupan manusia, firman Allah SWT:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Terjemahan makna:

“Kitab al-Qur'an ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa.” [Surah al-Baqarah (2): Ayat 2]

1.4 *Āyat Kawniyyat* Dalam al-Qur'an

Dalam perbincangan sebelum ini telah dinyatakan isi kandungan al-Qur'an turut menyentuh perihal *al-kawn* dan *al-takwīn*. Pengkaji cenderung memfokuskan kajian terhadap ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan *al-kawn* atau lebih dikenali dengan *āyat kawniyyat*.

1.4.1 Definisi

Āyat kawniyyat merupakan gabungan dua perkataan iaitu *āyat* dan *kawniyyat*.

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, *āyat* dimaksudkan sebagai tanda atau alamat yang menunjukkan kekuasaan Allah SWT. Ungkapan tersebut adalah berdasarkan terjemahan makna kepada *āyat* secara literal. Namun dalam kajian ini pengkaji tidak berhasrat menggunakan makna *āyat* dengan erti “tanda” atau “alamat”, sebaliknya apa yang dimaksudkan *āyat* oleh pengkaji ialah kumpulan-kumpulan huruf atau perkataan daripadanya yang terpisah berdasarkan ungkapan secara lafaz. Penggunaan lafaz *āyat* dengan makna ini secara langsung merujuk kepada ayat-ayat al-Qur’an al-Karim.

Sementara perkataan *kawniyyat* adalah kata nisbah kepada *kawn*¹¹¹ yang berfungsi sebagai kata sifat kepada *āyat*. *Kawn* pula adalah kata terbitan kepada *kāna* yang bermaksud alam semesta (keseluruhan kehidupan yang mempunyai tempat dan waktu), jamak bagi *kawn* pula ialah *akwān*.¹¹² Dalam erti kata lain *kawn* merujuk kepada semua jenis ciptaan seperti langit, bumi, gunung, sungai, haiwan, tumbuhan, manusia dan makhluk-makhluk yang lain.

Gabungan kata *āyat* dan *kawniyyat* memberi erti ayat-ayat al-Qur’an yang mempunyai kaitan dengan ciptaan atau alam semesta sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pengertian inilah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

¹¹¹ ‘Umar, *Mu‘jam al-Lughah*, 3:1974.

¹¹² *Ibid.*

1.4.2 Bilangan Ayat

Jumlah bilangan *āyat kawniyyat* dalam al-Qur'an tidak dapat ditentukan secara tepat, malah para pengkaji turut berbeza pandangan dalam hal tersebut. Al-Shaykh Ṭanṭawī Jawharī yang dianggap pelopor dalam bidang ini ada menyebut dalam tafsir beliau terdapat lebih daripada 750 ayat al-Qur'an yang menceritakan keajaiban dunia.¹¹³ Sebahagian pengkaji menganggarkan terdapat lebih daripada 900 *āyat kawniyyat* di dalam surah-surah al-Qur'an.¹¹⁴

Sementara Dr. Zaghlūl al-Najjār, seorang pengkaji kontemporari pula menyatakan bilangan ayat yang memberi isyarat *kawniyyat* dalam Kitabullah mengikut hitungan para pengkaji mencapai kira-kira 1000 ayat yang disebutkan secara jelas di samping banyak ayat lain yang secara hampir jelas menunjukkan kepada isyarat tersebut.¹¹⁵

Apa yang dapat diperhatikan jumlah bilangan *āyat kawniyyat* semakin bertambah seiring dengan peredaran masa. Faktor perbezaan ini mungkin adalah disebabkan penyingkapan makna ayat al-Qur'an sejajar dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang tidak diketahui zaman sebelumnya. Senario ini dilihat telah memanasifestasikan firman Allah SWT:

¹¹³ Ṭanṭawī Jawharī, *al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. (t.tp.: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī bi Miṣr, 1922), 1:2.

¹¹⁴ Muṣṭafā Muslim, *Mabāḥith fī I'jāz al-Qur'ān*. (cet. ke-2, Riyāḍ: Dār al-Muslim, 1996), 168.

¹¹⁵ Al-Najjār, *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat*, 1:26.

لِكُلِّ نَبِيٍّ مُّسْتَقَرٌّ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

Terjemahan makna:

“Tiap-tiap khabar berita mempunyai masa yang menentukannya (yang membuktikan kebenarannya atau dustanya); dan kamu akan mengetahuinya.” [Surah al-An‘ām (6): Ayat 57]

1.4.3 Prinsip Umum Perbincangan al-Qur’an Berkaitan *al-Kawn*

Berdasarkan pemerhatian terhadap *āyat kawniyyat* di dalam al-Qur’an, terdapat beberapa prinsip umum yang dapat digariskan dalam perbincangan ayat tersebut. Pengkaji berpendapat prinsip tersebut adalah penting supaya kajian berkenaan *āyat kawniyyat* lebih terfokus. Prinsip tersebut ialah¹¹⁶:

- a) Al-Qur’an tidak menjadikan ilmu-ilmu berkaitan ciptaan sebagai salah satu topik yang asasi. Hal ini kerana tujuan paling besar diturunkan al-Qur’an adalah sebagai panduan kepada manusia, firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Terjemahan makna:

“Kitab Al-Qur’an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.” [Surah al-Baqarah (2): Ayat 2]

Dengan demikian Allah SWT tidak pernah mengemukakan teori-teori sains. Hal ini kerana apabila ilmu-ilmu tersebut sunyi daripada hidayah, ia akan bertukar menjadi kemusnahan kepada manusia. Sebagai contoh kepakaran manusia menjadikan nuklear sebagai satu sumber tenaga bermanfaat telah disalah guna menjadi senjata yang berbahaya. Namun

¹¹⁶ ‘Atar, Nūr al-Dīn, ‘*Ulūm al-Qur’ān al-Karīm* (Dimashq: Maṭba‘at al-Ṣabāḥ, 1993), 236-237.

demikian, al-Qur'an dalam masa yang sama telah meletakkan asas kepada kemajuan ilmu berlandaskan pemahaman yang betul dan menghapuskan pemikiran yang menyimpang.

b) Ilmu-ilmu tabii adalah tertakluk kepada taraf kemajuan dari hari ke hari, justeru al-Qur'an meninggalkan perbahasan teori-teori sains sebagai satu ujian kepada manusia. Perkara ini adalah sama seperti diserahkan kepada manusia gaya hidup, kerjaya, ekonomi, seni pertukangan dan sebagainya agar ruang tersebut sentiasa terbuka. Al-Qur'an menyokong ilmu tabii dan mendorong manusia supaya melihat ciptaan dan rahsia yang terdapat padanya.

c) Al-Qur'an telah menetapkan bahawa ciptaan merupakan pembantu kepada manusia yang dipermudahkan bagi mereka, malah perkara ini turut dibuktikan oleh ilmu sains moden. Ini menunjukkan tidak wujud perbezaan antara agama dan sains, malah terdapat ramai ilmuwan Islam dahulu dan kini yang alim dalam agama dan pada masa yang sama pakar dalam sains seperti Ibnu Sina. Tiada permusuhan sama sekali antara Islam dan ilmu sains kerana ciptaan menurut perspektif al-Qur'an merupakan satu kemudahan kepada manusia. Al-Qur'an telah menyebut secara jelas tentang hubungan antara ciptaan dan manusia dengan kalimah (سَخَّرَ) yang membawa maksud “khidmat berterusan”, firman Allah SWT:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ إِنَّ
فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

Terjemahan makna:

“Dan Dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadanya; Sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.” [Surah al-Jāthiyah (45): Ayat 13]

d) Al-Qur'an berbicara mengenai hakikat ciptaan dan menarik perhatian kepada keajaiban ciptaan, akan tetapi al-Qur'an tidak pernah menjelaskan teori-teori sains. Tujuannya ialah sebagai dalil kepada Pencipta selain memperingatkan kepada manusia terhadap kurniaan Allah SWT kepada mereka. Kedua-dua tujuan ini adalah berhubung kait dengan objektif kedatangan al-Qur'an iaitu memberi hidayah kepada manusia, ini kerana anugerah dan kurniaan dapat mengundang kesyukuran, ketaatan dan *taqarrub* kepada Allah SWT.

Apa yang dapat disimpulkan daripada prinsip-prinsip tersebut ialah terdapat satu dasar penting yang lain bagi al-Qur'an iaitu al-Qur'an telah menggunakan metode gabungan antara yang tersurat dan tersirat dalam perbincangan mengenai *al-kawn* (ciptaan). Selain itu kita juga mendapati terdapat keselarian antara al-Qur'an dan sains kurun demi kurun. Di sinilah zahirnya unsur mukjizat agung kerana al-Qur'an diturunkan pada zaman yang teknologinya belum pesat membangun.¹¹⁷

¹¹⁷ *Ibid*, 238.

1.4.4 Uslub al-Qur'an Dalam Ajakan Tafakur Terhadap *Āyat Kawniyyat*

Al-Qur'an al-Karim mempunyai uslub yang tersendiri dalam mengajak manusia bertafakur terhadap *āyat kawniyyat*. Uslub ini dapat dilihat dengan jelas dalam al-Qur'an, antaranya ialah¹¹⁸:

1. Suruhan secara langsung supaya melakukan pemerhatian. Menurut jumhur *al-Usuliyyun* (ulama usul fiqh) asal setiap perintah syarak adalah wajib kecuali ada dalil lain yang mengalihkan perkara tersebut kepada sunat atau harus.¹¹⁹ Antara ayat yang mengandungi suruhan tersebut ialah:

قُلْ أَنْظَرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ
وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠١﴾

Terjemahan makna:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadaNya.” [Surah Yūnus (10): Ayat 101]

¹¹⁸ ‘Umar Bilqādī, “Al-Āyāt al-Kawniyyat wa Farīdhat al-Tafkīr”, laman sesawang Rābitat Udabā’ al-Shām, dicapai pada 5 Jun 2013, <http://www.odabasham.net/show.php?sid=25603>.

¹¹⁹ Laman web Islamweb, dicapai pada 5 Jun 2013, <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=66156>.

2. *Al-istifhām*¹²⁰ *al-inkārī*¹²¹ atau *al-taqrīrī*¹²² seperti rangkai kata:

أولم يروا، ألم يروا، أولم ير، أولم ينظروا، أفلا ينظرون
ini adalah yang paling banyak digunakan, sebagai contoh firman Allah
SWT:

أَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ مُسَخَّرَاتٍ فِي جَوِّ السَّمَاءِ مَا
يُمَسِّكُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٧٩﴾

Terjemahan makna:

“Tidakkah mereka memperhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? Tiada yang menahan mereka (dari jatuh) melainkan Allah; Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman. [Surah al-Nahl (16): Ayat 79]

3. Sumpah dengan ciptaan atau makhluk. Tujuan sumpah tersebut adalah untuk menarik perhatian manusia kepada bukti-bukti yang jelas terhadap kudrat Allah SWT. Antara makhluk yang menjadi subjek kepada sumpah tersebut ialah matahari, bulan, bintang, malam dan sebagainya. Contoh sumpah dalam al-Qur’an ialah:

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ ﴿٩٢﴾

Terjemahan makna:

“Demi malam apabila ia menyelubungi segala-galanya (dengan gelap-gelitanya).” [Surah al-Layl (92): Ayat 1]

¹²⁰ Tujuan asal *istifhām* (pertanyaan) ialah permintaan untuk mengetahui sesuatu perkara yang tidak pernah diketahui ketika permintaan tersebut, namun *istifhām* ini akan terkeluar daripada tujuan asal berdasarkan kepada konteks percakapan, lihat ‘Abd al-Karīm Maḥmūd Yusuf, *Uslūb al-Istifhām fī al-Qur’ān al-Karīm Gharadhuh, I’rābuh* (Dimashq: Tawzī‘ Maktabah al-Ghazzālī, 2000), 17.

¹²¹ Merupakan pertanyaan yang menginginkan pengingkaran/penafian terhadap perkara yang ditanyakan, lihat *Ibid.*

¹²² Merupakan pertanyaan yang menginginkan pengakuan daripada orang yang mendengar tentang perkara yang ditanya, lihat *Ibid.*

4. Penamaan surah-surah al-Qur'an dengan nama benda-benda hidup dan fenomena semula jadi. Penamaan ini adalah sebagai peringatan kepada akal akan kepentingan perkara tersebut kepada agama dan dunia. Contoh nama surah yang dimaksudkan ialah al-Insān (insan), al-Baqarah (sapi betina), al-Ra'd (guruh), al-Najm (bintang) dan lain-lain.
5. Celaan terhadap orang yang tidak melihat, tidak berfikir dan tidak mengambil iktibar serta menyifatkan mereka sebagai orang yang buta mata hati. Firman Allah SWT:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ
 ءَأَذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى
 الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

Terjemahan makna:

“Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.” [Surah al-Ḥajj (22): Ayat 46]

6. Pengulangan perkataan dan makna yang mendorong kepada berfikir dan memerhatikan, begitu juga pengulangan nama-nama benda yang menjadi subjek pemerhatian dan pemikiran. Berdasarkan kiraan pengkaji tujuh daripada sepuluh perkataan يَتَفَكَّرُونَ dan enam daripada dua puluh dua perkataan يَعْقِلُونَ adalah terkandung dalam *āyat*

kawniyyat. Sementara subjek seperti langit pula diulang sebanyak 310 kali secara mufrad dan jamak.¹²³

1.4.5 Golongan Yang Memanfaatkan *al-Kawn*

Objektif utama *āyat kawniyyat* seperti dinyatakan sebelum ini ialah supaya manusia mengenali Tuhan semesta alam yang mencipta dan mengatur segala sesuatu.

Berdasarkan pemerhatian terhadap *āyat kawniyyat*, pengkaji mendapati Allah SWT telah menyifatkan golongan yang memerhatikan dan mengambil manfaat daripada *al-kawn* atau ciptaan dengan beberapa gelaran. Antara gelaran tersebut ialah:

1. يتفكرون (Golongan berfikir):

Gelaran ini adalah yang paling banyak disebut dalam *āyat kawniyyat* iaitu sebanyak tujuh kali.¹²⁴ Golongan ini memikirkan setiap kejadian di sekeliling mereka yang seterusnya membawa mereka mengenali Pencipta. Firman Allah SWT:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

Terjemahan makna:

“Dan Dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadanya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.” [Surah al-Jāthiyah (45): Ayat 13]

¹²³ ‘Abd al-Bāqī, *al-Mu‘jam al-Mufahras*, 362-366.

¹²⁴ Surah Yūnus: Ayat 24, al-Ra‘d: Ayat 3, al-Naḥl: Ayat 11 dan 69, al-Rūm: Ayat 21, al-Zumar: Ayat 42, dan al-Jāthiyah: Ayat 13.

2. يعقلون (Golongan berakal):

Gelaran ini pula disebut enam kali.¹²⁵ Golongan ini menggunakan akal dalam mencari kebenaran dan menjadikan *āyat kawniyyat* sebagai bukti. Pemikiran mereka juga menjangkau had-had tanggapan yang biasa kepada perkara yang ghaib seperti berdalilkan kewujudan makhluk menunjukkan kewujudan Pencipta. Firman Allah SWT:

وَسَخَّرَ لَكُمْ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ
مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ
يَعْقِلُونَ

Terjemahan makna:

“Dan Dia memudahkan bagi kamu malam dan siang, dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu memahaminya.” [Surah al-Jāthiyah (45): Ayat 13]

3. المؤمنون / يؤمنون (Golongan beriman):

Lafaz يؤمنون terdapat pada tiga tempat dan مؤمنون dua tempat.¹²⁶

Mereka ialah orang yang mempercayai kebenaran bahawa ada zat yang mengatur perjalanan alam semesta. Firman Allah SWT:

¹²⁵ Surah al-Baqarah: Ayat 164, al-Ra'd: Ayat 4, al-Nahl: Ayat 12 dan 67, al-Rūm: Ayat 24 dan al-Jāthiyah: Ayat 5.

¹²⁶ Surah al-An'ām: Ayat 99, al-Nahl: Ayat 79, al-Naml: Ayat 86, al-'Ankabūt: Ayat 44 dan al-Jāthiyah: Ayat 3.

أَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ مُسَخَّرَاتٍ فِي جَوِّ السَّمَاءِ مَا
يُمَسِّكُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٧٩﴾

Terjemahan makna:

“Tidakkah mereka memperhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? Tiada yang menahan mereka (dari jatuh) melainkan Allah; sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman.” [Surah al-Naḥl (17): Ayat 79]

4. يسمعون (Golongan mendengar):

Terdapat pada tiga tempat.¹²⁷ Mereka menerima kata-kata penyeru kepada Allah SWT dengan penerimaan yang serius dan prihatin, malah memberi perhatian dan berfikir tentangnya. Justeru pendengaran yang dimaksudkan di sini bukan semata-mata mendengar bahkan meneliti secara terperinci kepada apa yang didengar. Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿١٠﴾

Terjemahan makna:

“Dialah yang menjadikan malam bagi kamu supaya kamu berehat padanya, dan menjadikan siang terang-benderang (supaya kamu berusaha). Sesungguhnya perubahan malam dan siang itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu mendengar (keterangan-keterangan yang tersebut dan mengambil pelajaran daripadanya). [Surah Yūnus (10): Ayat 67]

5. العالمين/يعلمون (Golongan mengetahui):

Disebut dua kali dengan lafaz يعلمون dan sekali dengan العالمين.¹²⁸ Mereka yang memerhatikan alam semesta akan mengetahui bahawa apa yang di sekeliling mereka tidak terjadi dengan sendiri malah terdapat kuasa agung yang menciptakan semuanya. Firman Allah SWT:

¹²⁷ Surah Yūnus: Ayat 67, al-Naḥl: Ayat 65 dan al-Rūm: Ayat 23.

¹²⁸ Surah al-An‘ām: Ayat 97, Yūnus: Ayat 5 dan al-Rūm: Ayat 22.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُمَاتِ اللَّيْلِ
وَالْبَحْرِ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٩٧﴾

Terjemahan makna:

“Dan dialah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui.” [Surah al-An‘ām (6): Ayat 97]

6. الموقنون/يوقنون (Golongan yakin):

Masing-masing terdapat pada satu tempat.¹²⁹ Mereka ialah golongan yang mempunyai keyakinan terhadap Allah SWT tatkala bertambah pengetahuan mereka berkenaan rahsia ciptaanNya. Firman Allah SWT:

وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِّلْمُوقِنِينَ ﴿٢٠﴾

Terjemahan makna:

“Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin.” [Surah al-Dhāriyyat (51): Ayat 20]

7. يتقون (Golongan bertakwa)

Lafaz ini hanya disebut sekali dalam ayat 6 Surah Yūnus. Golongan ini ialah mereka yang khuatir terjatuh dalam kecelakaan apabila meninggalkan pencarian kebenaran. Firman Allah SWT:

إِنَّ فِي اخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ لآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

Terjemahan makna:

“Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan pada segala yang dijadikan oleh Allah di langit dan di bumi, ada tanda-tanda (yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah) kepada kaum yang mahu bertaqwa.” [Surah Yūnus (10): Ayat 6]

¹²⁹ Surah al-Jāthiah: Ayat 4 dan al-Dhāriyyāt: Ayat 20.

8. صبار شكور (Golongan yang sangat bersabar lagi banyak bersyukur)

Rangkaian kata ini terdapat pada dua tempat.¹³⁰ Mereka ialah orang yang bersabar dalam menyerahkan diri kepada Allah SWT dalam keadaan membuat kebaikan dan banyak bersyukur kerana telah menyelamatkan mereka daripada kesyirikan. Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ الْفُلُوكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِنِعْمَتِ اللَّهِ لِيُرِيَكُمْ مِنْ
آيَاتِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿٣١﴾

Terjemahan makna:

“Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat kurnia Allah, untuk diperlihatkan kepada kamu sebahagian dari tanda-tanda kemurahanNya? Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan dan bukti (untuk berfikir) bagi tiap-tiap (mukmin) yang sangat bersabar lagi banyak bersyukur.” [Surah Luqmān (30): Ayat 31]

Allah SWT turut menyatakan mereka yang memerhatikan *āyat kawniyyat* dengan lafaz يشكرون dalam ayat 58 surah al-A‘rāf yang bermaksud golongan bersyukur.

9. يفقهون (Golongan memahami)

Terdapat pada satu tempat iaitu ayat 98 surah al-An‘ām. Golongan ini memahami bahawa Allah SWT Maha Berkuasa ke atas penciptaan makhluk, justeru mereka tidak melakukan pendustaan terhadapnya. Firman Allah SWT:

¹³⁰ Surah Luqmān: Ayat 31 dan al-Shūrā: Ayat 33.

وَهُوَ الَّذِي أَنشَأَكُم مِّن نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ فَمُسْتَقَرًّا وَمُسْتَوْدَعًا
 قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَفْقَهُونَ ﴿٩٨﴾

Terjemahan makna:

“Dan Dialah yang mencipta kamu dari diri yang satu (Adam), maka (bagi kamu) disediakan tempat tetap (dalam tulang sulbi bapa kamu atau di bumi), dan tempat simpanan (dalam rahim ibu atau dalam kubur). sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengerti (secara mendalam).” [Surah al-An‘ām (6): Ayat 98]

10. يذكرون (Golongan mengingati)

Hanya disebut pada satu tempat iaitu ayat 19 surah al-Ra‘d. Golongan ini mengingati pelbagai nikmat yang Allah SWT sediakan untuk kemudahan mereka di dunia. Firman Allah SWT:

وَمَا ذَرَأْنَا لَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُمْ إِنَّا فِي
 ذَلِكَ لآيَةٌ لِّقَوْمٍ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٣﴾

Terjemahan makna:

“Dan apa-apa jua yang dijadikan untuk kamu di bumi yang berlainan jenisnya (dimudahkan juga untuk kegunaan kamu). sesungguhnya yang demikian itu mengandungi satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi kaum yang mahu mengingati nikmat Allah itu.” [Surah al-Nahl (17): Ayat 13]

11. أولو الأبصار وأولو الألباب والنهي (Golongan berakal fikiran):

Setiap satu daripada istilah tersebut disebut sekali sahaja melainkan أولو الألباب sebanyak dua kali¹³¹. Ketiga-tiga istilah ini menunjukkan makna yang satu iaitu mereka yang menggunakan akal mereka untuk memikirkan kehebatan ciptaan Allah SWT. Firman Allah SWT:

¹³¹ Surah Āli ‘Imrān: Ayat 190 dan al-Zumar: Ayat 21.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ
لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

Terjemahan makna:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.” [Surah Āli ‘Imrān (3): Ayat 190]

يُقَلِّبُ اللَّهُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي الْأَبْصَارِ ﴿٤٤﴾

Terjemahan makna:

“Allah menukarkan malam dan siang silih berganti; Sesungguhnya yang demikian mengandung pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang celik mata hatinya berfikir.” [Surah al-Nūr (24): Ayat 44]

كُلُوا وَارْعَوْا أَنْعَمَكُمْ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّأُولِي النُّهَىٰ ﴿٥٤﴾

Terjemahan makna:

“Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu; Sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran.” [Surah Ṭāhā (20): Ayat 54]

Berdasarkan sifat-sifat di atas, amat jelas mereka yang menitikberatkan perihal *al-kawn* adalah golongan yang mendapat pengiktirafan tinggi oleh Allah SWT. Sementara mereka yang mengabaikan perihal *al-kawn* pula boleh dikatakan sebagai golongan yang bertentangan dengan sifat-sifat tersebut seperti jahil, lalai, ingkar, angkuh, suka menentang, mengikut hawa nafsu dan syaitan, jumud pemikiran, bertaklid buta dan pelbagai lagi sifat negatif.

1.5 Peranan *Āyat Kawniyyat*

Jumlah *āyat kawniyyat* yang meliputi hampir satu perenam daripada keseluruhan ayat al-Qur'an sudah pasti memainkan peranan yang cukup penting dalam usaha menyampaikan hidayah kepada manusia. Antara peranan tersebut ialah¹³²:

1.5.1 Menyatakan kewujudan Pencipta dan Pentadbir Yang Esa

Dalam *āyat kawniyyat* dinyatakan berulang kali bahawa Allah SWT yang menciptakan segala apa yang di langit dan di bumi termasuk manusia itu sendiri. Malah Allah SWT juga yang mentadbir perjalanan sistem alam semesta daripada sebesar-besar jirim hingga yang sekecil-kecilnya. Firman Allah SWT:

اللَّهُ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿٦٢﴾

Terjemahan makna:

“Allah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah yang mentadbirkan serta menguasai segala-galanya.” [Surah al-Zumar (39): Ayat 62]

Kedudukan Allah SWT sebagai Zat yang Maha Esa lebih terserlah melalui andaian sekiranya terdapat dua tuhan nescaya akan musnah pentadbiran langit dan bumi. Firman Allah SWT:

لَوْ كَانَ فِيهِمَا ءِاهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا ۚ فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا

يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾

Terjemahan makna:

“Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. maka (bertauhidlah kamu kepada Allah Dengan menegaskan): Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan.” [Surah al-Anbiyā' (21): Ayat 22]

¹³² Siti Masaliny, *al-Ayāt al-Kawniyyāt*, 33-41.

1.5.2 Mengajak manusia mentauhidkan Allah SWT dan membersihkan diri daripada sifat syirik

Dalam *āyat kawniyyat* dilemparkan persoalan kepada manusia siapakah yang mencipta dan mengatur kehidupan di bumi dan di langit. Kemudian Allah SWT mengajak manusia supaya mentauhidkanNya dan membersihkan diri daripada sifat syirik.

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمْنَ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ
وَمَنْ تُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَنْ يُدِيرُ
الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فُقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣١﴾

Terjemahan makna:

“Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): “Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam?” (Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: “Allah jualah yang menguasai segala-galanya!” Oleh itu, katakanlah: “(Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertakwa?” [Surah Yūnus (10): Ayat 31]

Sementara bagi Mukmin, *āyat kawniyyat* akan menambah dan meningkatkan lagi keimanan kepada Allah SWT. Hal ini keindahan dan keajaiban alam semesta jelas menunjukkan kehebatan dan keagungan Allah SWT.

1.5.3 Membentangkan pelbagai jenis nikmat Allah dan melemahkan golongan yang kufur nikmat

Āyat kawniyyat antara lain membentangkan kepada manusia pelbagai jenis nikmat yang telah dikurniakan Allah SWT. Penciptaan bumi, langit, matahari, bulan, bintang-bintang, tumbuh-tumbuhan, haiwan, kejadian siang malam, penurunan hujan dan sebagainya merupakan bukti yang jelas kepada manusia betapa Allah SWT Maha Pemurah. Kesemua nikmat tersebut menuntut manusia supaya sentiasa bersyukur dan tidak alpa. Dalam masa yang sama *āyat kawniyyat* melemahkan golongan yang kufur nikmat dan menyedarkan bahawa mereka hanya insan kerdil yang tidak mampu menandingi ciptaan Allah SWT.

1.5.4 Menganjurkan manusia meneliti dan mengkaji ciptaan Allah SWT

Melalui *āyat kawniyyat* Allah SWT menganjurkan manusia mempelajari dan meneliti ciptaanNya bukan sekadar di sekeliling mereka malah pada tubuh badan mereka sendiri. Hal ini kerana Allah SWT menciptakan segala yang di langit dan di bumi adalah untuk memudahkan urusan manusia di bumi.

Apabila manusia meneliti dan mengkaji ciptaan Allah SWT banyak manfaat yang akan diperoleh dan dieksploit. Sebagai contoh penciptaan burung telah memberi ilham kepada manusia dalam penciptaan kapal terbang. Begitu pemanfaatan daripada penciptaan besi yang dapat dilentur dalam pelbagai bentuk telah banyak memberi kemudahan kepada manusia.

1.5.5 Dalil kebesaran dan keagungan al-Qur'an

Dewasa ini terbukti bahawa hakikat penciptaan alam yang terkandung dalam *āyat kawniyyat* adalah bertepatan dengan fakta sains moden. Perkhabaran al-Qur'an tentang sesuatu yang mustahil dapat diketahui bersarkan teknologi pada zaman penurunannya merupakan bukti kebesaran dan keagungan al-Qur'an.

Sebagai contoh perkhabaran al-Qur'an secara terperinci mengenai proses kejadian hujan pada abad ke-7 hanya dapat dibuktikan secara saintifik pada abad ke-19. Hal ini menunjukkan bahawa al-Qur'an bukanlah rekaan Nabi Muhammad SAW, akan tetapi ia diturunkan oleh Maha Pencipta yang lebih mengetahui secara mendalam tentang kejadian makhluknya.

1.6 Rumusan

Tidak dapat dinafikan bahawa *āyat kawniyyat* merupakan satu aspek yang cukup penting berdasarkan bilangannya yang mencakupi hampir satu perenam daripada al-Qur'an selain peranannya sebagai wasilah untuk mengenal Allah SWT dan memantapkan lagi pegangan akidah. Oleh yang demikian *āyat kawniyyat* perlu diberikan perhatian yang sama sebagaimana ayat-ayat hukum, sejarah, akhlak dan sebagainya. Keseluruhan isi kandungan al-Qur'an merupakan petunjuk kepada manusia, seyogianya pengabaian salah satu aspek daripadanya adalah satu perkara yang tidak wajar. Malah *āyat kawniyyat* dilihat sebagai salah satu aspek yang dapat membuktikan bahawa al-Qur'an merupakan mukjizat yang kekal hingga ke akhir zaman kerana pengkajian tentang ciptaan adalah sentiasa berkembang dan tidak pernah terhenti.

BAB DUA:
PENGENALAN *TAFSĪR* ‘*ILMĪ* DAN KEPENTINGANNYA
TERHADAP AL-QUR’AN

2.1 Pendahuluan

Tafsīr ‘ilmī memainkan peranan yang amat penting dalam penterjemahan makna al-Qur’an terutama berhubung *āyat kawniyyat*. Hal ini kerana penterjemahan makna *āyat kawniyyat* mestilah dirujuk secara khusus kepada tafsiran yang mempunyai kaitan secara langsung dengan ayat tersebut iaitu *tafsīr ‘ilmī*. Pengkaji cenderung untuk memperkenalkan *tafsīr ‘ilmī* dan kepentingannya agar hala tuju perbincangan kajian ini lebih fokus dan lancar.

2.2 Pengenalan *Tafsīr ‘Ilmī*

2.2.1 Definisi

Tafsīr ‘ilmī merupakan satu istilah moden yang terbentuk daripada dua perkataan iaitu *tafsīr* dan *‘ilmī*.¹³³ Dari sudut bahasa *tafsīr* adalah kata terbitan kepada kata kerja *fassara* yang memberi maksud penjelasan dan penerangan.¹³⁴ Manakala dari sudut istilah ilmu tafsir merupakan satu ilmu yang membahaskan apa yang dimaksudkan Allah SWT dengan kadar kemampuan manusia dan ilmu tersebut merangkumi setiap sesuatu yang memberikan kefahaman makna serta menerangkan apa yang dimaksudkan.¹³⁵

¹³³ Al-Shiddī, ‘Ādil ‘Alī, *al-Tafsīr al-‘Ilmī al-Tajribī li al-Qur’ān al-Karīm Judhūruhu wa Tatbīqātuhu wa al-Mawqif Minh* (Riyāḍ: Dār al-Waṭan li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2010), 6.

¹³⁴ Al-Dhahabī, *al-Tafsīr*, 1:12.

¹³⁵ *Ibid*, 1:14.

Sementara perkataan *'ilmī* pula adalah kata nisbah bagi *'ilm* dan berperanan sebagai kata sifat kepada *tafsīr*. Dari segi bahasa *'ilm* merupakan satu kata terbitan bersinonim dengan kefahaman, pengetahuan dan ketetapan¹³⁶ manakala antonimnya ialah kejahilan.¹³⁷ Namun agak sukar untuk menentukan definisi *'ilm* dari sudut istilah, hal ini kerana perkataan *'ilm* merupakan satu lafaz syumul yang menunjuk kepada pegangan kukuh yang bertepatan dengan kenyataan.¹³⁸ Oleh sebab itu *'ilm* merangkumi kesemua pengetahuan manusia tanpa mengehadkan satu daripada pengetahuan tersebut. Justeru takrifan *'ilm* berbeza berdasarkan perbezaan individu yang memberikan takrifan tersebut berdasarkan bidang kajian mereka.

Namun begitu apa yang dimaksudkan *'ilm* dalam kajian ini ialah ilmu pengetahuan yang eksperimental dan apa yang berkaitan dengannya daripada ilmu tabii yang terdapat pada *al-kawn* (ciptaan) seperti fizik, kimia, geologi, biologi, oseanografi, astronomi dan sebagainya.¹³⁹

Ulama memberikan takrifan berbeza terhadap gabungan kata *tafsīr* dan *'ilmī*. Al-Dhahabī mendefinisikan *tafsīr 'ilmī* sebagai tafsir yang membincangkan istilah-istilah sains menurut ibarat al-Qur'an dan berusaha mengeluarkan pelbagai ilmu dan pendapat-pendapat berbentuk falsafah daripada

¹³⁶ Al-Zarqānī, Muḥammad 'Abd al-'Aẓīm, *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1995), 1:14.

¹³⁷ Al-Jurjānī, 'Alī Bin Muḥammad, *Kitāb al-Ta'rīfāt* (Beirut: Maktabah Lubnān, 1985), 161.

¹³⁸ *Ibid*, 160.

¹³⁹ Fahd al-Rūmī tidak bersetuju dengan istilah *tafsīr 'ilmī* merujuk kepada tafsir berdasarkan ilmu yang sedemikian kerana beliau berpendapat istilah *'ilmī* merujuk kepada ilmu dalam erti kata yang umum. Sebagai alternatif beliau menamakannya *tafsīr 'ilmī tajrībī* yang membawa maksud “tafsir ilmiah berbentuk eksperimen” untuk membezakannya dengan aliran-aliran tafsir lain, lihat al-Rūmī, Fahd 'Abd al-Raḥmān, *Itijāhāt al-Tafsīr fī al-Qarn al-Rābi'* (3th ed, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1997), 2: 547

istilah-istilah tersebut.¹⁴⁰ Menurut Salāh ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī *tafsīr ‘ilmī* ialah tafsiran ayat al-Qur’an secara ilmiah yang menepati kaedah-kaedah sains moden dan penjelasan makna saintifik terhadap ayat-ayat al-Qur’an selaras dengan ketentuan dan analisis sains moden.¹⁴¹

Fahd al-Rūmī pula mentakrifkannya sebagai ijtihad *mufasssir* dalam membongkar hubung kait antara ayat-ayat *kawniyyat* al-Qur’an dan penemuan-penemuan sains dalam rangka menzahirkan *i’jāz* al-Qur’an yang menunjukkan kepada sumber asalnya (Allah SWT) dan kesesuaiannya untuk setiap masa dan tempat. Ada juga yang memberi takrifan *tafsīr ‘ilmī* sebagai penyingkapan makna ayat al-Qur’an dalam rangka untuk mengesahkan kebenarannya terhadap teori-teori ilmu berkaitan ciptaan.¹⁴² Definisi lain bagi *tafsīr ‘ilmī* ialah penggunaan pengetahuan yang eksperimental dalam usaha menambah penjelasan makna ayat dan memperluaskan konotasi¹⁴³ ayat tersebut.¹⁴⁴

Berdasarkan beberapa definisi di atas pengkaji dapat simpulkan bahawa *tafsīr ‘ilmī* adalah satu ijtihad dalam pentafsiran al-Qur’an berorientasikan sains dalam usaha menjelaskan makna saintifik terhadap ayat-ayat al-Qur’an terutama yang berkisar pada persoalan ciptaan atau ayat-ayat *kawniyyat* yang menepati kaedah-kaedah dan analisis sains moden dalam rangka untuk mengesahkan kebenaran al-Qur’an terhadap hakikat berhubung ciptaan atau *al-kawn*.

¹⁴⁰ Al-Dhahabī, *al-Tafsīr*, 2:349. Ada pendapat mengatakan takrif ini dinukilkan daripada kitab al-Tafsīr Ma‘ālim Ḥayāṭih, Manhajuh al-Yawm karangan Amīn al-Khawli, lihat al-Rūmī, *Ittijāhāt al-Tafsīr*, 2: 548.

¹⁴¹ Al-Khālidī, *Ta‘rīf al-Dārisīn*, 566.

¹⁴² Al-Muṣliḥ, ‘Abdullah ‘Abd al-‘Azīz & al-Sāwī, ‘Abd al-Jawwād, *al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah: Manhaj al-Tadrīs al-Jāmi‘ī* (Jeddah: Dār al-Jiyād li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2008), 30.

¹⁴³ Asosiasi atau idea yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan selain maknanya yang tersurat, lihat Noesah, *Kamus*, 816.

¹⁴⁴ Al-Shiddī, *al-Tafsīr al-‘Ilmī*, 17.

Pengkaji tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa al-Qur'an menyebutkan teori-teori ilmu berkaitan ciptaan, ini kerana al-Qur'an hanya menyatakan hakikat sesuatu penciptaan. Teori masih terbuka kepada uji kaji namun hakikat merupakan realiti yang tidak dapat disangkal dan dinafikan kebenaran. Justeru sains hanya berperanan sebagai penyokong keabsahan hakikat yang telah dinyatakan dalam al-Qur'an.

2.2.2 Sejarah Perkembangan

Tafsīr 'ilmī mempunyai perkaitan secara langsung dengan pentafsiran *āyat kawniyyat*. Pada zaman Rasulullah SAW, baginda tidak memberi perhatian serius dalam pentafsiran *āyat kawniyyat*. Hal ini dapat dilihat melalui riwayat-riwayat berkenaan tafsir yang disandarkan kepada baginda sebahagian besar menyentuh aspek akidah, hukum-hakam dan akhlak.

Pentafsiran baginda terhadap *āyat kawniyyat* adalah bersifat umum, sebagai contoh baginda pernah ditanya maksud firman Allah SWT “والشمس تجري لها والمستقر لها”, baginda kemudiannya menjawab: “Tempat penempatannya di bawah langit.” Ada ulama berpendapat adalah satu hikmah Rasulullah SAW tidak mentafsirkan *āyat kawniyyat*. Hal ini kerana tiada siapa yang dapat mentafsirkannya selepas baginda dan ini akan menyebabkan pemahaman *āyat kawniyyat* terhenti walaupun terdapat penemuan-penemuan terbaru.¹⁴⁵

Selepas kewafatan baginda, para Sahabat bertungkus-lumus menyebarkan dakwah ke seluruh pelosok alam. Kemasukan ramai bangsa bukan Arab ke

¹⁴⁵ Bakr Zakīy 'Awd, “Al-Tafsīr al-'Ilmī li al-Āyāt al-Kawniyyat Tārīkhuh Mawāqif al-'Ulamā' Minh”, *Jurnal Fakulti Syariah, Undang-undang & Pengajian Islam*, no. 10, (1992), 473.

dalam Islam menuntut mereka mengajarkan al-Quran secara bacaan dan tafsiran, justeru bermula pertanyaan terhadap sebahagian ayat al-Qur'an khususnya *āyat kawniyyat*¹⁴⁶.

Kemunculan *tafsīr 'ilmī* adalah berkait rapat dengan percampuran ilmu *kawniyyat* dengan tafsir melalui aktiviti penterjemahan ilmu tersebut ke dalam bahasa Arab pada zaman keemasan pemerintahan 'Abbasiyyah. Perkembangan dan penyebaran ilmu tersebut lebih pesat setelah kemasukan bangsa ajnabi ke dalam Islam.¹⁴⁷

Dengan perluasan lingkungan pengetahuan manusia dan pemerhatian berulang kali terhadap Kitabullah dan *tadabbur* terhadap ayat-ayatnya daripada satu generasi kepada satu generasi, satu era kepada satu era, para ulama dan pakar masih lagi meneroka hakikat ciptaan yang terdapat dalam Kitabullah yang mengesahkan pelaksanaan janji Ilahi dalam firmanNya:

سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ ۗ
أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

Terjemahan makna:

“Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Qur'an adalah benar. belumlah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumlah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?” [Surah Fuṣṣilat (41): Ayat 53]

Jelas pandangan ulama berbeza-beza terhadap isyarat *kawniyyat* dalam Kitabullah ini berdasarkan perbezaan individu, latar belakang budaya dan zaman

¹⁴⁶ *Ibid*, 475.

¹⁴⁷ Mazlan Ibrahim, *Tafsir 'Ilmiy*, 44.

mereka di samping perkembangan pengetahuan manusia dalam bidang kajian berkaitan ciptaan dari satu masa ke satu masa.

Individu pertama memperkatakan perkara ini ialah al-Imam al-Ghazzālī (m.505H) dalam kitab beliau *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan *Jawāhir al-Qur'ān*.¹⁴⁸ Beliau telah memperkenalkan banyak perkara dalam kedua-dua karya tersebut, antaranya; al-Qur'an merangkumi ilmu keseluruhannya yang merupakan salah satu bentuk *i'jāz* al-Qur'an dan setiap ilmu bercabang keluar daripada al-Qur'an hatta ilmu falak, astronomi, perubatan dan lain-lain.¹⁴⁹ Selain itu beliau berpendapat tafsiran '*ilmi*' yang dibuat oleh mereka yang alim dalam bidang tafsir dan pakar dalam bidang tertentu boleh membantu dalam memahami Kitabullah dengan lebih halus lagi.¹⁵⁰

Begitu ramai yang mengikuti al-Ghazzālī dalam perkara tersebut, yang paling masyhur dalam kalangan *mutaqaddimīn* ialah Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606H). Tafsir *Mafātīḥ al-Ghayb* karangan beliau dianggap tafsir pertama menghuraikan persoalan sains dan falsafah, khususnya apa yang berkaitan dengan ilmu falak dan selainnya yang diketahui pada zaman beliau. Sementara dalam kalangan *muta'akhirrīn* pula ialah Ṭanṭāwī Jawharī (m. 1359H) yang telah membawa kepada zahirnya *manhaj 'ilmī* dalam al-Qur'an al-Karim. Beliau telah memberi penekanan dalam tafsiran isyarat *kawniyyat* yang terdapat dalam Kitabullah berorientasikan fakta sains moden yang sentiasa berubah dari zaman ke zaman.¹⁵¹

¹⁴⁸ Bakr, "Al-Tafsīr al-'Ilmī", 477.

¹⁴⁹ Al-Najjār, *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat*, 1:26-27.

¹⁵⁰ Mazlan, *Tafsīr 'Ilmiy*, 50.

¹⁵¹ Al-Najjār, *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat*, 27.

Beliau telah memperingatkan para ulama terhadap pengabaian mereka kepada bidang sains dalam al-Qur'an dan hanya memfokuskan usaha mereka dalam bidang bahasa dan fiqh melalui kata-kata beliau:

“Mengapa ulama Islam mengarang berpuluh ribu kitab dalam ilmu fiqh sedangkan ayat berkaitan ilmu fiqh tidak sampai bilangan seratus lima puluh ayat? Justeru mengapa banyak karangan dalam bidang fiqh dan sangat sedikit dalam bidang ciptaan yang hampir tidak sunyi setiap surah daripada ayat berkaitannya?”¹⁵²

Beliau turut melontarkan persoalan mengapa kaum Muslimin dewasa ini tidak lakukan kepada ayat berkaitan ilmu ciptaan sama seperti dilakukan generasi terdahulu terhadap ayat-ayat berkaitan pusaka sedangkan ilmu tersebut adalah sebahagian daripada ilmu matematik. Beliau juga berkata:

“Sesungguhnya sistem pengajaran Islam mesti berkembang maju, maka ilmu balaghah bukanlah penghabisan ilmu-ilmu al-Qur'an malah merupakan ilmu berkaitan lafaz al-Qur'an. Sementara apa yang kami tuliskan pada hari ini (kitab tafsir beliau) adalah ilmu berkaitan maknanya....”¹⁵³

Walaupun ulama tafsir klasik dan moden mengingkari *manhaj 'ilmī* ini, terdapat sebilangan besar ulama Muslimin masih percaya bahawa isyarat *kawniyyat* dalam Kitabullah tetap satu pernyataan daripada Allah SWT, Pencipta makhluk dan kehidupan. Justeru perkara tersebut adalah hak mutlak dan satu bentuk *i'jāz* dalam Kitabullah yang kadangkala tidak jelas kecuali bagi sesiapa yang dalam ilmunya daripada mereka yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu sains tulen dan gunaan. Hatta golongan ini masih berkembang pengetahuan mereka terhadap *i'jāz* ini seiring perluasan lingkungan pengetahuan manusia dari generasi ke generasi, masa ke masa sebagai pembenaran firman Allah SWT:

¹⁵² Tanṭāwī Jawharī, *al-Jawāhir*, 25:53.

¹⁵³ *Ibid*, 25:40.

إِنَّ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَامِينَ ﴿٨٧﴾ وَلِتَعْلَمَنَّ نَبَأَهُر بَعْدَ حِينٍ ﴿٨٨﴾

Terjemahan makna:

87. Al-Qur'an tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk seluruh alam.
88. Dan Demi sesungguhnya, kamu akan mengetahui kebenaran perkara-perkara Yang diterangkannya, tidak lama lagi.
[Surah Sād (38): Ayat 87-88]

Rentetan itu, menjadi kewajiban Muslim yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu dari setiap masa dan generasi untuk keluar beberapa orang daripada kalangan mereka bagi mempertajamkan aksesori tafsir al-Qur'an secara kebiasaan dengan kadar yang mencukupi merangkumi ilmu bahasa Arab dan sasteranya, hadith dan ulumnya, usul fiqh dan usulnya, ilmu kalam dan kaedahnya serta syarat-syarat lain yang telah ditetapkan ulama tafsir. Kemudian kumpulan tadi menjalankan kajian terhadap al-Qur'an dalam setiap bidang yang pengkhususan masing-masing sehingga jelas kepada manusia aspek-aspek *i'jāz* dalam Kitabullah yang sukar dijelaskan sebelum zaman ilmu di mana kita berada, hatta terlaksana firman Allah SWT¹⁵⁴:

لِكُلِّ نَبِيٍّ مُّسْتَقَرٌّ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦٧﴾

Terjemahan makna:

Tiap-tiap khabar berita mempunyai masa yang menentukannya (yang membuktikan kebenarannya atau dustanya); dan kamu akan mengetahuinya. [Surah al-An'ām (6): Ayat 67]

Bertitik-tolak daripada fahaman inilah telah muncul banyak tulisan menangani isu berkaitan *al-i'jāz al-'ilmī* (mukjizat sains) dalam *Kitabullah*, antara yang masyhur suatu ketika dahulu kitab “Kashf al-Asrār al-Nawraniyyat al-Qur'aniyyat” yang berkaitan objek langit, bumi, haiwan, tumbuhan dan

¹⁵⁴ Al-Najjār, *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat*, 28-29.

permata logam¹⁵⁵ karangan Muḥammad Bin Aḥmad al-Iskandarānī āl-Dimashqī¹⁵⁶ dalam kurun ke-13H.

2.2.3 Kedudukan *Tafsīr ‘Ilmī*

Tafsir boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian. Pembahagian ini adalah berdasarkan dari sudut mana tafsir tersebut dilihat. Secara kasarnya pembahagian tafsir boleh dilihat dari sudut berikut¹⁵⁷:

1. Berdasarkan pengetahuan manusia¹⁵⁸
2. Berdasarkan sumber pentafsiran¹⁵⁹
3. Berdasarkan gaya pentafsiran¹⁶⁰
4. Berdasarkan kecenderungan *mufassir*¹⁶¹

¹⁵⁵ Kitab ini terdapat dalam tiga jilid berdasarkan cetakan al-Wahbiyyah pada tahun 1297 Hijrah, laman sesawang Maktabah al-Mustafā al-‘Iliktruniyyah, dicapai pada 7 Jun 2013, <http://al-mostafa.info/books/html/search.php?s1=%D8%A7%D9%84%D8%A3%D8%B3%D8%B1%D8%A7%D8%B1&sr=all>.

¹⁵⁶ Beliau meninggal dunia pada tahun 1306 Hijrah bersamaan tahun 1888 Masihi, laman sesawang Hadī al-Islām, dicapai pada 7 Jun 2013, <http://www.hadielislam.com/arabic/index.php?pg=articles%2Farticle&id=3158>.

¹⁵⁷ Al-Ṭayyār, Musā‘id Sulaymān, *Fusūl fī Uṣūl al-Tafsīr* (cet. ke-3, Dammam: Dār Ibn al-Jawzī, 1999) 16.

¹⁵⁸ Dari sudut ini terdapat 4 jenis tafsir iaitu; tafsir yang hanya diketahui orang Arab berdasarkan percakapannya, tafsir yang diketahui semua orang, pentafsiran yang tidak diketahui melainkan Allah SWT dan pentafsiran yang diketahui oleh para ulama.

¹⁵⁹ Tafsir berdasarkan sumber pentafsirannya terbahagi kepada dua bentuk iaitu *al-tafsīr bi al-ma‘thūr* dan *al-tafsīr bi al-ra‘y*, lihat ‘Abd al-Sattār Faṭḥ Allah Sa‘īd, *al-Madkhal ilā al-Tafsīr al-Mawḍū‘ī*. (cet. ke-2, Kaherah: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nashr al-Islamiyyah, 1991), 16. Ada sebahagian ulama yang berpandangan *al-tafsīr bi al-ishārī* juga termasuk di bawah kategori ini, lihat Maḥmūd Basyūnī Fūdah, *Nash‘at al-Tafsīr wa Manāhijuh fī Ḍaw‘i al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. (Kaherah: Maṭba‘ah al-Amānah, 1986), 51.

¹⁶⁰ Metodologi pentafsiran berdasarkan gaya persembahan terbahagi kepada empat bentuk; *al-tafsīr al-tahlīlī*, *al-tafsīr al-ijmālī*, *al-tafsīr al-muqāran* dan *al-tafsīr al-mawḍū‘ī*, lihat ‘Abd al-Sattār, *al-Madkhal*, 16-17.

¹⁶¹ Tafsir berdasarkan kecenderungan atau pengkhususan dalam pentafsiran tersebut boleh dipecahkan kepada beberapa corak, antaranya: *al-tafsīr al-fiqhī*, *al-tafsīr al-falsafī*, *al-tafsīr al-da‘awī al-ḥarakī*, *al-tafsīr al-adabī al-ijtimā‘ī*, *al-tafsīr al-bayānī* dan termasuk juga *al-tafsīr al-‘ilmī*, lihat Al-Dhahabī, *al-Tafsīr*, 2:674-678 dan Al-Khālidī, *Ta‘rīf al-Dārisīn*, 565-568.

Jika dilihat berdasarkan sumber pentafsiran, *tafsīr ‘ilmī* dikategorikan dalam *al-tafsīr bi al-ra’y* dan yang dimaksudkan *al-ra’y* di sini ialah *al-ijtihād*. *Al-tafsīr bi al-ra’y* ialah pentafsiran al-Qur’an berdasarkan ijtihad setelah ahli tafsir itu benar-benar menguasai bahasa Arab dari pelbagai aspek dengan dibantu oleh syair-syair Jahiliyyah, pengetahuan tentang *asbāb al-nuzūl*, *al-nāsikh wa al-mansūkh* dan syarat-syarat lain yang diperlukan oleh seorang ahli tafsir.¹⁶² Terdapat dua jenis *al-tafsīr bi al-ra’y* iaitu *al-tafsīr bi al-ra’y al-mahmūd* (terpuji) dan *al-tafsīr bi al-ra’y al-madhmūm* (tercela). Pembahagian ini adalah berdasarkan kedudukan tafsir tersebut dalam mematuhi syarat-syarat yang digariskan dalam pentafsiran secara *al-ra’y*.

Namun al-Shaykh Khālid ‘Abd al-Rahmān al-‘Ak telah meletakkan *tafsīr ‘ilmī* di bawah *al-tafsīr bi al-ishārī*.¹⁶³ Ini kerana menurut beliau *tafsīr ‘ilmī* secara asalnya menerangkan dan menjelaskan isyarat-isyarat al-Qur’an yang menunjukkan kebesaran ciptaan Allah SWT. Kaedah pentafsiran *tafsīr ‘ilmī* ini lebih kepada petunjuk melalui kajian sains dan bukannya menggunakan ijtihad melalui akal. Justeru *tafsīr ‘ilmī* tidak tertakluk kepadanya syarat-syarat *al-tafsīr bi al-ra’y*¹⁶⁴, semoga pandangan beliau ada betulnya.

Sementara dari sudut kecenderungan *mufasssīr*, pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi hala tuju penulisan kebanyakan

¹⁶² Al-Dhahabī, *al-Tafsīr*, 1:183.

¹⁶³ *Al-tafsīr bi al-ishārī* ialah pentakwilan ayat-ayat al-Qur’an yang berbeza dengan erti zahirnya disebabkan wujud isyarat-isyarat tersembunyi yang hanya dilihat oleh sebahagian ulama atau orang-orang yang menempuh jalan rohani dan berjihad melawan nafsu. Mereka adalah orang-orang yang diterangi penglihatan hatinya oleh Allah s.w.t. sehingga mereka menemukan rahsia-rahsia al-Qur’an, atau pengungkapan terhadap apa yang tertanam dalam hatinya dan sebahagian makna-makna yang halus dengan perantaraan ilham Ilahi, dan boleh juga memadukan antara keduanya (erti isyarat dan erti zahir) serta apa yang dimaksudkan oleh ayat-ayat al-Qur’an”, lihat ‘Alī Al-Šābūnī, *al-Tibyān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beirut: ‘Ālam al-Kutub, 1985), 171.

¹⁶⁴ Al-‘Ak, Khālid ‘Abd al-Rahmān, *Usūl al-Tafsīr wa Qawā’iduh* (cet. ke-2; Beirut: Dār al-Nafā’is, 1986), 217.

tafsir antaranya ialah keadaan dan permasalahan yang timbul pada zaman *mufasssir*. Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* karangan Sayyid Qutb sebagai contoh ditulis pada zaman ketiadaan negara Islam dan undang-undang Islam begitu asing dalam kalangan masyarakat. Justeru beliau lebih cenderung untuk mengajak masyarakat kembali kepada syariat Islam¹⁶⁵ dalam tafsir beliau yang kemudiannya dikategorikan bercorak *al-da'awī al-ḥarakī*.

Tahap keilmuan *mufasssir* juga memainkan peranan penting dalam penentuan hala tuju tafsir selain kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi pada zaman tersebut. Oleh sebab itulah hala tuju tafsir dilihat berbeza pada zaman awal dan yang terkemudian. *Tafsīr 'ilmī* merupakan antara salah satu bentuk tafsir moden yang lahir dalam kalangan masyarakat yang semakin berkembang ilmu pengetahuannya seiring dengan kemajuan teknologi dewasa ini.

2.2.4 Hukum *Tafsīr 'Ilmī*

Kedudukan *tafsīr 'ilmī* sebagai *al-tafsīr bi al-ra'y* menjadi faktor utama ilmuwan Islam klasik dan kontemporari berbeza pandangan berkenaan hukum mentafsirkan al-Qur'an berorientasikan sains. Hal ini kerana terdapat dua kategori *al-tafsīr bi al-ra'y* iaitu *al-maḥmūd* (terpuji) dan *al-madhīm* (tercela). Secara umum mereka boleh dikategorikan kepada tiga kelompok;

¹⁶⁵ 'Alī Ja'far, Muḥammad Muslim & al-Sarḥān, Muḥy Hilāl, *Manāḥij al-Mufasssirīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1980), 257.

Kelompok Pertama:

Merupakan kelompok yang membolehkan *tafsīr ‘ilmī* secara mutlak dan mengaplikasikannya secara melampau. Anggota dalam kelompok ini mengatakan dalam al-Qur’an terdapat segala sesuatu berkenaan penciptaan dan setiap penemuan sains merupakan pekhidmat kepada nas-nas *kawniyyat*. Mereka menjadikan perkara tersebut sebagai salah satu bukti *i’jāz* al-Qur’an yang berbeza bentuknya sejajar perbezaan zaman dan mereka benar-benar terpesong dalam pelaksanaan tafsiran sedemikian. Hal ini kerana mereka menghimpunkan antara semua teori dan hakikat sains dengan satu ayat daripada ayat-ayat al-Qur’an seperti mana juga mereka memalingkan lafaz ayat daripada petunjuknya dari segi bahasa. Usaha kelompok ini lebih hampir kepada penulisan ensiklopedia berbanding tafsir.¹⁶⁶

Sebahagian daripada anggota kelompok ini ialah Shaykh al-Tantawi Jawhari, ‘Abd al-Rahman al-Kawakibi, ‘Abd al-Razzaq Nawfal, ‘Ali ‘Abd al-‘Azim, Muhammad Rashad Khalifah dan ramai lagi. Mereka adalah contoh kelompok yang melampau dalam tafsiran al-Qur’an secara sains.

Kelompok kedua:

Merupakan kelompok yang menentang tafsiran al-Qur’an secara sains yang diketuai oleh salah seorang tokoh pemikir Islam yang ulung iaitu al-Imām Abū Ishāq al-Shāṭibī Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmī al-Gharnātī (m. 790H). Sementara ulama masa kini yang sependapat dengan kumpulan ini ialah al-

¹⁶⁶ Bakr, “Al-Tafsīr al-‘Ilmī” 486.

Shaykh Amīn al-Khūlī.¹⁶⁷ Demikian juga al-Shaykh Maḥmūd Shalṭūṭ yang merupakan mantan Shaykh al-Azhār.¹⁶⁸

Mereka mengatakan al-Qur'an matlamatnya ialah hidayah dan *i'jāz*. Sementara *i'jāz* al-Qur'an tidak berlaku kecuali daripada jenis yang dikenali dengannya pada zaman penurunan dan memadai bahawa al-Qur'an tidak bertentangan dengan sains, malah al-Qur'an telah meletakkan metodologi kepada sesiapa yang berminat dengan perkara tersebut dan menyeru kepadanya.¹⁶⁹

Mereka juga berpandangan mukjizat al-Qur'an adalah tetap, sedangkan sains sentiasa berubah-ubah mengikut keadaan, masa dan pengkaji. Sifat sains yang beginilah menyebabkannya tidak dibenarkan dalam mentafsirkan al-Qur'an.¹⁷⁰ Inilah antara hujah yang dikemukakan oleh kumpulan yang tidak bersetuju dengan *tafsīr 'ilmī*.

Kelompok Ketiga:

Merupakan kelompok yang bersifat sederhana. Ahli kelompok ini tidak pernah mengatakan setiap sesuatu dalam al-Qur'an adalah daripada apa yang dibawa oleh sains dan mereka juga tidak menafikan yang setiap penemuan menjadi pekhidmat kepada nas.

¹⁶⁷ Beliau merupakan suami kepada Dr. Bint al-Shāṭi', lihat Cecep Jaya Krama, "Fikrah Edisi 33: Amin Al-Khuli: Tonggak Pembaharuan Tafsir untuk Keadilan dan Kesetaraan Selasa", dicapai pada 22 Disember 2012, http://www.rahima.or.id/index.php?option=com_content&view=article&id=615:fikrah-edisi-33--amin-al-khuli-tonggak-pembaharuan-tafsir-untuk-keadilan-dan-kesetaraan&catid=38:fikrah&Itemid=271.

¹⁶⁸ Abdul Rashid Ahmad, "Aspek-Aspek Kemukjizatan al-Qur'an", *Jurnal al-Bayan*, j.7, (2009), 50-51.

¹⁶⁹ Bakr Zakiy, "Al-Tafsīr al-'Ilmī", 487.

¹⁷⁰ *Ibid*, 491.

Mereka melihat pentafsiran sebahagian *āyat kawniyyat* al-Qur'an dengan beberapa syarat dan piawai yang mereka gariskan walaupun tidak memadai berdasarkan terdapat tambahan sebahagian daripada syarat dan piawai tersebut terhadap individu tertentu. Antara yang tergolong dalam kelompok ini ialah 'Abd al-'Aziz Isma'il, Hanafi Ahmad, Muhammad Ahmad al-Ghamrawi dan ramai lagi.¹⁷¹

Dalam hal ini pengkaji sepakat dengan golongan yang ketiga. Hal ini kerana alasan yang diberikan oleh golongan yang menentang *tafsīr 'ilmī* adalah bersifat umum dan alasan tersebut dapat diharmonikan dengan meletakkan beberapa syarat dan piawaian tertentu seperti hanya fakta sains yang digunakan dalam pentafsiran ayat al-Qur'an, bukan sekadar teori atau hipotesis. Realitinya *tafsīr 'ilmī* menjadi satu keperluan dalam mentafsirkan al-Qur'an seiring dengan perkembangan teknologi dan pengetahuan dewasa ini.

2.2.5 Manhaj *Tafsīr 'Ilmī*

Para ulama telah bersepakat dalam meletakkan kaedah umum yang mesti diberi perhatian bagi sesiapa yang ingin mentafsirkan al-Qur'an tidak kira apa jua jenis dan aliran tafsir termasuklah juga *tafsīr 'ilmī*.

Kaedah umum tersebut ialah *mufasssir* mestilah mentafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an itu sendiri terlebih dahulu. Jika tidak didapati hendaklah mentafsirkan al-Qur'an dengan al-Sunnah kerana ia merupakan penerang kepada al-Qur'an. Jika tidak didapati hendaklah merujuk kepada kata-kata para Sahabat

¹⁷¹ *Ibid*, 487.

RA kerana mereka lebih mengetahui tentang peristiwa dan keadaan semasa penurunan al-Qur'an. Namun yang diambil hanyalah perkara yang *ṣahīh* daripada mereka. Jika masih tidak didapati hendaklah mentafsirkan dengan kata-kata Tabi'in.¹⁷² Pentafsiran berdasarkan sumber-sumber ini dinamakan sebagai *al-tafsīr bi al-ma'thūr* atau *al-naqlī*.¹⁷³

Sekiranya masih tidak didapati dalam sumber-sumber utama tersebut maka tiada cara lain bagi *mufassir* selepas daripada itu kecuali untuk menggunakan fikiran, mencari idea dan menggandakan usaha dalam mencari pendedahan tentang apa yang dimaksudkan oleh Allah SWT.¹⁷⁴ Dalam erti kata *mufassir* hendaklah berijtihad apabila dia memenuhi syarat-syarat ijtihad.

Oleh kerana *tafsīr 'ilmī* tidak terkeluar daripada konsep pentafsiran berdasarkan ijtihad dalam menjelaskan al-Qur'an, menerangkan maknanya dan mendedahkan apa yang dikehendaki nas al-Qur'an, isyarat atau isi kandungannya, maka *tafsīr 'ilmī* tidak dianggap diterima selagi tidak menepati kaedah *tafsīr bi al-ra'y* secara umum dan piawaian *tafsīr 'ilmī* secara khusus.

i) Kaedah *tafsīr bi al-ra'y* secara umum:

Para ulama telah meletakkan beberapa kaedah yang perlu diambil kira dalam mentafsirkan al-Qur'an menggunakan *al-ra'y* (ijtihad) sebagaimana berikut¹⁷⁵:

¹⁷² Al-'Ak, *Uṣūl al-Tafsīr*, 79-80. Namun al-Dhahabī tidak memasukkan pendapat Tabi'in dalam kaedah umum ini, lihat al-Dhahabī, *al-Tafsīr*, 1:197.

¹⁷³ Al-'Ak, *Uṣūl al-Tafsīr*, 111.

¹⁷⁴ Al-Dhahabī, *al-Tafsīr*, 1:197.

¹⁷⁵ *Ibid*, 1:197-198.

1. Keselarian tafsir dengan pentafsiran, tanpa pengurangan dalam keperluan penjelasan makna dan tanpa penambahan yang tidak berkaitan dengan topik dan tidak sesuai dengan kedudukan.
2. Mengambil kira makna *ḥaqīqī* dan makna *majāzī*, kemungkinan apa yang dikehendaki adalah *majāzī* kemudian dianggap percakapan tersebut sebagai *ḥaqīqī* ataupun sebaliknya.
3. Mengambil kira komposisi dan tujuan yang ditunjukkan dalam percakapan, selain mengintegrasikan *mufradāt* (perbendaharaan kata).
4. Mengambil kira perkaitan antara ayat, menjelaskan bentuk perkaitan dan menghubungkaitkan ayat yang sebelum dan selepas sehingga jelas bahawa al-Qur'an tidak perpecahan padanya.
5. Memberi penekanan kepada *asbāb al-nuzul*. Hendaklah menyatakan sebab penurunan ayat selepas menjelaskan perkaitan sebelum memasuki perbincangan ayat.
6. Memulakan perbincangan dengan apa yang berkaitan dengan lafaz-lafaz tunggal dari segi *al-naḥw*, *al-ṣarf* dan *al-ishtiqāq*. Kemudian disusuli perbincangan berdasarkan susunan ayat yang dimulai dengan *al-i'rab*, *al-ma'ani* dan *al-bayan*. Seterusnya menjelaskan makna yang dikehendaki dan mengistinbatkan apa yang mampu daripada al-Qur'an dalam batasan hukum-hukum syariat.

7. Hendaklah *mufassir* menjauhi dakwaan pengulangan dalam al-Qur'an sekadar yang mampu, menjauhi apa yang dianggap sebagai pengisi dalam tafsiran seperti perbincangan panjang dalam menyebut kecacatan *al-nahw* dan menjauhi daripada menyebut apa yang tidak sah berkaitan asbab al-nuzul, hadtth fadilat dan sebagainya.
8. *Mufassir* mestilah melakukan pentarjihan dan memilih *wajh* yang rajih dengan bijak lagi waspada sekiranya ayat tersebut mempunyai lebih daripada satu *wajh*.

ii) Piawaian *Tafsīr 'Ilmī* Secara Khusus:

Sebagaimana dinyatakan dalam perbincangan lepas, sebahagian ulama telah meletakkan piawaian tertentu bagi membolehkan al-Qur'an ditafsirkan dengan sains agar tidak termasuk dalam kategori *al-tafsīr bi al-ra'y al-madhmūm*. Antara piawaian tersebut ialah:

1. Menepati bahasa Arab dengan sempurna di mana makna yang ditafsirkan sepadan dengan makna dari sudut bahasa.
2. Tidak bercanggah dengan *ma'thūr* yang sah daripada Rasulullah SAW atau sesuatu yang hukumnya adalah *marfū'*.
3. Menepati konteks ayat al-Qur'an agar pentafsiran tidak lari daripada konteks tersebut.

4. Berwaspada daripada mendedahkan *tafsīr ‘ilmī* kepada perkhabaran dan keadaan mukjizat-mukjizat atau hari akhirat.
5. Mentafsirkan al-Qur’an berdasarkan fakta saintifik yang terbukti dan mengelak daripada melibatkan teori palsu lagi kuno.¹⁷⁶

Perbezaan antara fakta sains dan teori sains ialah:

Fakta sains: Perkara yang diiktiraf kejadiannya dan telah dicapai melalui uji kaji saintifik dan pemerhatian.

Teori sains: Penjelasan satu keadaan tertentu yang masih dibahaskan melalui perbandingan dengan andaian kedua kerana ia adalah semata-mata anggapan, tekaan dan sangkaan.

6. Mengelak daripada melampau dalam membawa nas kepada makna yang ingin *diistinbarkan*. Makna yang dipegang ialah sesuatu yang dibantu oleh bahasa dan apa yang ditunjukkan oleh frasa tanpa paksaan. Antara contoh dalam mengambil kira aspek bahasa ialah tidak membawa makna lafaz-lafaz al-Qur’an kepada makna yang dikemaskinikan pada zaman moden yang mana bukanlah apa yang dimaksudkan dalam nas secara pasti seperti kalimah “ذرة” difahami dengan makna zarah dalam istilah ilmu fizik.
7. Mengelak daripada menuduh umat sebagai jahil kesemuanya. Tidak menganggap bahawa *tafsīr ‘ilmī* merupakan satu tohmahan bahawa

¹⁷⁶ ‘Abbās, Fadl Hasan, *al-Tafsīr Asāsiyyātuh wa Ittijāhātuh* (Amman: Maktabah Dandis, 2005), 623-624.

seluruh umat – termasuk juga tiga kurun terbaik – tidak memahami al-Qur'an. Apa yang patut diakui ialah corak tafsir seperti ini merupakan tambahan kepada yang sebelumnya dan bukan pembatalan kepada kesemuanya. Justeru tiada halangan untuk menambah pemahaman baru terhadap al-Qur'an kerana keajaibannya tidak pernah terhenti.¹⁷⁷

8. Mengetahui hakikat yang pasti bahawa al-Qur'an adalah sebuah kitab petunjuk dan mempunyai *i'jāz* dan al-Qur'an tidak pernah diturunkan untuk menjadi satu kitab dalam satu-satu ilmu seperti perubatan, falak atau sebagainya. Al-Qur'an lebih hebat daripada semua itu dan lebih agung, tetapi al-Qur'an mengandungi banyak fakta dan pengetahuan ilmu-ilmu tersebut yang mengagumkan ulama dan pakar-pakar untuk membuktikan kebenaran dan *i'jāz*nya dan mereka mengetahui bahawa al-Qur'an adalah kitab kebenaran. Berdasarkan peraturan teguh ini ulama masa kini telah memberi peringatan kepada dua perkara penting:

Pertama: Umat Islam tidak perlu tergesa-gesa dalam mendapatkan kesepadanan antara sains dan al-Qur'an, bahkan wajib mengkaji apa yang terdapat dalam al-Qur'an dengan pegangan bahawa al-Qur'an adalah hakikat yang pasti.

Kedua: Tidak mentafsirkan al-Qur'an kecuali dengan fakta sains yang kukuh bukan dengan teori dan hipotesis kerana teori-teori terdedah kepada pembetulan dan pindaan.

¹⁷⁷ Al-Qarḍawī, Yūsuf, "Naẓarāt fī al-Tafsīr al-'Ilmī li al-Qur'ān", *Jurnal Pusat Penyelidikan al-Sunnah dan al-Sirah*, no. 9, (1997), 23-24.

9. Mengetahui kontradiksi antara *tafsīr ‘ilmī* moden dan tafsir klasik.

Kontradiksi antara keduanya bermaksud saling bertindih dan tidak serasi di mana apabila salah satunya menunjukkan satu perkara sebagai contoh, yang satu lagi menunjukkan kepada pertentangannya hatta tidak mungkin diserasikan antara keduanya dalam apa jua cara. Adapun jika terdapat perbezaan antara keduanya tanpa pertentangan dan boleh diserasikan maka tidak dinamakan kontradiksi.

10. Menjauhi daripada semua kesilapan yang berlaku dalam sebahagian kitab *tafsīr ‘ilmī* seperti Tantawi al-Jawhari yang meletakkan banyak gambar haiwan dan landskap dalam tafsir beliau dan pergantungan beliau terhadap apa yang datang daripada Plato dalam Republiknya atau daripada Ikhwan al-Safa.¹⁷⁸

Kesimpulan kepada syarat-syarat ini adalah *tafsīr ‘ilmī* ialah walaupun memenuhi kesemua syarat yang menjadikan tafsir ini sesuatu yang terpuji, tiada nilainya jika ia bertentangan dengan *al-tafsīr bi al-ma’thūr* yang dikukuhkan dengan nas yang *qat’ī*. Ini kerana *tafsīr ‘ilmī* adalah ijthad dan tiada ruang untuk ijthad dalam sumber nas - seperti mana diputuskan ulama *uṣūliyyūn*- namun jika tiada percanggahan antara *tafsīr ‘ilmī* dan *tafsīr bi al-ma’thūr*, maka setiap daripada keduanya saling menyokong dan mengukuhkan. Inilah apa yang didapati dalam tafsir golongan yang benar-benar mengikuti jalan lurus dalam bidang ini.¹⁷⁹

¹⁷⁸ ‘Umar, Aḥmad ‘Aṭā, *al-Manhaj al-Qawīm li al-Tafsīr al-‘Ilmī fī al-Qur’ān al-Karīm*, (April 11, 2007), laman sesawang Multaqā Ahl al-Tafsīr, dicapai pada 1 Julai 2013, <http://vb.tafsir.net/tafsir7818/>. Artikel ini merupakan ringkasan kepada disertasi master penulis yang bertajuk “Al-Ittijāh al-‘Ilmī li al-Tafsīr fī al-Qarn al-‘Ishrīn”.

¹⁷⁹ *Ibid.*

2.2.6 Kitab-kitab *Tafsīr ‘Ilmī*

Terdapat banyak kitab *tafsīr ‘ilmī* yang telah ditulis dari dulu hingga kini, antara yang masyhur ialah:

- a) Al-Tafsīr al-Kabīr karangan al-Imam Fakhr al-Rāzī.
- b) Al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm karangan Shaykh Ṭanṭawī al-Jawharī.
- c) Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyah fī al-Qur’ān al-Karīm karangan Zaghlūl al-Najjār.
- d) Kashf al-Asrār al-Nawraniyyat al-Qur’aniyyat oleh Muḥammad bin Aḥmad al-Iskandarānī.
- e) Al-Tafsīr al-‘Ilmī li al-Āyāt al-Kawniyyat fī al-Qur’ān oleh Hanafi Ahmad.

2.3 Kepentingan *Tafsīr ‘Ilmī*

Di sebalik polemik mengenai keharusan *tafsīr ‘ilmī*, ia dilihat mempunyai kepentingan tersendiri yang dapat memberi keuntungan kepada agama Islam khususnya dan Muslim secara amnya. Antara kepentingan tersebut ialah¹⁸⁰:

2.3.1 Metode terbaik dalam pentafsiran *āyat kawniyyat*

Dalam perbincangan sebelum ini telah dijelaskan *tafsīr ‘ilmī* merupakan satu ijthad dalam pentafsiran al-Qur’an yang menjadikan sains sebagai wadah

¹⁸⁰ Kārim al-Sayyid Ghanīm, *al-Tafsīr al-‘Ilmī li al-Āyāt al-Qur’āniyyat Bayna al-Mu’ayyidīn wa al-Mu’āridīn*, laman sesawang Mawsū’ah al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah, dicapai pada 6 Jun 2013, http://www.quran-m.com/firas/arabicold/?page=show_det&id=1354&select_page=23.

menjelaskan makna ayat-ayat yang berkisar pada persoalan ciptaan atau ayat-ayat *kawniyyat*. Sebagai contoh firman Allah SWT:

أَفَلَمْ يَنْظُرُوا إِلَى السَّمَاءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَزَيَّنَّاهَا وَمَا لَهَا مِنْ



Terjemahan makna:

“(Kalaulah mereka menyangka Kami tidak berkuasa mengembalikan mereka hidup semula) maka tidakkah mereka memandang ke langit yang ada di sebelah atas mereka (dengan tidak bertiang) bagaimana Kami membinanya (dengan rapi) serta Kami menghiasinya (dengan bintang-bintang), dan dengan keadaan tidak ada padanya retak-renggang?” [Surah Qāf (50): Ayat 6]

Dalam ayat ini jelas menunjukkan yang Allah SWT menggalakkan supaya mengkaji bagaimana langit dibangunkan dan tiada cara untuk mengetahui bagaimana langit dibangunkan melainkan dengan kajian sains. Oleh itu, sains diperlukan dalam memperincikan ayat tersebut.

Pentafsiran yang menepati kaedah-kaedah dan analisis sains moden merupakan metode terbaik dalam rangka memperincikan maksud *āyat kawniyyat* dan dalam masa yang sama mengesahkan kebenaran al-Qur’an terhadap hakikat berhubung ciptaan atau *al-kawn*. Hal ini secara tidak langsung mengelakkan daripada pentafsiran yang tidak ilmiah seperti dalam isu perkembangan janin dan penciptaan makhluk.

2.3.2 Wasilah kepada pembuktian *i’jāz ‘ilmī*

Kepentingan *tafsīr ‘ilmī* turut dapat dilihat melalui peranan tafsir tersebut dalam membuktikan *i’jāz al-Qur’an* terutama *i’jāz ‘ilmī* seperti yang dinyatakan dalam definisi *tafsīr ‘ilmī* itu sendiri. Dalam masa sama juga ia menyerlahkan

lagi *i'jāz* sedia ada seperti *i'jāz ghaybī*, *i'jāz bayanī* dan lain-lain. Dalam erti kata lain *tafsīr 'ilmī* merupakan satu wasilah baru untuk membongkar rahsia yang terkandung dalam al-Qur'an terutama yang berkaitan dengan ciptaan atau *al-kawn*.

2.3.3 Bukti keajaiban al-Qur'an

Pembuktian *i'jāz 'ilmī* yang terdapat dalam al-Qur'an melalui pendekatan *tafsīr 'ilmī* menunjukkan bahawa keajaiban al-Qur'an tidak pernah berakhir, tidak menjadi lapuk dengan banyaknya pengulangan dan tidak pernah puas ulama dengannya. Ini secara tidak langsung menjelaskan pencipta segala makhluk jugalah yang menurunkan al-Qur'an kerana tiada siapa yang lebih mengetahui perihal ciptaannya dengan terperinci kecuali pencipta itu sendiri.

2.3.4 Medium Dakwah dengan Uslub Semasa

Salah satu daripada rukun dakwah ialah wasilah atau medium. Pentafsiran *āyat kawniyyat* yang menepati kaedah-kaedah dan analisis sains moden dilihat sebagai satu medium dakwah yang seiring dengan uslub zaman perkembangan pengetahuan dan kecanggihan teknologi maklumat dewasa ini di mana masyarakat menuntut sesuatu yang empirikal dalam pembuktian sesuatu perkara.

Sebilangan sarjana Islam seperti Dr. Zakir Naik yang terkenal dalam penggunaan *tafsīr 'ilmī* melalui beberapa siri dakwah beliau di seluruh dunia, dapat membuktikan kebenaran al-Qur'an yang menjadi faktor ramainya orang kafir yang memeluk agama Islam kerana jelas kepada mereka mukjizat al-Qur'an melalui kajian sains tersebut.

2.4 Kesimpulan

Perbincangan mengenai *tafsīr ‘ilmī* adalah penting memandangkan tafsir dengan corak ini akan terus berkembang seiring dengan perkembangan pengetahuan dan teknologi. Realitinya *tafsīr ‘ilmī* merupakan satu keperluan dalam menerangkan maksud nas al-Qur’an dan memperluaskan kefahaman terhadapnya.

Sungguhpun demikian, pematuhan terhadap kaedah dan piawaian yang digariskan menjadi pertaruhan kerana pentafsiran seumpama ini lebih cenderung kepada kategori *al-tafsīr bi al-ra’y al-madhmūm* seperti mana yang dikhuatirkan oleh para ulama yang tidak membenarkan penggunaannya. Pokoknya objektif sebenar *tafsīr ‘ilmī* adalah supaya manusia dapat menghayati dan mentadabbur *āyat kawniyyat* dalam usaha mengenali Pencipta yang Maha Esa dan meyakini bahawa al-Qur’an adalah Kalamullah.

BAB TIGA:
TERJEMAHAN MAKNA *ĀYAT KAWNIYYAT* DALAM TERJEMAHAN
AL-QUR'AN BAHASA MELAYU

3.1 Pendahuluan

Menyedari hakikat kepentingan *āyat kawniyyat* sebagai tonggak dalil-dalil ketuhanan kepada kewujudan dan keesaan Allah SWT, kudratNya yang menakjubkan dan ilmuNya yang sungguh luas¹⁸¹ khususnya dalam pemantapan akidah dan keberkesanan dakwah, pengkaji terdorong untuk meneliti semula terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu sedia ada. Terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu ini merujuk kepada terjemahan dalam Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia. Hal ini kerana Indonesia merupakan negara serumpun dengan Malaysia, sementelahan pula perkembangan aktiviti penterjemahan di Indonesia tampak lebih terkedepan.

Dalam kajian ini pengkaji membataskan kajian hanya terhadap terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang tidak selari dengan fakta semasa yang merangkumi ayat al-Qur'an berkaitan penciptaan haiwan, tumbuhan, manusia, bumi dan langit.

3.2 Pengenalan Terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu

Sebelum melanjutkan perbincangan, pengkaji akan memperkenalkan beberapa terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia yang digunakan dalam kajian.

¹⁸¹ 'Urjūn, Muḥammad al-Ṣādiq, *al-Qur'ān al-'Azīm: Hidāyatuh wa I'jāzuh fī Aqwāl al-Mufasssīrīn* (Dār al-Ittiḥād al-'Arabī, 1996), 742.

3.2.1 Bahasa Melayu Malaysia

Terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu yang terdapat di Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis, antaranya terjemahan jenis *ḥarfīyyat bi dūn al-mithl* dan terjemahan *tafsīriyyat mukhtaṣirat* malah ada juga terjemahan al-Qur'an yang diterjemahkan daripada teks terjemahan al-Qur'an yang lain.¹⁸²

Di Malaysia kerajaan telah mewajibkan mana-mana pihak yang ingin menerbitkan bahan berkaitan al-Qur'an untuk mendapatkan lesen daripada Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Qur'an. Bahagian ini diwujudkan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pada 27 Mac 2004 ekoran pembentukan Kabinet baru oleh mantan Perdana Menteri, sebelumnya dikenali sebagai Bahagian C di bawah Kementerian Dalam Negeri. Bahagian ini berperanan mengawal dan memastikan semua bahan penerbitan dan teks al-Qur'an yang dicetak, diterbit, diimport dan diedarkan di dalam negara tidak mengandungi bahan-bahan negatif, tidak diingini dan tidak mengandungi kesilapan yang boleh menjejaskan al-Qur'an sehingga memudaratkan keselamatan negara, ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat.¹⁸³

Masalah utama dalam usaha penterjemahan makna al-Qur'an seperti yang dinyatakan Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada bulan Mac tahun 2010 ialah Malaysia kekurangan pakar untuk mentafsir dan menterjemah tafsiran al-Qur'an. Hal ini kerana penterjemahan tafsir al-Qur'an memerlukan penguasaan sekurang-kurangnya dua bahasa berbeza, termasuk pengetahuan luas dalam pelbagai disiplin ilmu

¹⁸² Mohd Shukri Hanafi, *Terjemahan*, 217. Terjemahan al-Qur'an yang diterjemahkan daripada teks terjemahan al-Qur'an yang lain sebagai contoh ialah *Al-Qur'an Al-Karim, Terjemahan dan Huraian* karya al-marhum Muhammad 'Uthman al-Muhammadiyah yang diterjemahkan daripada naskhah terjemahan al-Qur'an edisi Inggeris yang berjudul *The Holy Qur'an, Translation and Commentary* karya 'Abd Allah Yusuf Ali.

¹⁸³ "Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks al-Qur'an", laman sesawang Kementerian Dalam Negeri, dicapai 1 Feb 2013, <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-korporat/maklumat-bahagian/bahagian-kawalan-penerbitan-dan-teks-al-quran>.

tafsir bagi memastikan maksud yang ingin disampaikan tepat dan tidak menyalahi kalimat-kalimat suci itu. Selain itu, setiap perkataan dalam bahasa Arab yang terkandung di dalam al-Qur'an kadangkala mempunyai pelbagai makna, justeru pencarian terjemahan yang benar-benar tepat amat diperlukan.¹⁸⁴ Sehingga tempoh tersebut Malaysia hanya mempunyai hampir 100 pakar penterjemahan tafsir al-Qur'an dan jumlah tersebut masih sedikit berbanding keperluan yang semakin meningkat.¹⁸⁵

Dalam kajian ini pengkaji memilih lima naskhah terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu yang telah disemak oleh panitia khas dan diluluskan oleh Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Qur'an untuk diterbitkan. Kelima-lima terjemahan tersebut lazim digunakan masyarakat berdasarkan pemerhatian pengkaji. Pengenalan terjemahan-terjemahan al-Qur'an tersebut akan dinyatakan secara ringkas:

a) Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Nama penuh terjemahan ini ialah Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an, sementara pengarangnya ialah Sheikh Abdullah Basmeih bin Sheikh Muhammad Basmeih.¹⁸⁶ Dalam menghasilkan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman ini pengarang telah merujuk beberapa kitab lain sebagai panduan. Kitab-kitab ini merangkumi kitab tafsir Arab, Melayu dan Indonesia, kitab hadith, kamus Melayu dan kamus Arab.¹⁸⁷

¹⁸⁴ "Terjemahan Tafsir Al-Quran Dalam Bahasa Mandarin, Tamil", laman sesawang mStar, dikemaskini pada 4 Mac 2010, dicapai pada 1 Februari 2013, http://www.mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar_berita&file=/2010/3/4/mstar_berita/20100304140327

¹⁸⁵ *Ibid.*

¹⁸⁶ Beliau dilahirkan pada 29 Disember 1913 di suatu tempat yang bernama معابدة tidak jauh dari kawasan Masjid al-Haram, sementara gelaran Basmeih adalah antara gelaran yang diberikan kepada golongan peniaga yang berasal dari Hadramawt (salah sebuah wilayah di Yaman), lihat Wan Ramizah Hasan "Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000), 110-112.

¹⁸⁷ Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, xv- xvi.

Secara umum Sheikh Abdullah Basmeih melakukan tiga perkara utama sepanjang penulisan beliau iaitu; menulis mukadimah yang menerangkan secara ringkas isi kandungan yang terdapat dalam sesebuah surah; menterjemah ayat-ayat al-Qur'an dengan menggunakan kaedah *tarjamah ma'nawiyyat*; dan mentafsir sebahagian ayat yang dirasakan perlu diberi penjelasan.¹⁸⁸ Penjelasan tersebut diletakkan sebagai nota kaki di bahagian bawah halaman ayat tersebut.

Namun demikian ayat-ayat tertentu sahaja yang diberi huraian dan penjelasan oleh beliau, selebihnya hanyalah terjemahan ayat. Antara aspek yang lazim ditonjolkan ialah sebab turun ayat, kesinambungan ayat, istilah-istilah khusus, nama-nama tempat, kisah peperangan, kisah Nabi-nabi dan umat-umat terdahulu dan sebagainya.¹⁸⁹ Oleh kerana itu kitab tafsir ini sebenarnya lebih sesuai dikategorikan sebagai terjemahan kepada ayat-ayat al-Qur'an secara *tafsīriyyat mukhtaṣirat* (tafsiran ringkas).¹⁹⁰

Karya ini dihasilkan penulis setelah meneliti pelbagai kitab tafsir dan hadith yang muktabar dan memilih pendapat yang paling berautoriti dan sesuai dengan masyarakat di Malaysia. Selain itu gaya bahasa yang digunakan juga adalah mesra pembaca dan mudah difahami segenap lapisan masyarakat.

¹⁸⁸ Wan Ramizah, "Sumbangan Sheikh", 225-226.

¹⁸⁹ *Ibid*, 233-234.

¹⁹⁰ Mohd Shukri, *Terjemahan*, 217.

b) Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim

Terjemahan makna ini dihasilkan oleh sekumpulan ilmuwan pelbagai bidang ilmu yang diketuai oleh Dr. Mohd Puzhi Bin Usop¹⁹¹ terbitan al-Hidayah House of Qur'an. Terjemahan ini disertakan teks asal ayat al-Qur'an mengikut susunan mashaf 'Uthmani dan terjemahan makna ayat diletakkan pada kiri/kanan halaman teks asal. Ini memudahkan pembaca merujuk secara langsung kepada terjemahan untuk mengetahui maksud ayat.

Penjelasan ringkas diletakkan dalam kurungan bersama terjemahan ayat sekiranya terdapat perkataan yang rumit. Manakala penggunaan nota kaki diaplikasikan terhadap ayat atau perkataan yang memerlukan huraian panjang. Apa yang menjadi keistimewaan ialah huraian yang diberikan adalah bersifat kontemporari dan mencakupi pelbagai aspek memandangkan panel penterjemah dianggotai oleh golongan yang mempunyai kredibiliti dalam pelbagai bidang.

c) Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan

Terjemahan ini merupakan kesinambungan daripada penghasilan al-Qur'an Mushaf Malaysia.¹⁹² Usaha ini dilakukan oleh kakitangan Yayasan Restu

¹⁹¹ Beliau merupakan pensyarah di Pusat Bahasa dan Pembangunan Pra Akademik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Arab, laman sesawang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dicapai pada 1 Julai 2013, <http://www.iiium.edu.my/staff-details?id=3159>

¹⁹² Pembinaan Al-Quran Mushaf Malaysia adalah usaha pertama rakyat Malaysia untuk negara dalam membantu dunia menghidupkan kembali seni mushaf yang telah hilang sejak 500 tahun yang lampau. Usaha ini telah membuahkan hasil dengan pelancaran secara rasmi Penyalinan Al-Quran Mushaf Malaysia pada 17 Ramadhan 1417 bersamaan 26 Januari 1997 di Balai Pameran Islam, Pusat Islam Kuala Lumpur. Al Quran Mushaf Malaysia ialah manuskrip Al-Qur'an beriluminasi (berhias) dan berwarna penuh. Ia dihasilkan dari salinan tangan empat orang Khattat (penulis khat) tempatan dengan menggunakan batang handam atau resam (sejenis pokok paku pakis). Ia mengandungi 30 Juz dengan mengaplikasikan motif dan reka bentuk seni tampak Melayu bercirikan kebudayaan Islam seluruh negeri di Malaysia. Usaha pembinaan Al-Qur'an Mushaf Malaysia mengambil masa lima tahun, termasuk kajian dan pembangunan (R&D). Kini Malaysia mempunyai mashaf Al-Qur'an sendiri melalui penerbitan Al-Quran Mushaf Malaysia – Taba'ah Ma'arij Al-Jamal pada bulan Mac 2000 dan

berkelulusan pengajian Islam dan bahasa Arab dari universiti-universiti Jordan dan diselia oleh ahli jawatankuasa Lajnah Terjemahan dan Tafsir Yayasan Restu yang dianggotai pakar dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan tafsir.¹⁹³

Terjemahan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama; sejarah al-Qur'an, al-Qur'an & terjemahnya dan inti sari al-Qur'an.¹⁹⁴ Secara umum terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan secara tafsiran ringkas dengan merujuk kepada beberapa terjemahan dan tafsir al-Qur'an dalam bahasa Melayu seperti Terjemahan Tafsir al-Maraghi, Tafsir Pimpinan al-Rahman, al-Qur'an dan Terjemahannya (terbitan Kompleks Percetakan al-Qur'an Madinah) dan lain-lain selain kitab-kitab tafsir muktabar.¹⁹⁵

Selain itu terjemahan ini menggunakan pendekatan kurungan () yang mempunyai tiga fungsi; keterangan menggantikan nota kaki, perkataan atau sub perkataan yang menerangkan maksud ayat dan mewakili satu perkataan atau ungkapan.¹⁹⁶ Penggunaan Bahasa Malaysia terkini dan mudah difahami serta sesuai untuk semua golongan menjadi antara keistimewaan terjemahan ini.

Namun dari segi susun atur, ayat al-Qur'an dan terjemahan maknanya diletakkan secara bersebelahan muka surat pada bukaan yang sama. Bagi pengkaji susun atur sebegini tidak efektif kepada sesiapa yang telah terbiasa dengan susun atur mashaf al-Qur'an selain turut menjadikan saiznya lebih tebal.

telah beberapa kali diulang cetak untuk edaran dalam dan luar negara, laman sesawang Diwani Kraf, dicapai pada 18 Jun 2013, <http://diwanikraf.com/2007/04/25/al-quran-mushaf-malaysia/>.

¹⁹³ *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 10.

¹⁹⁴ *Ibid*, 11.

¹⁹⁵ *Ibid*, 10.

¹⁹⁶ *Ibid*, 12.

d) Mushaf al-Masar

Mushaf Al-Masar merupakan al-Qur'an terjemahan terbitan Masar Enterprise yang menampilkan kaedah al-Mubin iaitu menterjemah al-Qur'an berdasarkan perubahan perkataan dalam Bahasa Arab. Dalam erti kata lain pembaca boleh mempelajari bahasa Arab melalui al-Qur'an ini. Terjemahan ini juga mengandungi tajuk dan sub tajuk bagi memudahkan pembaca memahami isi kandungan al-Qur'an.¹⁹⁷

Terjemahan makna yang dipersembahkan adalah jelas, menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam setiap terjemahan dan mempunyai penerangan terperinci bagi setiap surah di dalamnya selain susun atur yang mengekalkan susunan mashaf berserta terjemahan pada halaman yang sama. Di samping itu, Mushaf Al-Masar juga memberi pendedahan kepada pembaca berkenaan jadual perubahan kata iaitu kata kerja yang menggariskan beberapa jenis kata ganti diri bagi lelaki, wanita, mereka dan kami serta kata benda bagi maksud tunggal, dua atau banyak.¹⁹⁸

Selain itu, kitab ini juga sesuai untuk semua golongan, malahan mudah dibawa ke mana saja kerana saiznya kecil dan isi kandungannya menggunakan aksara berwarna-warni selain sangat komprehensif bagi tujuan pembelajaran.

¹⁹⁷ "Al-Qur'an", laman sesawang Sinergi Ilmu, dicapai pada 1 Julai 2013, <http://sinergiilmu.wordpress.com/al-quran/>.

¹⁹⁸ "Mushaf Al-Masar di pasaran ", laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 1 Julai 2013, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/MushafAl-Masardipasaran/Article>.

e) Tafsir Qur'an Per Kata

Tafsir Qur'an Per kata merupakan hasil karya Dr. Ahmad Hatta, MA terbitan Maghfirah Pustaka. Tafsir ini telah dialih bahasa daripada bahasa Indonesia kepada bahasa Melayu. Menurut penulis karya ini merupakan *tafsīr ijmālī* (global) yang ringkas dan bukan sekadar terjemahan selain disusun dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar.¹⁹⁹

Terdapat tiga peringkat yang dilalui dalam penghasilan karya ini; memahami setiap kosa kata dalam satu ayat dengan merujuk kepada dua buah kitab iaitu *Kalimāt al-Qur'ān (Tafsīr wa Bayān)* oleh Ḥasanayn Muḥammad Makhluf dan *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān* oleh al-Rāghib al-Aṣḥāhānī; memahami ayat secara keseluruhan dengan pendekatan *tafsīr ijmālī* dengan merujuk dua buah kitab iaitu *Tafsīr al-Jalālayn* oleh Imam Jalālud al-Dīn al-Suyūṭī dan Imam Jalālud al-Dīn al-Maḥallī dan *Aysar al-Tafāsīr* oleh Abū Bakr al-Jazā'irī; dan menuliskan tafsir setiap perkataan ayat al-Qur'an berdasarkan pemahaman makna per kalimah dari setiap ayat dan pemahaman maksud ayat secara keseluruhan dengan ringkas dan global.

Tafsiran tersebut dilakukan secara berasingan berdasarkan setiap kalimah dalam al-Qur'an dan diletakkan di bahagian bawah kalimah tersebut. Terjemahan makna lengkap bagi setiap ayat pula diletakkan di bahagian kiri dan kanan halaman. Terjemahan tersebut merupakan terjemahan daripada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an.²⁰⁰ Gaya susun atur seperti ini dilihat lebih praktikal dan memudahkan pembaca untuk membaca dan

¹⁹⁹ Ahmad Hatta, *Tafsir Qur'an Per kata*, pendahuluan.

²⁰⁰ *Ibid.*

memahami tafsiran setiap kalimah dan terjemahan makna ayat. Namun karya ini memperuntukkan dua muka surat untuk setiap satu muka surat mashaf ‘Uthmani. Sebagai contoh muka surat 200 pada mashaf ‘Uthmani ditulis dengan 200 (a) dan 200 (b) pada sebelah kiri dan kanan Tafsir Qur’an Per kata, ini menjadikannya lebih tebal walaupun saiznya sederhana besar.

Apa yang menjadi nilai tambah ialah ia turut dilengkapi *asbāb nuzūl* yang menjelaskan keadaan dan latar belakang penurunan ayat tertentu yang diletakkan betul-betul dengan ayat tersebut. Hal ini memudahkan pembaca kerana tidak perlu merujuk kepada kitab lain untuk mengetahuinya.

3.2.2 Bahasa Indonesia

Perkembangan aktiviti penterjemahan al-Qur’an Bahasa Indonesia pula tidak kurang hebatnya, malah lebih terkedepan jika dibandingkan dengan perkembangan di Malaysia. Terdapat sebahagian terjemahan al-Qur’an Bahasa Indonesia yang berjaya sampai ke Malaysia.

Idea penterjemahan al-Qur’an secara *harfiyyat* di Indonesia telah diperkenalkan oleh kumpulan Muhammadiyah yang kemudiannya dikembangkan oleh Tombak Alam (nama pengajar) pada 11 Mac 1972 dengan pembukaan sebuah pusat pengajian.²⁰¹ Pada permulaan abad ke-20 terdapat pelbagai jenis terjemahan al-Qur’an sama ada secara *harfiyyat*, *ma‘nawiyyat* dan *tafsiriyyat* yang dihasilkan ulama Indonesia.²⁰² Indonesia adalah salah sebuah negara yang paling banyak menghasilkan terjemahan al-Qur’an.

²⁰¹ Mohd Nizho & Mohd Shukri, *Usaha Penterjemahan*, 196.

²⁰² *Ibid*, 195.

Faktor utama kepada perkara tersebut ialah jumlah penduduknya seramai 178 juta orang pada awal tahun 90-an.²⁰³

Hal ini mendorong pengkaji untuk turut melakukan penelitian terhadap terjemahan makna *ayat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Indonesia. Dalam kajian ini pengkaji memilih lima naskhah terjemahan al-Qur'an Bahasa Indonesia yang biasa digunakan dalam kalangan masyarakat di Indonesia agar ruang lingkup terhadap terjemahan makna ayat tersebut lebih luas. Pengenalan terjemahan-terjemahan al-Qur'an tersebut akan dinyatakan secara ringkas:

a) Tafsir Qur'an Karim

Tafsir Qur'an Karim adalah sebuah karya tafsir yang ringkas berbahasa Melayu yang ditulis menggunakan tulisan Rumi hasil tulisan Mahmud Yunus.²⁰⁴ Apabila dipandang kepada karya tafsir ini, ia seolah-olah seperti sebuah terjemahan al-Qur'an yang ditulis dan dihasilkan oleh penulis. Namun, apabila benar-benar diteliti dan dihalusi, ternyata ia adalah sebuah karya tafsir ringkas dan padat yang dikemukakan oleh Mahmud Yunus terhadap tafsiran ayat-ayat al-Qur'an.

²⁰³ Haji Amin Maulana dan Zulkifli Haji Mohd Yusoff, "Pengajian Al-Quran Di Nusantara: Satu Imbasan Sejarah", dalam *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara*, ed. Zulkifli Hj Mohd Yusoff et al., (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 2009), 143.

²⁰⁴ Beliau dilahirkan di *Nagari* Sungayang, Batusangkar, Kabupaten Tanah Datar, Sumatera Barat pada hari Sabtu tarikh 30 Ramadan 1316 Hijrah bersamaan 10 Februari 1899 Masihi dan kembali ke rahmatullah pada hari Sabtu tarikh 20 Rabiul Awal 1402 Hijrah bersamaan 16 Januari 1982 Masihi di Jakarta dalam usia 83 tahun, lihat Eficandara Masril et al., "Prof. Dr. H. Mahmud Yunus: Tokoh Mujaddid dari Minangkabau" dalam prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, ed. Azmul Fahimi Kamaruzaman et al., (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 135.

Mahmud Yunus telah mengaplikasikan lapan metode dalam mentafsirkan ayat iaitu metode tafsir ayat al-Qur'an dengan al-Qur'an, mentafsir ayat al-Qur'an dengan hadith, mentafsir ayat al-Qur'an dengan pandangan sahabat, Mentafsir ayat al-Qur'an melalui pendapat tabi'in, mentafsir ayat al-Qur'an melalui pandangan akal, mentafsir ayat al-Qur'an melalui makna kalimah, mengemukakan kata-kata pepatah dan tafsir ayat-ayat al-Qur'an melalui kisah-kisah.²⁰⁵

b) Al-Qur'an dan Terjemahnya

Al-Qur'an dan Terjemahnya merupakan hasil daripada kerjasama dan berkat hubungan baik antara dua bangsa yang bersaudara iaitu Arab Saudi dan Indonesia. Individu yang berperanan penting dalam usaha ini ialah Ustaz Abdul Wahab Ahmad Abdul Wasie, Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi yang juga merupakan Penasihat Kompleks Percetakan al-Qur'an Raja Fahd. Atas perhatian yang besar dan kemurahan hati Raja Fahd, karya ini dapat dicetak sebanyak satu juta buah di Arab Saudi dengan pembiayaan kerajaan.²⁰⁶

Satu kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli dalam bidang ilmu syarie yang diketuai oleh Prof. T.M. Hasbi Ash Shiddieqy telah dibentuk untuk meneliti dan menyemak di bawah pengawasan Lembaga Pusat Riset, Fatwa, Da'wah dan Bimbingan Islam di Riyadh yang diwakili oleh Atase Agama

²⁰⁵ Khadher Ahmad et al., "Ketokohan Mahmud Yunus Dalam Bidang Tafsir Al-Quran: Kajian Terhadap Kitab Tafsir Qur'an Karim", Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012, 195-211

²⁰⁶ *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 5.

Kedutaan Besar Saudi Arabia di Jakarta dan juga di bawah pengawasan Departmen Agama Republik Indonesia untuk tujuan meneliti karya tersebut.²⁰⁷

Dalam bahagian pendahuluan al-Qur'an ini terlebih dahulu menceritakan latar belakang berkenaan al-Qur'an dalam pelbagai aspek.²⁰⁸ Penterjemahan makna setiap surah turut didahului dengan *muqaddimah* masing-masing yang menyatakan latar belakang dan pokok perbincangan dalam surah tersebut. Selain itu setiap surah diakhiri dengan penutup yang mengandungi kesimpulan ringkas tentang surah dan menyatakan *munasabat* surah tersebut dengan surah selepasnya.

Susun atur terjemahan ini tidak berdasarkan teks asal *rasm 'Uthmānī*. Susunan hanya dibuat hanyalah berdasarkan ruang yang dapat dipenuhi dalam satu halaman dengan setiap halaman dibahagikan kepada dua bahagian; sebelah kanan adalah teks asal dan sebelah kiri pula teks terjemahan makna. Konsep kurungan digunakan untuk memberi tafsiran ringkas kepada sesuatu perkataan sementara nota kaki digunakan sebagai penjelasan lanjut mengenai sesuatu perkara.

Saiz al-Qur'an ini adalah sederhana besar namun memandangkan kertas yang digunakan adalah nipis telah menjadikan saiz al-Qur'an sederhana tebalnya. Al-Qur'an ini telah diberikan secara percuma dan digunakan secara meluas dalam masyarakat.

²⁰⁷ *Ibid*, 7.

²⁰⁸ *Ibid*, 13-14.

c) Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference

Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference terbitan Sygma Publishing merupakan karya yang disusun dengan rujukan yang sahih dan lengkap sebagai sarana pembelajaran al-Qur'an secara komprehensif.²⁰⁹

Komponen utama dalam karya ini ialah terjemahan secara *lafziyyah-tafsiriyyah* yang dinamakan "Metode Hijaz". Terjemahan jenis ini adalah penerapan daripada kaedah mengenal makna daripada rangkaian kata terkecil (frasa) atau istilah.²¹⁰ Terjemahan tersebut diletakkan di bawah setiap kalimah. Terjemahan penuh ayat bersumber daripada Kementerian Agama RI pula diletakkan bersebelahan dengan teks asal pada halaman yang sama. Teks asal hanya berada di sebelah kanan halaman, di sebelah kiri halaman memuatkan komponen-komponen lain seperti tafsiran daripada al-Tabari, Ibn Kathir, asbab al-nuzul dan lain-lain. Tiada konsep nota kaki digunakan, Cuma terdapat kurungan yang berfungsi sebagai kata atau kalimah pentafsiran.

Apa yang menjadi kekurangan karya ini ialah susun atur yang sedemikian menjadikannya lebih tebal, tambahan pula saiznya agak besar. Namun jika dibandingkan dengan kandungannya sudah pasti ia bukan satu perkara besar yang menjadi alasan untuk mengabaikannya.

²⁰⁹ Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference, pendahuluan.

²¹⁰ *Ibid.*

d) Al-Qur'an Cordoba

Al-Qur'an Cordoba The Amazing 33 in 1 terbitan Cordoba International Indonesia merupakan al-Qur'an yang lengkap dengan penjelasan dan tuntunan untuk membantu dalam mempelajari al-Qur'an secara menyeluruh.

Kandungan utama dalam kitab ini ialah terjemah per kata di mana terjemahan makna diletakkan betul-betul di bawah setiap patah perkataan ayat al-Qur'an. Tujuannya adalah untuk memudahkan penghafalan makna kalimah al-Qur'an yang selalu berulang dan seterusnya mampu mengerti dan memahami maksud daripada bacaan Al-Qur'an ketika membaca mashaf al-Qur'an tanpa terjemahan.²¹¹

Al-Qur'an ini turut mengandungi terjemahan terbaru versi Kementerian Agama Republik Indonesia edisi semakan tahun 2004. Terjemahan ini dilengkapi dengan penjelasan nota kaki (footnote) yang memudahkan dalam memahami makna ayat Al-Qur'an yang dibaca. Kedudukannya berada di sebelah kanan teks al-Qur'an dengan tajuk Terjemah. Terdapat juga penjelasan *tafsiriyyah* kepada beberapa ayat berdasarkan Tafsir Jalalayn, Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibnu Kathir berkaitan ibadah, muamalat dan akidah. Penjelasan tersebut dipaparkan secara sederhana namun tetap komprehensif.²¹²

²¹¹ "Konten Istimewa Al-Qur'an Cordoba", laman sesawang Al-Qur'an Cordoba, dicapai pada 22 Jun 2013, <http://distributor-alqurancordoba.com/2012/08/10/konten-istimewa-al-quran-cordoba/>.

²¹² *Al-Qur'an Cordoba The Amazing 33 in 1*, 9-10.

Selain itu ia turut disertakan dengan hadith nabawi, hadith qudsi, *mu'jam* dan *asbāb al-nuzul bi al-riwāyat* berdasarkan kitab al-Wahidi dan al-Suyuti serta pelbagai komponen lain yang menjadi tambah nilai kepada al-Qur'an tersebut.²¹³ Kebanyakan daripada komponen tersebut diletakkan pada halaman sebelah kiri dan ini menjadikan saiz al-Qur'an tersebut lebih tebal kerana teks asal dan terjemahan makna hanya diletakkan pada halaman kanan.

e) **The Holy Qur'an al-Fatih**

The Holy Qur'an al-Fatih terbitan PT. Media Insan Pustaka merupakan terjemahan tafsir berdasarkan kalimah yang diterjemah berlandaskan Tafsir Ibn Kathir. Terjemahan per kata tersebut diletakkan di bawah setiap kalimah manakala terjemahan lengkap ayat disusun secara berkelompok mengikut tema.²¹⁴

Susun atur terjemahan ini tampil sedikit berbeza dengan terjemahan makna telah diseragamkan pada sebelah kiri teks asal. Selain itu ia disertakan dengan asbab al-nuzul dan indeks terjemah al-Qur'an. *Al-asmā' wa al-ṣifat* Allah SWT juga tidak ditakwilkan dan teks al-Qur'an dilengkapi hukum tajwid.²¹⁵ Ciri-ciri tersebut menjadikannya mesra pengguna.

²¹³ *Ibid.*

²¹⁴ "Mushaf Qur'an Al Fatih Terjemahan Per kata", laman web Insan Media Pustaka, dicapai pada 1 Julai 2013, <http://quranalfatih.blogspot.com/2012/09/rp-95.html>.

²¹⁵ *Ibid.*

3.3 Terjemahan Makna *Āyat Kawniyyat* Bahasa Melayu:

Seterusnya pengkaji akan meneliti terjemahan makna beberapa *āyat kawniyyat* berkaitan penciptaan haiwan, tumbuhan, manusia, bumi dan langit yang tidak selari dengan fakta semasa dalam setiap terjemahan al-Qur'an yang telah dinyatakan sebelum ini dan perbandingan akan dilakukan terhadap kalimah yang menjadi perbincangan.

3.3.1 Penciptaan Haiwan

a. Surah al-Naml: Ayat 18

حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْا عَلَىٰ وَادِ النَّمْلِ قَالَتِ نَمَلَةٌ يَتَأَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا
مَسْكِنَكُمْ لَا تَحْطَمَنَّكُمْ سُلَيْمَانُ وَجُنُودُهُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٨﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dan Indonesia sebagaimana berikut:

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	“(Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke “Waadin-Naml”, berkatalah seekor semut: “Wahai sekalian semut! Masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari.” ²¹⁶
Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	“Hingga ketika mereka sampai di lembah semut, berkatalah seekor semut: “Wahai semut-semut! Masuklah ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak dipijak oleh Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari.” ²¹⁷
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	“(Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke lembah semut, seekor semut berkata, “Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan sampai Sulayman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedangkan mereka tidak menyedari.” ²¹⁸

²¹⁶ *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 978

²¹⁷ *Terjemahan al-Hidayah*, 378

²¹⁸ *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 386.

Mushaf al-Masar	“Hingga ketika mereka sampai di lembah semut, berkatalah seekor semut, “Wahai semut-semut! Masuklah ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari.” ²¹⁹
Tafsir Qur’an Per Kata	“Sehingga apabila mereka sampai ke lembah semut, berkatalah seekor semut (ratunya): Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari.” ²²⁰
Tafsir Qur’an Karim	“Sehingga apabila mereka sampai ke lembah semut, lalu berkata raja semut: Hai sekalian semut, masuklah kamu ke dalam rumahmu, supaya kamu tidak dihancurkan oleh Sulaiman dan tenteranya, sedang mereka tiada sadar (terhadapmu).” ²²¹
Al-Qur’an dan Terjemahnya	“Hingga apabila mereka sampai di lembah semut berkatalah seekor semut: “Hai semut-semut, masuklah ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari.” ²²²
Syaamil Al-Qur’an Miracle The Reference	“Hingga ketika mereka sampai di lembah semut berkatalah seekor semut, “Wahai semut-semut! Masuklah ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari.” ²²³
Al-Qur’an Cordoba	“Hingga ketika mereka sampai di lembah semut, berkatalah seekor semut, “Wahai semut-semut! Masuklah ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari.” ²²⁴
The Holy Qur’an al-Fatih	“Hingga ketika mereka sampai di lembah semut berkatalah seekor semut, “Wahai semut-semut! Masuklah ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari.” ²²⁵

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat ini adalah “نملة”. Apa yang dapat diperhatikan terdapat perbezaan terjemahan kepada makna perkataan tersebut iaitu “seekor semut” dan “raja/ratu semut”. Bagi terjemahan “seekor semut”, persoalan yang timbul ialah adakah semut yang berkata-kata tersebut jantan ataupun betina? Ini kerana semut adalah haiwan yang mempunyai gender. Sementara bagi terjemahan “raja/ratu semut” adakah ia hanya merujuk kepada raja/ratu semut dan bukan kasta semut yang lain?

²¹⁹ *Mushaf al-Masar*, 378.

²²⁰ *Tafsir Qur’an Per Kata*, 378(a).

²²¹ *Tafsir Qur’an Karim*, 558.

²²² *Al-Qur’an dan Terjemahnya*, 595

²²³ *Syaamil Al-Qur’an*, 753.

²²⁴ *Al-Qur’an Cordoba*, 753

²²⁵ *The Holy Qur’an al-Fatih*, 378.

b. Surah al-‘Ankabūt: Ayat 41

مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ
 اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا
 يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dan Indonesia sebagaimana berikut:

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	“Misal bandingan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah Yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang paling reput ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan.” ²²⁶
Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	“Perumpamaan orang yang meminta perlindungan selain Allah sebagai pelindung-pelindung adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah, sekiranya mereka mengetahui.” ²²⁷
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	“Bandingan orang yang menjadikan yang lain daripada Allah sebagai pelindung, adalah seperti labah-labah yang membuat sarang; sesungguhnya sarang-sarang yang paling reput ialah sarang labah-labah, sekiranya mereka orang yang mengetahui.” ²²⁸
Mushaf al-Masar	“Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung selain Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah, sekiranya mereka mengetahui.” ²²⁹
Tafsir Qur'an Per Kata	“Misal bandingan orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung, adalah seperti labah-labah yang membuat sarang; Dan sesungguhnya sarang yang sehabis-habis reput ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang yang mengetahui.” ²³⁰
Tafsir Qur'an Karim	“Umpama orang ² yang mengambil wali ² , selain dari pada Allah, adalah seperti labah ² yang memperbuat rumah. Sesungguhnya selemah-lemah rumah ialah rumah labah ² , jika mereka mengetahui.” ²³¹

²²⁶ Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 142.

²²⁷ Terjemahan al-Hidayah, 401.

²²⁸ Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan, 409.

²²⁹ Mushaf al-Masar, 401.

²³⁰ Tafsir Qur'an Per Kata, 401(a).

²³¹ Tafsir Qur'an Karim, 588.

Al-Qur'an dan Terjemahnya	“Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti laba-laba yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah laba-laba kalau mereka mengetahui.” ²³²
Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	“Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung selain Allah adalah seperti laba-laba yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah laba-laba, sekiranya mereka mengetahui.” ²³³
Al-Qur'an Cordoba	“Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung selain Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah laba-laba, sekiranya mereka mengetahui.” ²³⁴
The Holy Qur'an al-Fatih	“Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung selain Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah, sekiranya mereka mengetahui.” ²³⁵

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat ini adalah “العنكبوت”. Apa yang dapat diperhatikan kesemua terjemahan di atas memberikan terjemahan yang sama kepada makna perkataan tersebut iaitu “labah-labah”. Hal ini telah menimbulkan persoalan sama seperti perbincangan mengenai semut sebelum ini sama ada labah-labah tersebut jantan ataupun betina, ini kerana labah-labah juga adalah haiwan yang mempunyai gender.

3.3.2 Penciptaan Tumbuhan

a. Surah Maryam: Ayat 25

وَهَزَىٰ إِلَيْكَ بِجِدْعِ النَّخْلَةِ تُسْقِطُ عَلَيْكَ رَطْبًا جَنِيًّا ﴿٢٥﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dan Indonesia sebagaimana berikut:

²³² *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 634.

²³³ *Syaamil Al-Qur'an*, 799.

²³⁴ *Al-Qur'an Cordoba*, 799.

²³⁵ *The Holy Qur'an al-Fatih*, 401.

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	"Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak." ²³⁶
Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	"Dan goyangkanlah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, niscaya pohon itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu." ²³⁷
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	"Goyangkanlah batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak." ²³⁸
Mushaf al-Masar	"Dan goyanglah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, niscaya (pohon) itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu." ²³⁹
Tafsir Qur'an Per Kata	"Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar/kurma yang masak." ²⁴⁰
Tafsir Qur'an Karim	"Goyanglah pohon korma itu, niscaya dijatuhkannya kepada engkau buah yang masak." ²⁴¹
Al-Qur'an dan Terjemahnya	"Dan goyanglah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, niscaya pohon itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu." ²⁴²
Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	"Dan goyanglah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, niscaya (pohon) itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu." ²⁴³
Al-Qur'an Cordoba	"Dan goyanglah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, niscaya (pohon) itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu." ²⁴⁴
The Holy Qur'an al-Fatih	"Dan goyanglah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, niscaya (pohon) itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu." ²⁴⁵

Perkataan yang menjadi topik perbincangan dalam ayat ini adalah "رطباً". Dapat diperhatikan kesemua terjemahan makna bagi kalimah رطباً yang diberikan ialah buah tamar dan buah kurma. Terdapat beberapa peringkat kematangan kurma menurut masyarakat Arab dan hal ini menimbulkan persoalan adakah terjemahan makna tersebut selari dengan peringkat kurma tersebut.

²³⁶ *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 752.

²³⁷ *Terjemahan al-Hidayah*, 306.

²³⁸ *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 314.

²³⁹ *Mushaf al-Masar*, 306.

²⁴⁰ *Tafsir Qur'an Per Kata*, 306 (b).

²⁴¹ *Tafsir Qur'an Karim*, 439.

²⁴² *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 465.

²⁴³ *Syaamil Al-Qur'an*, 609.

²⁴⁴ *Al-Qur'an Cordoba*, 609.

²⁴⁵ *The Holy Qur'an al-Fatih*, 306.

3.3.3 Penciptaan Manusia

a. Surah al-Mu'minūn: Ayat 14

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ
عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ

اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dan Indonesia sebagaimana berikut:

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	“Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku, lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.” ²⁴⁶
Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	“Kemudian, air mani itu Kami jadikan sesuatu yang melekat, lalu sesuatu yang melekat itu Kami jadikan segumpal daging dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang-belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian, Kami menjadikan makhluk yang (berbentuk) lain. Maha Suci Allah, Pencipta yang paling baik.” ²⁴⁷
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	“Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah (darah beku), lalu Kami jadikan darah beku itu seketul daging, kemudian Kami jadikan daging itu tulang-tulang, kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Kemudian Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.” ²⁴⁸
Mushaf al-Masar	“Kemudian, air mani itu Kami jadikan sesuatu yang melekat, lalu sesuatu yang melekat itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang-belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian, Kami menjadikannya makhluk yang (berbentuk) lain. Maha Suci Allah, Pencipta yang paling baik.” ²⁴⁹

²⁴⁶ Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 866.

²⁴⁷ Terjemahan al-Hidayah, 342.

²⁴⁸ Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan, 350.

²⁴⁹ Mushaf al-Masar, 342.

Tafsir Qur'an Per Kata	“Kemudian Kami ciptakan air benih/mani itu menjadi sebuku darah beku, lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.” ²⁵⁰
Tafsir Qur'an Karim	“Kemudian mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan sepotong daging, lalu sepotong daging itu Kami jadikan tulang, lalu tulang itu Kami bungkus dengan daging, kemudian dia Kami ciptakan makhluk yang lain (manusia yang sempurna). Maka Maha Suci Allah yang sebaik-baik menciptakan.” ²⁵¹
Al-Qur'an dan Terjemahnya	“Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha Suci Allah, Pencipta yang paling baik.” ²⁵²
Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	“Kemudian, air mani itu Kami jadikan sesuatu yang melekat, lalu sesuatu yang melekat itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu lalu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang-belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian, Kami menjadikannya makhluk yang (berbentuk) lain. Maha Suci Allah, Pencipta yang paling baik.” ²⁵³
Al-Qur'an Cordoba	“Kemudian, air mani itu Kami jadikan sesuatu yang melekat, lalu sesuatu yang melekat itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu lalu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang-belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian, Kami menjadikannya makhluk yang (berbentuk) lain. Maha Suci Allah, Pencipta yang paling baik.” ²⁵⁴
The Holy Qur'an al-Fatih	“Kemudian, air mani itu Kami jadikan sesuatu yang melekat, lalu sesuatu yang melekat itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu lalu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang-belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian, Kami menjadikannya makhluk (berbentuk) lain. Maha Suci Allah, Pencipta yang paling baik.” ²⁵⁵

Perkataan yang menjadi topik perbincangan dalam ayat ini adalah “علقة” dan “مضغة”. Dapat diperhatikan terdapat perbezaan terjemahan makna bagi kalimah علقه yang diberikan iaitu sesuatu yang melekat dan segumpal darah. Malah ada yang mengatakan darah tersebut darah beku. Sementara bagi kalimah علقه kesemua terjemahan makna yang diberikan ialah “segumpal daging”.

²⁵⁰ *Tafsir Qur'an Per Kata*, 342(b).

²⁵¹ *Tafsir Qur'an Karim*, 497.

²⁵² *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 527.

²⁵³ *Syaamil Al-Qur'an*, 681.

²⁵⁴ *Al-Qur'an Cordoba*, 681.

²⁵⁵ *The Holy Qur'an al-Fatih*, 342.

Persoalan yang timbul adakah terjemahan makna yang diberikan menepati fakta sains yang terdapat dalam ilmu embriologi yang telah berkembang seiring dengan kemajuan teknologi masa kini?

3.3.4 Penciptaan Bumi:

a. Surah al-Rūm: Ayat 3

فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ عَلَيْهِمْ سَيَغْلِبُونَ ﴿٣﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dan Indonesia sebagaimana berikut:

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	"Di negeri yang dekat sekali; dan mereka sesudah kekalahannya itu akan mengalahkan lawannya." ²⁵⁶
Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	"Di negeri yang terdekat dan mereka setelah kekalahannya itu akan menang." ²⁵⁷
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	"Di negeri yang dekat (ke negeri Arab iaitu Syam dan Palestin) dan mereka selepas kekalahan itu akan menang (ke atas orang Parsi)." ²⁵⁸
Mushaf al-Masar	"Di negeri yang terdekat dan mereka setelah kekalahannya itu akan menang." ²⁵⁹
Tafsir Qur'an Per Kata	"Di negeri Rom yang lebih dekat (dengan Persia) dan mereka selepas kekalahan itu akan menang." ²⁶⁰
Tafsir Qur'an Karim	"(Yang letaknya) dekat negeri (Arab), sedangkan mereka sesudah kalah itu akan menang." ²⁶¹
Al-Qur'an dan Terjemahnya	"Di negeri yang terdekat dan mereka sesudah dikalahkan itu akan menang." ²⁶²
Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	"Di negeri yang terdekat dan mereka setelah kekalahannya itu akan menang." ²⁶³

²⁵⁶ *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 1054

²⁵⁷ *Terjemahan al-Hidayah*, 404.

²⁵⁸ *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 413.

²⁵⁹ *Mushaf al-Masar*, 404.

²⁶⁰ *Tafsir Qur'an Per Kata*, 404 (b).

²⁶¹ *Tafsir Qur'an Karim*, 594.

²⁶² *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 641.

²⁶³ *Syaamil Al-Qur'an*, 805.

Al-Qur'an Cordoba	"Di bumi (negeri) yang terdekat dan mereka setelah kekalahannya itu akan menang." ²⁶⁴
The Holy Qur'an al-Fatih	"Di negeri yang terdekat dan mereka setelah kekalahannya itu akan menang." ²⁶⁵

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat ini adalah “أدنى الأرض”. Pengkaji mendapati terjemahan makna yang hampir sama diberikan kepada perkataan tersebut iaitu “negeri yang dekat/terdekat/lebih dekat”. Perkara ini menarik perhatian kerana kalimah أدنى mempunyai makna yang pelbagai. Persoalannya ialah adakah penggunaan makna “tempat terdekat” menepati dengan penceritaan ayat tersebut?

b. Surah al-Ra'd: Ayat 4

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُّتَجَوِّرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ
صِنَوَانٌ وَغَيْرُ صِنَوَانٍ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضْلُ بَعْضُهَا عَلَى
بَعْضٍ فِي الْأَكْلِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dan Indonesia sebagaimana berikut:

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	"Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya." ²⁶⁶

²⁶⁴ Al-Qur'an Cordoba, 805.

²⁶⁵ The Holy Qur'an al-Fatih, 404.

²⁶⁶ Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 577.

Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	“Dan di bumi terdapat beberapa daerah yang berdekatan, kebun-kebun anggur, tanam-tanaman, pohon kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang; disirami dengan air yang sama. Kami melebihkan tanam-tanaman itu atas sebahagian yang lain tentang rasanya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berfikir.” ²⁶⁷
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	“Di bumi ada beberapa daerah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya seperti subur, tandus, banyak air dan sebagainya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, pelbagai jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun yang disiram dengan air yang sama. Kami lebihkan sesetengah buah daripada setengahnya yang lain dari segi rasanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang (mahu) berfikir (serta memahaminya).” ²⁶⁸
Mushaf al-Masar	“Dan di bumi terdapat bahagian-bahagian yang berdampingan, kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman, pohon kurma yang bercabang, dan yang tidak bercabang; disirami dengan air yang sama, tetapi Kami lebihkan tanaman yang satu dari yang lainnya dalam hal rasanya. Sungguh, pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang mengerti.” ²⁶⁹
Tafsir Qur'an Per Kata	“Dan di bumi ada beberapa potong/bahagian tanah yang berdekatan; dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain pada rasanya. Bahawa yang demikian itu ada tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang berfikir serta memahaminya.” ²⁷⁰
Tafsir Qur'an Karim	“Di bumi ada beberapa potong (bidang) yang berdekatan dan beberapa kebun dari anggur dan tanam-tanaman dan pohon korma, yang bercabang dan yang tiada bercabang, (semuanya) disirami dengan air yang satu. (Dalam pada itu) Kami lebihkan setengahnya dari yang lain, tentang rasa buahnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu menjadi keterangan (atas ada Allah) bagi kaum yang memikirkan.” ²⁷¹
Al-Qur'an dan Terjemahnya	“Dan di bumi ini terdapat bagian-bagian yang berdampingan, dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pohon korma yang bercabang dan yang tidak bercabang, disirami dengan air yang sama. Kami melebihkan sebahagian tanam-tanaman itu atas sebahagian yang lain tentang rasanya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir.” ²⁷²
Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	“Dan di bumi terdapat bagian-bagian yang berdampingan, kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman, pohon kurma yang bercabang, dan yang tidak bercabang; disirami dengan air yang sama, tetapi Kami lebihkan tanaman yang satu dari yang lainnya dalam hal rasanya. Sungguh, pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang mengerti.” ²⁷³

²⁶⁷ *Terjemahan al-Hidayah*, 249.

²⁶⁸ *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 252.

²⁶⁹ *Mushaf al-Masar*, 249.

²⁷⁰ *Tafsir Qur'an Per Kata*, 249 (b).

²⁷¹ *Tafsir Qur'an Karim*, 350.

²⁷² *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 368.

²⁷³ *Syaamil Al-Qur'an*, 495.

Al-Qur'an Cordoba	"Dan di bumi terdapat bagian-bagian yang berdampingan, kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman, pohon kurma yang bercabang, dan yang tidak bercabang; disirami dengan air yang sama, tetapi Kami lebihkan tanaman yang satu dari yang lainnya dalam hal rasanya. Sungguh, pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang mengerti." ²⁷⁴
The Holy Qur'an al-Fatih	"Dan di bumi terdapat bagian-bagian yang berdampingan, kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman, pohon kurma yang bercabang, dan yang tidak bercabang; disirami dengan air yang sama, tetapi Kami lebihkan tanaman yang satu dari yang lainnya dalam hal rasanya. Sungguh, pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang mengerti." ²⁷⁵

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat ini adalah “قطع متجاورات”. Terjemahan makna yang diberikan oleh kesemua terjemahan di atas ialah “bahagian-bahagian yang berdampingan/berdekatan” kecuali dua buah terjemahan yang memberikan sedikit penerangan tambahan iaitu “yang berbeza keadaannya”. Persoalan yang timbul ialah adakah penerangan tambahan tersebut selari dengan fakta semasa dan jika selari adakah ia memberi impak yang besar terhadap pemahaman ayat atau memadai dengan terjemahan makna “yang berdampingan/berdekatan”.

3.3.5 Penciptaan Langit:

a. Surah al-Wāqi‘ah: Ayat 69

عَأَنْتُمْ أَنْزَلْتُمُوهُ مِنَ الْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنزِلُونَ ﴿٦٩﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dan Indonesia sebagaimana berikut:

²⁷⁴ Al-Qur'an Cordoba, 495.

²⁷⁵ The Holy Qur'an al-Fatih, 495.

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	"Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya?" ²⁷⁶
Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	"Kamukah yang menurunkannya dari awan atautah Kami yang menurunkan?" ²⁷⁷
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	"Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya?" ²⁷⁸
Mushaf al-Masar	"Kamukah yang menurunkannya dari awan atautah Kami yang menurunkan?" ²⁷⁹
Tafsir Qur'an Per Kata	"Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya?" ²⁸⁰
Tafsir Qur'an Karim	"Kamukah yang menurunkannya dari awan atau Kami menurunkannya?" ²⁸¹
Al-Qur'an dan Terjemahnya	"Kamukah yang menurunkannya dari awan atautah Kami yang menurunkan?" ²⁸²
Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	"Apakah kalian menurunkannya (air) dari awan atautah Kami yang menurunkan?" ²⁸³
Al-Qur'an Cordoba	"Kamukah yang menurunkannya dari awan/mendung atautah Kami yang menurunkan?" ²⁸⁴
The Holy Qur'an al-Fatih	"Kamukah yang menurunkannya dari awan atautah Kami yang menurunkan?" ²⁸⁵

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat ini adalah "المزن". Didapati kesemua terjemahan di atas memberikan terjemahan yang sama kepada makna perkataan tersebut iaitu "awan" kecuali Al-Qur'an Cordoba yang memberikan makna alternatif iaitu "mendung". Hal ini telah menimbulkan persoalan sama seperti perbincangan kurma sebelumnya kerana terdapat beberapa jenis awan dalam bahasa Arab berdasarkan keadaannya dan adakah awan yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah awan biasa, awan mendung atau awan lain yang berbeza keadaannya.

²⁷⁶ *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 1459.

²⁷⁷ *Terjemahan al-Hidayah*, 536.

²⁷⁸ *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 550.

²⁷⁹ *Mushaf al-Masar*, 536.

²⁸⁰ *Tafsir Qur'an Per Kata*, 536 (b).

²⁸¹ *Tafsir Qur'an Karim*, 802.

²⁸² *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 896.

²⁸³ *Syaamil Al-Qur'an*, 1069.

²⁸⁴ *Al-Qur'an Cordoba*, 1069.

²⁸⁵ *The Holy Qur'an al-Fatih*, 536.

b. Surah Yāsīn: Ayat 40

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ
وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Terjemahan makna ayat di atas dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dan Indonesia sebagaimana berikut:

Terjemahan al-Qur'an	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	“(dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.” ²⁸⁶
Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim	“Tidaklah mungkin bagi matahari mengejar bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang. Masing-masing beredar pada garis edarannya.” ²⁸⁷
Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan	“(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mungkin mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang. Tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di orbitnya masing-masing.” ²⁸⁸
Mushaf al-Masar	“Tidaklah mungkin bagi matahari mengejar bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang. Masing-masing beredar pada garis edarnya.” ²⁸⁹
Tafsir Qur'an Per Kata	“Matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana masing-masing berenang (beredar) di tempat edarannya.” ²⁹⁰
Tafsir Qur'an Karim	“Matahari tiada sepatutnya mengejar bulan, dan malam tiada (sepatutnya) mendahului siang. Masing-masingnya beredar pada falaknya (tempat peredarannya).” ²⁹¹
Al-Qur'an dan Terjemahnya	“Tidaklah mungkin bagi matahari mendapatkan bulan dan malampun tidak dapat mendahului siang. Dan masing-masing beredar pada garis edarnya.” ²⁹²
Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference	“Tidaklah mungkin bagi matahari mengejar bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang. Masing-masing beredar pada garis edarnya.” ²⁹³
Al-Qur'an Cordoba	“Tidaklah mungkin bagi matahari mengejar bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang. Masing-masing beredar pada garis edarnya.” ²⁹⁴
The Holy Qur'an al-Fatih	“Tidaklah mungkin bagi matahari mendapatkan bulan dan malampun tidak dapat mendahului siang. Dan masing-masing beredar pada garis edarnya.” ²⁹⁵

²⁸⁶ *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 1166.

²⁸⁷ *Terjemahan al-Hidayah*, 442.

²⁸⁸ *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 452.

²⁸⁹ *Mushaf al-Masar*, 442.

²⁹⁰ *Tafsir Qur'an Per Kata*, 442 (b).

²⁹¹ *Tafsir Qur'an Karim*, 650.

²⁹² *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 710.

²⁹³ *Syaamil Al-Qur'an*, 881.

²⁹⁴ *Al-Qur'an Cordoba*, 881.

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat ini adalah “يسبحون”. Apa yang dapat diperhatikan kebanyakan terjemahan di atas memberikan terjemahan yang sama kepada makna perkataan tersebut iaitu “beredar” kecuali Tafsir Qur’an Per Kata yang menggunakan perkataan “berenang”. Hal ini telah menimbulkan persoalan mengapa al-Qur’an menggunakan istilah “berenang” walhal istilah yang lazim diguna pakai dalam bahasa Melayu untuk pergerakan objek di angkasa raya antaranya ialah peredaran dan putaran.

3.4 Kesimpulan

Perkembangan aktiviti penterjemahan di Indonesia ternyata lebih terkedepan berbanding di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui terjemahan al-Qur’an yang dihasilkan oleh kedua-dua negara. Indonesia telah meletakkan nilai tambah kepada terjemahan al-Qur’an apabila komponen-komponen penting seperti *asbāb al-nuzul*, hadith-hadith, *mu’jam* dan sebagainya berbanding terjemahan Bahasa Melayu yang hanya sebahagian kecil sahaja mengaplikasikannya. Malah terjemahan Bahasa Indonesia telah dialih bahasa ke dalam Bahasa Melayu.

Kebanyakan terjemahan al-Qur’an terkini Bahasa Indonesia mengguna pakai terjemahan lengkap ayat yang sama iaitu terjemahan daripada versi Kementerian Agama Republik Indonesia edisi semakan tahun 2004. Apa yang berbeza hanyalah pada terjemahan per kata, itu pun hanya sedikit jumlahnya. Manakala terjemahan Bahasa Melayu banyak merujuk kepada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Namun terdapat juga terjemahan yang menambah baik terjemahan Bahasa Indonesia seperti Terjemahan al-Hidayah yang hampir terjemahannya dengan Al-Quran dan Terjemahnya.

²⁹⁵ The Holy Qur’an al-Fatih, 442.

Beberapa *āyat kawniyyat* yang tidak selari dengan fakta semasa telah dikenal pasti berdasarkan skop kajian dan perbandingan terjemahan makna ayat tersebut dilakukan terhadap kesemua terjemahan al-Qur'an. Hasil perbandingan tersebut menunjukkan terdapat perbezaan dan tidak kurang juga persamaan antara kesemua terjemahan makna ayat tersebut. Hal ini membuktikan kemampuan penterjemah adalah berbeza mengikut tahap ilmu masing-masing. Antara perihal yang disentuh dalam perbincangan *āyat-āyat kawniyyat* tersebut ialah:

1. Penciptaan haiwan:

Penentuan jantina bagi kalimah نملة (namlah) dan العنكبوت (al-'ankabūt).

2. Penciptaan tumbuhan:

Pematangan buah kurma bagi peringkat رطب (ruṭab).

3. Penciptaan manusia:

Terjemahan makna perkataan علقة ('alaqah) dan مضغة (mudghah) mengikut perkembangan ilmu dan teknologi moden.

4. Penciptaan bumi:

Pemilihan makna bagi perkataan أدنى (adnā) berdasarkan konteks ayat dan impak penerangan ringkas kepada perkataan yang rumit iaitu قطع متجاورات (qiṭa' mutajāwirāt)

5. Penciptaan langit:

Penentuan jenis awan bagi perkataan المزن (al-muzn) dan rasional di sebalik penggunaan perkataan يسبحون (yasbaḥūn) oleh al-Qur'an.

BAB EMPAT:
**ANALISIS TERJEMAHAN MAKNA *ĀYAT KAWNIYYAT* DALAM
TERJEMAHAN AL-QUR'AN BAHASA MELAYU BERDASARKAN
*TAFSĪR 'ILMĪ***

4.1 Pendahuluan

Perbahasan sebelum ini telah menyatakan terdapat beberapa permasalahan yang menjadi fokus perbincangan kajian berkaitan *āyat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu yang tidak serasi dengan fakta semasa.

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dengan lebih lanjut permasalahan tersebut. Analisis berdasarkan *tafsīr 'ilmī* terhadap terjemahan makna *āyat kawniyyat* yang telah dipilih akan dilakukan untuk menyerasikan antara keduanya dan memberikan cadangan terjemahan makna alternatif kepada ayat tersebut.

4.2 Analisis Terjemahan Makna *Āyat Kawniyyat* Bahasa Melayu Berdasarkan *Tafsīr 'Ilmī*:

4.2.1 Penciptaan Haiwan

a. نملة (Namlah)

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat 18 Surah al-Naml adalah “نملة” dan terjemahan yang berbeza diberikan kepada makna perkataan tersebut iaitu “seekor semut” dan “raja/ratu semut”.²⁹⁶ Persoalan yang timbul ialah adakah semut yang

²⁹⁶ Sila lihat perbincangan dalam Bab 3, halaman 105-106.

berkata-kata tersebut jantan ataupun betina dan adakah ia merujuk kepada ratu dan bukan kasta semut yang lain?.

Bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut, *tafsīr ‘ilmī* kepada ayat dirujuk. Dalam kalangan *mufassir* ada yang mengatakan semut tersebut menyerupai lalat.²⁹⁷ Malah ada yang berpendapat ia mempunyai dua sayap dan termasuk dalam kategori burung, justeru Nabi Sulayman AS dapat memahami percakapannya.²⁹⁸ Al-Ḍaḥḥāk menyatakan namanya ialah “Ṭāḥiyah”, sementara menurut Muqātil namanya “Jaramī”.²⁹⁹ Ada juga yang menyatakan semut tersebut merupakan ratu semut yang telah melihat tentera Nabi Sulayman AS.³⁰⁰

Dalam Tafsir al-Rāzī ada menyebut semut tersebut dikatakan tempang dan berjalan terhincut-hincut kemudian ia menyeru sebagaimana terdapat dalam ayat. Diceritakan daripada Qatādah bin Di‘āmah bahawa dia menuju Kufah, lalu dia menemui sekelompok orang dan berkata: “Tanyalah tentang sesuatu.” Pada saat itu, Abū Ḥanīfah ada dan masih muda. Dia telah diminta bertanya tentang semut Nabi Sulaymān apakah semut itu jantan atau betina. Qatādah tidak mampu menjawabnya, lalu Abū Ḥanīfah berkata: “Semut itu betina.” Ada yang bertanya lagi: “Apakah alasan kamu?” Dia menjawab: “Kerana al-Qur’an menyebut “قالت نملة”. Seandainya jantan, nescaya redaksi tersebut “قال نملة”. Ini kerana perkataan النملة adalah seperti perkataan الحمامة dan الشاة yang boleh memberi erti *mudhakkar* (jantan; maskulin) dan *mu’annath* (betina; feminin). Justeru, tanda perbezaan diberikan kepadanya sebagaimana disebutkan; *ḥamāmat*

²⁹⁷ Al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān*, 18:28.

²⁹⁸ Al-Māwardī, ‘Alī bin Muḥammad, *al-Nukat wa al-‘Uyūn Tafsīr al-Māwardī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 4: 199.

²⁹⁹ Al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘*, 16:120.

³⁰⁰ *Al-Qur’ān al-Karīm wa Bihāmishih Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn* (Dimashq: Dār Ibn Kathīr, t.t.), 378.

dhakar (semut jantan) dan *ḥamāmat unthā* (semut betina) atau *huwa* (kata ganti diri bagi maskulin/jantan) dan *hiya* (kata ganti diri bagi feminin/betina).³⁰¹

Dari segi bahasa, نملة dikenali sebagai *mufrad* kepada kalimah نمل.³⁰² Atas dasar inilah Abū Ḥayyān berpendapat kehadiran ت pada penghujung kata kerja “قالت” tidak menunjukkan *mu’annath* (betina; feminin) dari segi biologi, malah harus juga dikatakan untuk semut jantan “قالت نملة”. Hal ini kerana kalimah نملة tidak membezakan antara jantan dan betina. Huruf ة pada kalimah نملة adalah untuk menunjukkan bilangan seekor daripada jenis semut, bukannya *al-ta’nīth al-ḥaqīqī* (feminin hakiki).³⁰³

Selanjutnya pengkaji cuba mendapatkan gambaran yang lebih luas dengan merujuk kepada kajian sains tentang semut. Antara maklumat yang ditemui ialah semut merupakan serangga sosial yang hidup dalam koloni.³⁰⁴ Koloni tersebut kebiasaannya dibahagikan kepada kasta atau kategori berikut³⁰⁵:

Ratu semut:

Semut betina yang subur (tidak mandul) yang berfungsi mengeluarkan telur.

Ratu semut diberi makan dan dijaga oleh semut pekerja.

Semut Jantan:

Semut jantan yang subur (tidak mandul). Satu-satunya fungsi semut ini adalah untuk mengawani ratu semut.

³⁰¹ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn, *Mafātīh al-Ghayb* (Beirut: Dār al-Fikr, 1981), 24:187.

³⁰² Ibn Manzūr, *Lisān*, 6:4549.

³⁰³ Al-Andalūsī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, 7: 59.

³⁰⁴ Andersen, Alan N., *The Ants of Southern Australia: A Guide to The Bassian Fauna* (East Melbourne: CSIRO Publications, 1991), 7.

³⁰⁵ Oster, George F., *Caste and Ecology in the Social Insects* (New Jersey: Princeton University Press, 1978), 136.

Semut Pekerja:

Merupakan semut-semut betina yang mandul. Para pekerja menjalankan tugas-tugas seperti membesarkan dan melindungi sarang, mencari makanan dan menjaga permaisuri dan telur. Mungkin terdapat hanya satu jenis pekerja, atau mungkin terdapat beberapa jenis, dengan struktur badan yang khusus untuk pelbagai jenis kerja.

Sebahagian semut pekerja adalah askar. Semut askar kebiasaannya dianggap sebagai pekerja utama.³⁰⁶ Dalam kebanyakan spesis, semut askar adalah lebih besar daripada semut pekerja lain. Askar-askar mempertahankan koloni dan melawan musuh semut atau serangga. Mereka juga boleh menggunakan kepala besar mereka untuk menyekat pintu masuk ke sarang.

Kajian-kajian yang dilakukan oleh pakar entomologi turut membuktikan semut tidak hanya dapat menukar isyarat kimia ke paras tinggi, bahkan berkomunikasi amaran menggunakan bunyi.³⁰⁷ Terdapat empat jenis bunyi yang dikenal pasti selepas pemantauan secara berterusan selama bertahun-tahun iaitu bunyi yang menunjukkan bahaya, situasi normal, menyerang dan meminta tolong. Semut menggunakan isyarat-isyarat bunyi ini paling ketara dalam situasi yang dirasakan bahaya. Justeru kita mendapati salah seekor semut yang ditugaskan memberi amaran, akan membuat satu seruan yang diterima dan difahami oleh rakan-rakannya seraya bertindak balas kepadanya dengan serta-merta.³⁰⁸

³⁰⁶ *Ibid.*

³⁰⁷ Lewis, Trevor, *Insect Communication* (London: Academic Press, 1984), 154.

³⁰⁸ R. Hickling and R. L. Brown, "Analysis of Acoustic Communication by Ants" *Journal of the Acoustical Society of America*, v. 108, No. 4, (2000), 1920-1929.

Berdasarkan maklumat tersebut, jika dikatakan semut yang berkata-kata tersebut semut betina tersebut, adakah ia merujuk kepada ratu semut atau semut pekerja yang menjaga koloni? Menurut Ridā Fuḍayl Bakr apa yang dimaksudkan dengan kata نَمْلَةٌ pada ayat tersebut adalah lebih cenderung kepada ratu semut. Pendapat tersebut didasarkan pada alasan berikut³⁰⁹:

1. Tanda feminin lebih dominan ditujukan kepada ratu semut berbanding semut pekerja, kerana ratu semut adalah semut yang subur, sementara semut pekerja adalah semut mandul.
2. Ratu semut adalah induk semua semut, jadi tidak hairan bila status keibuan ratu semut disegani oleh anaknya berbanding semut yang lain. Itu sangat jelas dari redaksi ayat. Semut ratu adalah semut yang memerintah dan melarang (penentu kebijakan) dalam status kerajaan semut. Kekuasaan ini tidak dimiliki oleh semut lain. Dengan kata lain, semut ratu memiliki kemuliaan, kuasa pemerintahan dan disegani.
3. Konteks perbincangan surah *al-Naml* adalah berkaitan kerajaan, disebutkan dalam surah ini tentang kerajaan yang diwakili Nabi Sulaymān a.s. dan juga tentang kerajaan Ratu Saba' yang diwakili oleh Ratu Saba'. Justeru, dinisbahkan juga kepada kerajaan semut yang diwakili oleh ratu semut.

'Abd al-Dā'im Kaḥīl pula berpandangan sebaliknya dengan mengatakan semut tersebut merupakan salah seekor semut askar yang berperanan memegang pertahanan

³⁰⁹ Hisyam Thalbah et al., *Ensiklopedia Mukjizat AlQuran Dan Hadis*. Terjemahan oleh Syarif Hade Masyah et al., (cet. ke-3; Bandung: PT Sapta Sentosa, 2009), 3:21-23.

koloni dan menjaganya daripada sebarang bahaya.³¹⁰ Secara logik semut pekerja inilah yang mula-mula dapat mengesan sebarang bahaya yang menghampiri koloni tersebut seperti kedatangan Nabi Sulayman dan angkatan tentera baginda kerana semut tersebut berlegar di luar sarang.

Oleh yang demikian semut tersebut (berdasarkan pemerhatian yang dilakukan) adalah semut betina tidak kira sama ada berkedudukan sebagai ratu atau semut pekerja. Pengkaji menghormati pendapat Abū Ḥayyān dalam hal ini yang mengatakan tiada penentuan jantina bagi kalimah *namlah*. Namun penulis berpendapat sesuatu yang umum dapat dikhususkan apabila terdapat *qarīnah* (perkaitan). Penemuan sains seperti yang dinyatakan sebelum ini menjadi *qarīnah* kepada penentuan jantina feminin kepada kalimah *namlah*. Pengkaji sekadar memberikan penambahan nilai kepada terjemahan makna sedia ada iaitu “seekor semut” dengan penentuan jantina feminin dan bukan meletakkan terjemahan makna “seekor semut betina” sebagai makna utama.

Penggunaan lafaz *نملة* dalam bentuk *nakirah* (tidak diketahui) juga menunjukkan satu keajaiban kerana al-Qur’an tidak menentukan kasta semut betina tersebut sama ada ratu semut atau semut pekerja. Justeru kedua-duanya sesuai dirujuk dalam lafaz dalam bentuk *nakirah* tersebut.

Berdasarkan penerangan di atas, dapat disimpulkan *نملة* dalam ayat tersebut adalah seekor semut secara umum (berdasarkan pemerhatian adalah betina). Justeru pengkaji memberikan cadangan terjemahan makna kepada kalimah tersebut dengan “seekor semut (betina)” dan diberikan sedikit penghuraian bahawa semut betina tersebut merujuk kepada ratu semut atau semut pekerja yang menjaga pertahanan koloni.

³¹⁰ Kaḥīl, ‘Abd al-Dā’im, “Taḥaṭṭum al-Naml”, laman sesawang *Asrār al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunah*, dicapai pada 31 Oktober 2012, <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/2010-02-02-22-19-30/426-2012-04-21-16-30-40>

b. العنكبوت (al-‘Ankabūt)

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat 41 surah al-‘Ankabūt ialah “العنكبوت” dan kesemua terjemahan di atas memberikan terjemahan yang sama kepada makna perkataan tersebut iaitu “labah-labah”.³¹¹ Hal ini telah menimbulkan persoalan sama ada labah-labah tersebut merujuk kepada labah-labah secara umum ataupun merujuk kepada jantina tertentu, ini kerana labah-labah merupakan haiwan yang mempunyai gender.

Dalam *Lisān al-‘Arab* di bawah entri عنكب dijelaskan bahawa “العنكبوت” adalah haiwan melata kecil yang bergantung di udara, di pinggir sungai, melalui jaring-jaring yang kecil dan tipis. Kata “العنكبوت” ini berbentuk *muannath* (jenis feminin) dan kebiasaannya merupakan satu kata nama bagi *muannath* tunggal. Sementara kata jamak bagi “العنكبوت” ialah “العناكب”.³¹² Penamaan surah dengan bentuk *mufrad* (tunggal) العنكبوت menunjukkan kepada kehidupan haiwan ini yang bersifat bersendirian, kecuali ketika saat mengawan dan waktu mengeram telur. Perkara ini berbeza dengan surah al-Naml dan al-Nahl yang dinamakan dengan lafaz jamak, menunjukkan kedua haiwan tersebut (semut dan lebah) hidup secara kolektif.³¹³

Labah-labah diklasifikasikan sebagai *Arachnida* dan termasuk di bawah kumpulan *Chelicerata* dan order *Araneae* yang mencakupi pelbagai bentuk, warna dan tingkah laku. Semua labah-labah mempunyai lapan kaki dan dua bahagian badan terdiri daripada *cephalothorax* (depan) dan abdomen.³¹⁴

³¹¹ Sila lihat perbincangan dalam Bab 3, halaman 106-108.

³¹² Ibn Manzūr, *Lisān*, 1:632.

³¹³ Al-Najjār, *Tafsīr al-Āyāt*, 2:416.

³¹⁴ “North American Spiders”, laman sesawang Insect Identification, dicapai pada 1 Oktober 2013, <http://www.insectidentification.org/spiders.asp>

Frasa kata berikutnya “اتخذت بيتا” menggunakan bentuk feminin yang jelas menunjukkan labah-labah yang membuat sarang adalah labah-labah betina. Namun persoalan yang timbul ialah adakah al-Qur’an mengkhabarkan labah-labah betina sahaja yang membuat sarang manakala labah-labah jantan pula tidak membuat sarang sedangkan dalam kesusasteraan *arachnid* diterima secara umum bahawa labah-labah betina dewasa membuat sarang kebiasaan spesies manakala jantan dewasa tidak membina sarang selain daripada yang diperlukan untuk percubaan memikat dan pencetusan sperma. Hal ini jelas menunjukkan semua labah-labah menghasilkan sutera dan pemilikan kelenjar sutera dalam abdomen merupakan ciri tipikal *arachnid* dalam order *Araneare*.³¹⁵

Secara kasarnya al-Qur’an dilihat bercanggah dengan fakta sains. Pada hakikatnya al-Qur’an menyebutkan perkara tersebut berasaskan kebiasaan yang berlaku dalam senario pembuatan sarang labah-labah di mana labah-labah yang cenderung untuk membuat sarang adalah labah-labah betina. Hal ini kerana labah-labah jantan yang dewasa berkemampuan menangkap mangsa tanpa sarang. Ada juga yang menumpang pada sarang labah-labah betina dan memakan mangsa yang terlekat pada sarang. Akan tetapi situasi ini jarang berlaku kerana labah-labah jantan tidak mengambil makanan ketika dewasa.³¹⁶

Pengkaji mendapati bahan rujukan berbahasa Inggeris turut menggunakan kata ganti nama *she* yang merujuk kepada feminin dalam menceritakan perihal labah-labah yang membuat sarang³¹⁷ kerana labah-labah yang berada di sarang atau sekitarnya kebiasaannya betina yang montel. Hakikatnya ialah labah-labah jantan matang lebih

³¹⁵ Kumar, Nitin, and Gareth H. McKinley, “Silk and The Earlier Spiders”. *McGraw-Hill Encyclopedia of Science and Technology*, v. 17 (10th ed.; New York, McGraw-Hill Co., 2007) 342.

³¹⁶ Andrea J. Hirscheimer & Robert B. Suter, “Functional Webs Built by Adult Male Bowl and Doily Spiders” *Journal of Arachnology*, v. 13, No. 3 (1985) 396-398.

³¹⁷ Attenborough, David, *Life In The Undergrowth* (London: BBC Books, 2005), 138.

awal berbanding betina dan meninggalkan sarang untuk mencari keseronokan duniawi yang lain. Memandangkan kebanyakan pemerhatian dan gambaran terhadap sarang labah-labah melibatkan betina yang dewasa, telah menjadi seakan-akan satu kelaziman untuk merujuk labah-labah tersebut sebagai *she* (feminin tunggal). Namun harus diingat bahawa labah-labah jantan juga berkelakuan dengan cara sama sehingga mereka dewasa.³¹⁸ Apa yang lebih mengejutkan al-Qur'an terlebih dahulu menyatakan perkara tersebut lebih 1400 tahun yang lalu.

Dapat disimpulkan bahawa perkataan العنكبوت dalam ayat tersebut adalah labah-labah betina dan tidak memadai jika diterjemahkan maknanya sekadar "labah-labah". Justeru pengkaji memberikan cadangan terjemahan makna "labah-labah (betina)" dan diberikan sedikit penghuraian bahawa labah-labah betina secara lazimnya membuat sarang berbanding labah-labah jantan.

4.2.2 Penciptaan Tumbuhan

a. رطب (Ruṭab)

Perkataan yang menjadi topik perbincangan dalam ayat 25 Surah Maryam ialah رطب dan kesemua terjemahan makna kalimah رطب yang diberikan ialah buah tamar atau kurma.³¹⁹ Ayat ini menceritakan kisah Maryam yang sarat mengandung dan diberikan kurniaan oleh Allah SWT untuk menghilangkan kegusaran beliau. Salah satu daripada kurniaan ialah رطب seperti dinyatakan dalam ayat. Justeru *tafsīr 'ilmī* kepada ayat kemudiannya dirujuk bagi mendapatkan terjemahan makna yang lebih tepat bagi kalimah tersebut.

³¹⁸ Chinery, Michael, *Spiders* (London: Whittet Book Ltd, 1993), 62.

³¹⁹ Lihat perbincangan pada halaman 108-109.

Terdapat riwayat yang berkaitan dengan ayat tersebut dalam kitab Tafsir Ibn Kathīr, antaranya:

Daripada ‘Urwah bin Ruwaym daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib RA berkata: Bersabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Muliakanlah kamu bapa saudara kamu iaitu pohon kurma, sesungguhnya ia diciptakan daripada tanah yang telah dijadikan Nabi Adam a.s, dan tiada dari pohon sesuatu pun dikahwinkan selainnya.*” Rasulullah SAW bersabda lagi: “*Berilah makan kepada isteri-isteri kamu yang hamil ruṭab, sekiranya tiada ruṭab maka dengan tamar, dan tiada daripada pokok satu pokok pun yang lebih dimuliakan Allah berbanding satu pokok yang berada di bawahnya Maryam, puteri Imran.*”

Namun kedudukan hadith ini adalah *munkār* (tidak diketahui) menurut Ibn ‘Adī kerana ‘Urwah bin Ruwaym dengan ‘Alī bin Abī Ṭālib RA tidak bersambung³²⁰ manakala al-Albānī menghukumkannya sebagai *mawdū‘* (palsu).³²¹

‘Abbās Ibn al-Faḍl berkata: “Aku bertanya Abū ‘Amr bin al-‘Alā’ tentang firmanNya (رُطْبًا حَنِئًا), kemudian dia berkata: “Tidak kering airnya”. Menurut beliau tafsirannya ialah: Tidak kering, masih berair dan tidak jauh dari tangan pemetiknya; dan ini adalah yang benar.” Ibnu ‘Abbas pula berkata: “Ia adalah satu batang pokok yang buruk, apabila Maryam menggoncangnya dia melihat kepada batang yang paling tinggi di saat pelepah telah tumbuh. Kemudian dia melihat kepada mayang telah keluar dari celah pelepah yang kemudiannya kemudian menghiijau menjadi (بَلَح), kemudian bertukar merah menjadi (زَهْو) dan kemudian menjadi *ruṭab*; semuanya dalam sekelip mata, kemudian Dia menjadikan *ruṭab* berada di tangannya tidak pecah daripadanya sesuatu pun.”³²²

³²⁰ Al-Dimashqī, Ismā‘īl Bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* (Kaherah: Muassasah Qurtubah, 2000), 9:236.

³²¹ Al-Albānī, Muḥammad Nāsir al-Dīn, *Silsilah al-Aḥādith al-Da‘īfah wa al-Mawdū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi’ ft al-Ummah* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, 1992) 1:427.

³²² Al-Qurtubī, *al-Jāmi‘*, 13:435-436.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji kebanyakan pentafsiran para *mufasssir* terhadap ayat ini lebih tertumpu kepada kalimah جنيا . Hal ini kerana kalimah رطبا amat masyhur dalam kalangan orang Arab.

Dari sudut bahasa kalimah *ruṭab* merupakan jamak kepada *ruṭabah*³²³ dan berada di bawah entri *raṭaba* (basah) yang merupakan lawan kepada *yabisa* (kering)³²⁴ seperti yang dinyatakan Allah SWT:

* وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ
 وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلْمَتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ
 وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٥٩﴾

Terjemahan makna:

“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja; dan ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.” [Surah al-An‘ām (6): Ayat 59]

Dikhususkan kalimah *ruṭab* dengan kebasahan tamar,³²⁵ dalam erti kata lain *ruṭab* merupakan tamar yang tidak sempurna keringnya.³²⁶ *Ruṭab* ada dua jenis³²⁷; 1. Tidak menjadi *tamr* dan apabila lambat memakannya akan cepat rosak, 2. Menjadi *tamr* dan bertukar menjadi ‘*Ajwah* dan buah kering. Penjelasan tersebut menunjukkan *ruṭab* ialah salah satu daripada peringkat pematangan buah kurma.

³²³ ‘Umar, *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah*, 1: 905.

³²⁴ Al-Rāghib al-Aṣfahānī, *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur‘ān* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.) 197.

³²⁵ *Ibid.*

³²⁶ Ibn ‘Ashūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 16:88.

³²⁷ Aḥmad Muḥammad, *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Syarḥ al-Kabīr li al-Rāfi‘ī*. (Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, t.t.), 1:230.

Namun perkataan *ruṭab* tidak terdapat dalam Bahasa Melayu. Masyarakat secara umumnya mengenali perkataan buah kurma atau tamar sahaja di mana perkataan kurma merujuk kepada sejenis tumbuhan (palma) yang buahnya manis dan boleh dimakan. Perkataan tamar pula merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab *tamr* yang bermaksud buah kurma.³²⁸

Justeru fokus kajian adalah kepada kalimah *tamr* dan *ruṭab* kerana perkataan *ruṭab* disebut secara khusus oleh Allah SWT dalam ayat tersebut. Perbezaan antara dua perkataan tersebut dilihat amat ketara jika diperhatikan peringkat pematangan kurma.

Peringkat Pematangan Kurma

Kurma seperti yang diketahui mempunyai peringkat-peringkatnya sebelum masak ranum. Proses pematangan kurma secara umumnya terdiri daripada lima peringkat yang dikenali dengan istilah-istilah khusus dalam bahasa Arab. Penjelasan setiap peringkat tersebut adalah sebagaimana berikut³²⁹:

i. Peringkat *Ḥabābūk/Ḥabimbū*:

Peringkat ini bermula secara langsung seurus pengawinan benih dan memakan masa antara empat hingga ke lima minggu. Buah pada peringkat ini bersaiz kecil, berbentuk bulat dan berwarna putih kuning bersama jalur-jalur hijau.

³²⁸ Noresah, *Kamus Dewan*, 1584.

³²⁹ Al-Hādī, ‘Abd al-Mun‘im Fahīm & Barakah, Dīnā Muḥsin, *‘Ālam al-Nabāt fī al-Qur’ān al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1998), 186.

ii. Peringkat *Kimrī*:

Pada peringkat ini buah tersebut bertukar menjadi seperti bentuk telur, berwarna hijau dan rasanya adalah pahit.

iii. Peringkat *Busr/Khalāl*:

Buah pada peringkat ini telah mencapai saiz dan bentuknya yang akhir, warnanya kuning dan telah bercampur dengan warna merah sementara rasanya pula kelat. Peringkat ini berterusan dari minggu ketiga hingga minggu kelima.


iv. Peringkat *Ruṭab*:

Peringkat ini bermula selepas dua hingga empat minggu dari penghujung peringkat *khalāl*. Istilah *ruṭab* digunakan apabila bahagian separuh buah tersebut menjadi berserat, sementara separuh yang lain kekal seperti mana keadaannya pada peringkat *khalāl*. Keadaan buah juga berubah kepada lebih lembap kerana kandungan air paling tinggi berbanding kurma pada peringkat yang lain. Teksturnya yang lembut dan boleh terus dimakan sebagaimana telah diilhamkan kepada Maryam.

v. Peringkat *Tamr*:

Merupakan peringkat terakhir pematangan buah kurma setelah matangnya separuh yang kedua daripada *ruṭab* sebelumnya. Keadaannya lebih kering dan lebih keras berbanding *ruṭab*. Kandungan air di dalamnya juga telah berkurang.

المراحل المختلفة لنمو و تطور ثمرة النخيل (بشكل مبسط)



Rajah 3: Peringkat kematangan buah kurma secara kasar.

Sumber: <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>

Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara *ruṭab* dan *tamr* terutama dari sudut kandungan air. Justeru bagi pengkaji istilah dalam bahasa Melayu yang sesuai bagi *ruṭab* ialah kurma basah manakala *tamr* pula ialah kurma kering. Hal ini diperkuatkan lagi dengan anjuran Nabi SAW supaya berbuka puasa dengan *ruṭab* terlebih dahulu berbanding *tamr* sebagaimana dalam satu riwayat hadith:

عن أنس بن مالك قال كان النبي صلى الله عليه وسلم يفطر قبل أن يصلي على رطبات فإن لم تكن رطبات فتميرات فإن لم تكن تميرات حسا حسوات من ماء

Daripada Anas Bin Mālik: “*Sesungguhnya Nabi berbuka puasa dengan beberapa ruṭab (kurma basah dan segar yang baru dipetik dari pokok) sebelum solat Maghrib, kalau tidak ada ruṭab, maka beliau berbuka dengan tamr (kurma kering), jika tidak ada, maka dengan meneguk beberapa tegukan air putih.*”³³⁰ (Hadith riwayat al-Tirmidhī, disahihkan oleh al-Albānī).

Pemilihan kata *ruṭab* sudah pasti mempunyai hikmah *uluhiyyah* dan rahmat terhadap kaum Muslimin. Akan tetapi kedua-dua kalimah *ruṭab* dan *tamr* yang secara umumnya disebut sebagai buah kurma dalam Bahasa Melayu menyebabkan seakan tiada perbezaan antara keduanya.

³³⁰ Al-Tirmidhī, Muḥammad ‘Isā, *Sunan al-Tirmidhi* [Kitāb al-Ṣawm, Bāb Ma Jā’a Ma Yustaḥabb ‘Alayh al-Ifṭar, no hadith 696] (Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif, t.t.), 174.

Pengkaji kemudiannya merujuk kepada fakta sains untuk mencungkil hikmah tersebut. Kajian menunjukkan jenis gula yang kebiasaan terdapat pada *ruṭab* (kurma basah) berbeza dengan kebiasaan yang terdapat pada *tamr* (kurma kering). Secara umum bahawa gula yang terdapat pada *tamr* kebiasaannya terdiri daripada dua jenis gula: monosakarida (glukosa) dan gula biosa (sukrosa). Diketahui bahawa glukosa paling mudah diserap dan paling cepat pemindahan ke dalam darah secara langsung. Penyerapan gula jenis ini dan pemindahannya ke dalam darah serta sampai kepada organ tubuh yang pelbagai hanya mengambil masa beberapa minit. Adapun gula biosa (sukrosa) yang terdapat pada *tamr* akan bertukar kepada glukosa dengan proses biokimia sehingga mereka dapat bergerak dalam darah untuk mencapai tujuan yang diperlukan daripada mereka. Hal ini jelas bahawa masa yang diperlukan untuk penggunaan gula *bilateral* lebih lama berbanding dengan glukosa.³³¹

Jadual 4.0 menunjukkan kandungan gula pada jenis buah yang berbeza pada peringkat *ruṭab* dan *tamr*. Dapat dilihat bahawa *ruṭab* mengandungi peratusan glukosa yang sangat tinggi maka kesannya lebih cepat, sementara *tamr* mengandungi peratusan gula biosa yang tinggi, yang memerlukan masa yang lebih lama untuk ditukar melalui pencernaan menjadi glukosa dan di sini menunjukkan kebesaran Rasulullah SAW ketika baginda meminta umat Islam untuk menjadikan berbuka puasa di bulan Ramadan dengan beberapa biji *ruṭab*. Allah SWT juga telah memerintahkan Maryam untuk makan *ruṭab* pada saat sakit bersalin sebagai keperluan segera untuk kudrat yang diperlukan oleh proses kelahiran.³³² Jadual 4.1 pula menunjukkan masyarakat Saudi juga mengutamakan memakan *ruṭab* berbanding *tamr* dan *busr*.

³³¹ Al-Raḍīmān, Khālīd bin Naṣīr, “Asrār al-Iftār ‘Alā al-Ruṭab wa al-Tamr fī Ramaḍān”, dicapai 24 Oktober 2010, <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>

³³² *Ibid.*

Jadual 4.0: Kandungan gula pada jenis kurma yang berbeza pada peringkat *ruṭab* dan *tamr*:

Jumlah gula (% berat bersih)	Sukrosa (% berat bersih)	Glukosa (% berat bersih)	Jenis
83.19	0	83.19	البرحي (رطب)
78.28	4.98	73.3	خنيزي (رطب)
81.72	0.76	80.96	حلايا (رطب)
79.25	1.1	77.15	سكرة ينبع (رطب)
83.1	5.43	77.67	حلوة (رطب)
77.08	1.84	75.24	بوكيرة (رطب)
79.9	0	79.9	إخلاص (رطب)
77.82	29.38	48.44	إخلاص (تمر)
75.15	22.18	52.97	صفري (تمر)
76.55	29.6	46.95	بريم (تمر)
78.25	1.05	77.2	نبوت سيف (رطب)
78.7	23.6	45.1	نبوت سيف (تمر)
74.63	22.94	51.69	عجوة المدينة
80.02	3.15	76.87	رزيز (رطب)
82.2	0	82.2	خضراوي (رطب)
78.73	6.35	72.38	صفري (رطب)
84.7	4.9	79.8	برني (رطب)
76.55	29.60	46.95	برني (تمر)
79.82	40.15	39.67	صقعي (تمر)

Sumber: <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>

Jadual 4.1: Pengutamaan masyarakat al-Saudi memakan *ruṭab* berbanding *tamr* dan *busr*

Peringkat	<i>Busr</i>	<i>Ruṭab</i>	<i>Tamr</i>
Peratus Keutamaan	30.6 %	63.3 %	6.1 %

Sumber: <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>

Berdasarkan fakta yang telah diberikan, ternyata penterjemahan makna *ruṭab* dalam ayat tersebut tidak tepat apabila diterjemahkan sebagai buah kurma atau tamar. Buah kurma merupakan ungkapan umum bagi menunjukkan jenis manakala *tamr* pula adalah buah kurma yang kering. Justeru cadangan terjemahan makna alternatif bagi perkataan *ruṭab* ialah buah kurma basah dan diberikan sedikit penjelasan tentang keadaannya.

4.2.3 Penciptaan Manusia

a. Peringkat Perkembangan Janin

Ayat 14 surah al-Mu'minūn secara umum menceritakan perkembangan janin yang melalui beberapa peringkat sebelum saat kelahiran iaitu *nutfah*, *'alaqah*, *mudghah*, *'izām* dan *khalq ākhar*. Al-Qur'an telah mengungkap perkara ini hampir 1400 tahun yang lalu, sedangkan saintis baru mengetahui perkembangan embrio setelah terciptanya mikroskop, satu alat yang belum wujud pada 1400 tahun yang lalu. Orang pertama di dunia yang menggunakan mikroskop untuk mengamati sel sperma manusia (spermatozoa) adalah Ham dan Leeuwenhoek pada tahun 1677, lebih 1000 tahun setelah turunnya ayat ini. Namun demikian Hamm dan Leuwenhoek ketika itu masih lagi salah dalam menjelaskan tahap perkembangan embrio.³³³

Fakta yang dinyatakan oleh al-Qur'an ini kemudiannya dibandingkan dengan *tafsīr 'ilmī* kepada ayat tersebut untuk mengetahui adakah terjemahan makna yang diberikan kepada kedua-dua perkataan tersebut selari dengan fakta sains dalam ilmu

³³³ Moore, Keith L. et al., *The Developing Human: Clinically Oriented Embryology*. (8th ed., Philadelphia, PA: Elsevier Saunders, 2008), 10, lihat juga Bullough, Vern L., *Encyclopedia of Birth Control* (California: ABC-CLIO, 2001), 208.

embriologi yang telah berkembang seiring dengan kemajuan teknologi masa kini. Perkataan yang menjadi topik perbincangan dalam ayat tersebut ialah “علقة” dan “مضغة”. Dapat diperhatikan terdapat perbezaan terjemahan makna bagi kalimah علقه yang diberikan iaitu sesuatu yang melekat dan segumpal darah. Malah ada yang mengatakan darah tersebut adalah darah beku. Sementara bagi kalimah مضغة kesemua terjemahan makna yang diberikan adalah sama iaitu “seketul daging”.³³⁴

Perbahasan lanjut kedua-dua perkataan tersebut dijelaskan secara berasingan sebagaimana berikut:

1. علقه (‘Alaqah)

‘Alaqah merupakan peringkat perkembangan janin selepas *nutfah*. Peringkat ini bermula pada hari ke-15 dan berakhir pada hari ke-23 atau 24.³³⁵ Perkataan ‘*alaqah* terdapat pada lima tempat dalam al-Qur’an, tiga daripadanya disebut dengan lafaz *nakirah* iaitu Surah al-Hajj: Ayat 5, Surah Ghāfir: Ayat 67 dan Surah al-Qiyāmah: Ayat 38, manakala dalam ayat 14 Surah al-Mu’minūn disebut dua kali iaitu secara *nakirah* dan *ma’rifah*. Pada satu tempat yang lain ‘*alaqah* disebut secara jamak iaitu ‘*alaq* dalam Surah al-‘Alaq: Ayat 2.

Apabila dirujuk dalam kitab-kitab tafsir, *mufasssir* memberikan pelbagai tafsiran kepada perkataan علقه yang mencakupi makna-makna berikut³³⁶:

³³⁴ Lihat perbincangan pada Bab 3, halaman 109-111.

³³⁵ Esmailzadeh Mahdi et. al, “Developmental Biology in Holy Quran”, *Journal of Physiology and Pathophysiology Vol. 3(1)*, 2012), 3.

³³⁶ Laman sesawang *al-Muṣṣḥaf al-Jāmi’*, kemas kini pada 19 September 2013, <https://mosshaf.com/main>

1. Darah secara umum: Pendapat 'Ikrimah
2. Sepotong darah yang tidak mengalir: Pendapat al-Shawkānī dan al-Alūsī
3. Sepotong darah yang kental: al-Jazā'irī
4. Sepotong darah yang lembap/basah: al-Qurṭūbī
5. Darah yang merah: al-Sa'dī
6. Darah yang tidak mengalir lagi kental yang sangat merah: al-Biqā'ī
7. 'Alaqah berwarna merah berbentuk lintah yang memanjang: Ibn Kathīr
8. Cacing kecil berwarna merah daripada darah: Ibn 'Uthaymin
9. Titisan darah yang tidak mengalir yang menempel di rahim: Sayyid Quṭb

Apa yang dirumuskan daripada kepelbagaian makna علقه mengikut *mufassir* ialah sepotong darah yang bersifat kental, tidak mengalir, lembap, berwarna merah atau sangat merah dan berbentuk seekor lintah.

Malah ada yang menyatakan ia dinamakan dengan علقه adalah kerana sifatnya menempel di dinding atau pembuluh darah pada rahim dan menyedut tenaga daripada darah ibunya.³³⁷ Al-Sha'rāwī menyatakan علقه ialah telur yang disenyawakan dan saintis menamakannya sebagai zigot yang mula mengambil gizi daripada rahim. Oleh sebab itulah perempuan yang tidak hamil akan turun darah haid, manakala bagi perempuan hamil darah tersebut bertukar menjadi gizi kepada janin.³³⁸

Dari segi bahasa perkataan 'alaqah merupakan pecahan kata daripada 'alaqa yang bermaksud menempel dan bergantung manakala kata terbitan bagi 'alaqah ialah 'alaq. Perkataan 'alaqah pula merujuk kepada sepotong darah kental yang tidak mengalir yang merupakan salah satu daripada tahap perkembangan janin. Makna lain

³³⁷ Ibn 'Ashūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 18:23-24.

³³⁸ Al-Sha'rāwī, Muḥammad Mutawallī, *Tafsīr al-Sha'rāwī* (Kaheerah: Dār Akhbār al-Yawm, t.tp), 16:9979-9980.

bagi *'alaqah* ialah seekor cacing hitam yang menghisap darah yang berada di air yang bertakung, ia bergantung dengan rahangnya apabila ia menghisap darah binatang yang melata.³³⁹ Masyarakat Arab menamakan lintah dengan علقه adalah kerana sifatnya yang menempel.³⁴⁰


Pengkaji kemudiannya merujuk kepada fakta sains moden bagi mendapatkan ruang lingkup yang lebih luas tentang pentafsiran ayat tersebut. Menurut ilmu embriologi, pembangunan manusia bermula apabila sperma bersenyawa dengan ovum untuk membentuk satu sel unik yang dipanggil zigot. Zigot ini mengandungi semua maklumat genetik (DNA) yang diperlukan untuk menjadi seorang bayi. Zigot bergerak turun melalui tiub fallopio menuju ke uterus (rahim).

Semasa ia bergerak sel-sel zigot membahagi berulang kali untuk membentuk satu 'bola geronggang' sel-sel yang dipanggil blastosis. Blastosis kemudiannya melekat pada lapisan rahim kira-kira pada hari ke-6 dan menanam dirinya sendiri secara berterusan di dinding rahim dengan sel-sel yang akhirnya membentuk plasenta. Proses ini mengambil masa lebih daripada seminggu sehingga pembezaan sel berlaku, membangunkan janin dan plasenta daripada blastosis itu. Embrio kemudiannya menempel di plasenta primitif dan tergantung melalui 'tangkai penyambung' yang akhirnya akan menjadi tali pusat (rujuk rajah 4).³⁴¹ Hal ini dilihat menepati maksud *'alaqah* dalam erti kata terbitan *'alaqa* iaitu sesuatu yang menempel dan bergantung.

³³⁹ Umar, *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah*, 3:1537-1539.

³⁴⁰ Kebiasaan masyarakat Arab menamakan sesuatu jenis haiwan berdasarkan sifatnya, sebagai contoh semut dinamakan *namlah* kerana banyak berjalan.

³⁴¹ Elias Kareem, "Embryology in the Qur'an: The 'Alaqah Stage", laman sesawang The Quran Project, dicapai 21 September 2013 daripada <http://www.quranproject.org/Embryology-in-the-Quran-The-Alaqah-Stage-491-d>




Rajah 4

Sumber: Embryology in the Qur'an: The 'Alaqah Stage

Sementara itu, Profesor Emeritus Keith Moore³⁴² mengatakan perkataan '*alaqah*' yang merujuk kepada lintah merupakan penerangan sesuai kepada embrio manusia dari hari ke-7 hingga ke-24 apabila ia menempel di endometrium rahim dengan cara yang serupa lintah menempel di kulit. Sama seperti lintah yang memperoleh darah daripada perumah, embrio manusia memperoleh darah dari desidua. Apa yang menakjubkan embrio yang berusia 23 hingga 24 hari mempunyai rupa bentuk yang sangat mirip dengan lintah (rujuk Rajah 5), hal ini kerana tiada mikroskop atau kanta terdapat pada abad ke-7 dan doktor tidak pernah mengetahui embrio manusia mempunyai penampilan seperti lintah ini. Embrio hanya dapat dilihat dengan mata kasar seawal minggu keempat kerana saiznya adalah lebih kecil daripada biji gandum.³⁴³

³⁴² Merupakan ahli anatomi dan embriologi dari Universiti Toronto Kanada.

³⁴³ Moore, Keith L., "A Scientist's Interpretation of References to Embryology in The Qur'an", *Journal of the Islamic Medical Association*, v.18, 1986) 15-16.




Rajah 5

Sumber: Embryology in the Qur'an: The 'Alaqah Stage

Apabila diperhatikan sistem *cardiovascular* primitif dalam embrio yang berusia dalam 21 hari, didapati bahawa penampilan luaran embrio dan kantungnya adalah sama seperti gumpalan darah. Ini adalah disebabkan kemunculan kantung *chorionic*, jantung primitif dan sistem *cardiovascular*. (rujuk Rajah 6) Darah pula tidak mengalir sehingga akhir minggu ketiga walaupun bersifat cecair. Pada hari ke-21, jantung embrio menghubungkan saluran darah di dalam embrio, tangkai penyambung, *chorion* dan vesikel pusat. Darah kemudiannya mula mengalir dan jantung mula berdegup.³⁴⁴ Oleh yang demikian embrio mengambil rupa bentuk darah beku walaupun darah adalah cecair (rujuk Rajah 7) dan ini bertepatan dengan maksud '*alaqah* dalam erti kata segumpal darah yang kental yang tidak mengalir.

³⁴⁴ Elias Kareem, "Embryology in the Qur'an".



Rajah 6



Rajah 7

Sumber: Embryology in the Qur'an: The 'Alaqah Stage

Berdasarkan penerangan yang diberikan, istilah '*alaqah* yang digunakan al-Qur'an merupakan satu ungkapan yang menyeluruh bagi peringkat kedua perkembangan janin yang menjelaskan bentuk luaran utama embrio dan ciri-ciri dalamnya; satu bentuk umum embrio sebagai lintah digambarkan; proses-proses dalaman seperti pembentukan darah dan saluran tertutup diterangkan; dan penempelan embrio ke plasenta juga diketengahkan. Penggunaan perkataan '*alaqah* tersebut menepati tiga maksudnya dari sudut bahasa iaitu:

- i- Sesuatu yang menempel atau bergantung.
- ii- Segumpal darah.
- iii- Sesuatu seperti lintah.

Namun pengkaji berpendapat maksud yang pertama telah terangkum dalam maksud yang ketiga kerana masyarakat Arab menamakan lintah dengan '*alaqah* adalah

kerana sifatnya yang menempel dan bergantung. Malah apa yang lebih mengejutkan terdapat banyak persamaan antara embrio dan lintah sebagaimana berikut³⁴⁵:

1. Bentuk luaran lintah menyerupai embrio pada usia 22-25 hari.
2. Struktur dalaman lintah menyerupai embrio berusia 22-26 hari.
3. Embrio menempel di lapisan dalam rahim sama dengan lintah yang menempel di kulit.
4. Embrio mendapat nutrien daripada darah ibu, sama seperti lintah yang menghisap darah orang lain.
5. Embrio mempunyai badan bersegmen seperti cacing atau lintah.

Hal ini jelas menunjukkan maksud '*alaqah* dalam erti kata "lintah" lebih dominan kerana embrio mempunyai ciri-ciri yang sama dengan lintah. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat adalah satu perkara yang merugikan jika terjemahan makna '*alaqah* yang diberikan adalah sekadar "segumpal darah" atau "sesuatu yang melekat" kerana aspek "lintah" jelas menunjukkan *i'jāz 'ilmī* al-Qur'an.

Oleh yang demikian terjemahan makna yang lebih sesuai bagi perkataan '*alaqah* menurut pandangan penulis ialah "sepotong/segumpal darah yang mempunyai ciri-ciri lintah" dan diberikan sedikit penerangan ciri-ciri persamaan antara embrio dan lintah tersebut.

³⁴⁵ *Ibid.*

2. مضغة (Mudghah)

Mudghah merupakan tahap perkembangan seterusnya selepas peringkat '*alaqah*. Terdapat tiga kalimah *mudghah* dalam al-Qur'an, dua daripadanya disebut dengan lafaz *nakirah* iaitu Surah al-Hajj: Ayat 5 dan Surah al-Mu'minun: Ayat 14. Satu lagi baki disebutkan juga dalam surah al-Mu'minun ayat yang sama tetapi dengan *ma'rifah*.

Apabila dirujuk dalam kitab-kitab tafsir, *mufassir* memberikan pelbagai tafsiran kepada perkataan *mudghah* yang mencakupi makna-makna berikut³⁴⁶:

1. Daging secara umum: Pendapat 'Ikrimah
2. Seketul daging yang terbentuk daripada '*alaqah*: Pendapat al-Alūsī
3. Seketul daging kecil dengan saiz yang boleh dikunyah: Al-Māwardī, al-Shawkānī, al-Jazā'irī, al-Wāḥidī, al-Zamakhsharī, al-Qurṭūbī dan lain-lain.

Apa yang dirumuskan daripada kepelbagaian makna *mudghah* mengikut *mufassir* ialah seketul daging kecil sebesar saiz yang boleh dikunyah dan Ibn Kathīr berpendapat ia tidak mempunyai bentuk dan lakaran.³⁴⁷

Dari sudut bahasa pula perkataan *mudghah* berasal daripada akar kata *madagha* yang bermaksud mengunyah dan *mudghah* itu sendiri mempunyai beberapa maksud antaranya ialah "sesuatu yang dikunyah" sama ada daging atau selainnya.³⁴⁸ Maksud lain bagi *mudghah* ialah seketul daging dan selainnya.³⁴⁹

³⁴⁶ Laman sesawang *al-Muṣḥaf al-Jāmi'*, kemas kini pada 19 September 2013. <https://mosshaf.com/main>

³⁴⁷ Al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 10:13.

³⁴⁸ 'Umar, *Mu'jām al-Lughāh*, 4: 2105.

³⁴⁹ Al-Fayrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, 788.


Embrio berubah daripada peringkat '*alaqah* kepada peringkat awal *mudghah* pada hari ke-24 hingga ke-26. Fasa ini bermula dengan kemunculan somit³⁵⁰ pada hari ke-24 atau 25 yang muncul di bahagian atas skapula embrio dan muncul secara perlahan-lahan di punggung embrio. Pada hari ke-28 embrio terbentuk daripada beberapa bonjol dengan alur-alur di celah-celahnya yang menyebabkan embrio kelihatan seperti gula-gula getah yang dikunyah. Embrio berputar dan berpusing-pusing dalam rongga rahim semasa peringkat ini yang berakhir pada akhir minggu ke-6. Dapat diperhatikan juga peringkat *mudghah* bermula dengan pertumbuhan dan penambahan sel-sel yang banyak sehingga *mudghah* kelihatan seperti sepotong daging yang tidak mempunyai bentuk tertentu.³⁵¹

Apa yang lebih mengejutkan embrio dan gula-gula getah yang dikunyah tersebut bukan sahaja sama dari segi rupa bentuk malah dari segi saiz. (rujuk Rajah 8) Pada peringkat ini embrio adalah lebih kurang 1cm panjang dan ini adalah lebih kurang saiz bahan yang boleh dikunyah. Adapun peringkat sebelumnya iaitu '*alaqah*, sebagai contoh, bukanlah saiz untuk dikunyah kerana ia tidak melebihi daripada 3.5mm panjang.³⁵² Hal ini sangat bertepatan dengan tafsiran majoriti *mufasssir*.

³⁵⁰ *Somite* adalah bentuk asas di mana sebahagian besar daripada rangka dan otot berkembang, bentuknya menyerupai kesan-kesan gigi.

³⁵¹ Esmailzadeh Mahdi et. al, "Developmental Biology", 4.

³⁵² Moore, Keith L. et al., *The Developing Human*, 80.



Rajah 8

Sumber: <http://www.quranproject.org/Quran-Project-Appendix-Scientific-Miracles-of-The-Quran-225-d>

Berdasarkan penjelasan yang telah diutarakan, pemilihan kata *mudghah* dalam erti kata “sesuatu yang dikunyah” dan “seketul daging” menepati ciri-ciri embrio pada tahap tersebut. Malah tafsiran *mufassir* juga tiada kontradiksi dan menjurus kepada hal yang sama. Oleh yang demikian pengkaji mendapati terjemahan makna *mudghah* dengan sekadar “seketul daging” adalah tidak menggambarkan keadaan sebenar embrio dalam tempoh tersebut. Pengkaji mencadangkan terjemahan makna kepada perkataan *mudghah* ialah “seketul daging kecil yang dikunyah” agar elemen “ketulan daging” dan “yang dikunyah” dapat diketengahkan.

4.2.4 Penciptaan Bumi

a. قطع متجاورات (Qiṭa‘ Mutajāwirāt)

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat 4 surah al-Ra‘d ialah “ قطع متجاورات” dan terjemahan makna yang diberikan oleh kesemua terjemahan al-Qur’an yang dikaji ialah “bahagian-bahagian yang berdampingan/berdekatan” kecuali dua buah terjemahan yang memberikan sedikit penerangan tambahan iaitu “yang berbeza keadaannya”.³⁵³ Persoalan yang timbul ialah adakah penerangan tambahan tersebut selari dengan fakta semasa dan jika selari adakah ia memberi impak yang besar terhadap pemahaman ayat atau memadai dengan terjemahan makna “yang berdampingan/berdekatan”.

Ayat ini secara umum menceritakan perihal tanah di muka bumi. Al-Qur’an menyatakan terdapat bahagian-bahagian tanah di bumi yang bersifat “متجاورات” yang bererti berdekatan/berdampingan. Bagi mendapatkan penerangan yang jelas tentang makna kalimah tersebut pengkaji merujuk kepada tafsiran para *mufasssir*. Ayat tersebut mempunyai dua *wajh* (tujuan)³⁵⁴:

1. Terdapat *hazf ma‘ṭūf* (pengguguran sesuatu yang mengiringi) iaitu “ وغير متجاورات”.³⁵⁵

Maksud “متجاورات” ialah bandar-bandar yang dibangunkan sementara “ وغير متجاورات” ialah padang pasir yang tidak dibangunkan.

³⁵³ Lihat perbincangan dalam Bab 3, halaman 112-113.

³⁵⁴ Al-Māwardī, *al-Nukat wa al-‘Uyūn*, 3:93.

³⁵⁵ Al-Andalūsī, *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, 5:356.

2. “متجاورات” dalam erti kata berdekatan dari segi jarak, namun berbeza dari segi kelebihan.

Ibn ‘Abbās, Mujahid, Sa‘īd Bin Jubayr, al-Ḍaḥḥāk mengatakan ada yang baik menumbuhkan apa yang bermanfaat kepada manusia dan ada yang bergaram tidak menumbuhkan apa-apa.³⁵⁶

Ibn Kathīr menjelaskan termasuk juga dalam ayat ini ialah perbezaan warna bahagian-bahagian bumi, ada tanah yang merah, putih, kuning, hitam, berbatu, rata, berpasir, tebal dan nipis. Kesemua jenis tanah ini berdekatan dan mempunyai sifat-sifat yang tersendiri.³⁵⁷ Sementara dalam Tafsīr al-Jalālyyn mengatakan di bumi terdapat pelbagai macam daerah yang saling berdekatan; di antaranya ada yang subur dan ada yang tandus; dan di antaranya lagi ada yang kekurangan air dan yang banyak airnya. Perkara ini merupakan bukti-bukti yang menunjukkan kepada kekuasaan Allah SWT.³⁵⁸

Walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam tafsiran *mufasssir*, perbincangan dasar mereka terhadap kalimah tersebut adalah berkisar tentang perbezaan keadaan tanah tidak kira sama ada terdapat kalimah yang digugurkan ataupun tidak. Namun pengkaji lebih cenderung kepada pendapat yang mengatakan tiada pengguguran kalimah dalam ayat tersebut.

Pengkaji seterusnya merujuk kepada fakta sains untuk mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam memandangkan ayat tersebut dilihat mempunyai elemen ilmu geologi.³⁵⁹ Bumi mempunyai tiga lapisan; kerak adalah lapisan paling luar bumi; di bawah kerak ialah mantel, yang terdiri daripada magma, batu separa pepejal lain dan

³⁵⁶ Al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 8:105.

³⁵⁷ *Ibid.*

³⁵⁸ *Al-Qur’ān al-Karīm wa Bihāmishih Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn*, 249.

³⁵⁹ Sains tentang asal usul, sejarah, struktur dan komposisi bumi, lihat Noresah, *Kamus Dewan*, 460.

mineral-mineral; dan di pusat bumi terdapat teras logam sangat panas. Kekurangan udara, air dan suhu sederhana menghalang organisma daripada hidup dalam mantel atau teras.³⁶⁰

Fokus perbincangan dalam ayat tersebut bertumpu kepada kerak bumi. Di kerak bumi terdapat batuan yang boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan menurut asalnya iaitu batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfik. Mengikut ahli geologi pengelasan tersebut adalah berdasarkan beberapa perkara; cara pembentukan; saiz dan struktur batuan; ketuluan dan ketelapan air; dan ketahanan terhadap kuasa proses penggondolan.³⁶¹ Perincian setiap batuan tersebut dijelaskan sebagaimana berikut³⁶²:

Batuan igneus:

Merupakan batuan paling biasa didapati dalam kerak Bumi. Batuan igneus adalah berkait dengan gunung berapi dan dibentuk dari material yang dilebur. Ini bukan sahaja termasuk lava yang dimuntahkan dari gunung-gunung berapi, tetapi juga batu-batu seperti granit, yang dibentuk oleh magma yang membeku jauh di bawah tanah. Biasanya, granit membentuk sebahagian besar semua benua. Dasar laut terbentuk oleh satu lava gelap dipanggil basalt, iaitu batu gunung berapi yang sangat biasa didapati.

Batuan enapan:

Batuan enapan terbentuk daripada serpihan terhakis batuan lain atau dari tinggalan tumbuhan atau haiwan. Serpihan-serpihan ini berkumpul di kawasan

³⁶⁰ "Crust" laman sesawang *National Geographic* dicapai 20 Julai 2013, http://education.nationalgeographic.com/education/encyclopedia/crust/?ar_a=1

³⁶¹ Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sek-sek (MAQDIS) Negeri Kelantan, *Geografi dan al-Qur'an* (Kota Bharu: Mega Harmoni Sdn. Bhd., 1999), 15.

³⁶² Stony Stalwarts, "Rocks" laman sesawang *National Geographic* dicapai 20 Julai 2013, <http://science.nationalgeographic.com/science/earth/inside-the-earth/rocks-article/>

rendah - tasik, lautan dan padang pasir - dan kemudian dimampatkan kembali menjadi batu oleh berat bahan yang berada di atasnya. Batu pasir terbentuk daripada pasir, batu lumpur daripada lumpur dan batu kapur dari cangkerang, dwiatom atau mineral-mineral menyerupai tulang memendap keluar daripada air yang kaya dengan kalsium. Batu enapan juga dikenali dengan istilah batuan mendakan.

Batuan metamorfik:

Batuan metamorf merupakan batuan enapan atau igneus yang telah diubah oleh haba, tekanan, atau pencerobohan cecair. Contoh perubahan tersebut ialah batu kapur bertukar menjadi marmar, batu pasir bertukar menjadi kuarzit, dan gneiss, satu lagi batu metamorfik biasa, kadang-kadang bermula sebagai granit.

Semua batuan yang ada di permukaan bumi akan mengalami luluhawa. Luluhawa ialah proses pemecahan batu-batan daripada bongkah yang besar kepada bongkah yang kecil oleh agen-agen luluhawa seperti iklim, bentuk muka bumi, jenis batuan dan manusia.³⁶³ Secara am luluhawa dapat dikelaskan kepada dua kategori iaitu:

1. *Mechanical weathering* (Luluhawa fizikal):

Melibatkan beberapa proses yang memecahkan batu kepada bahagian yang lebih kecil³⁶⁴ menggunakan daya fizikal.³⁶⁵ Perubahan yang berlaku adalah berbentuk fizikal tanpa mengubah komposisi mineral batuan³⁶⁶ dan dilakukan

³⁶³ Majlis Kegiatan, *Geografi*, 22.

³⁶⁴ Carlson, Diane H. et al., *Physical Geology: Earth Revealed* (7th ed., Boston: McGraw-Hill, 2008), 317.

³⁶⁵ Tarbuck, Edward J. & Lutgens, Frederick K., *Earth: An Introduction To Physical Geology* (10th ed., Upper Saddle River, NJ : Pearson/Prentice Hall, 2011), 175.

³⁶⁶ *Ibid.*

oleh agen-agen luluhawa fizikal seperti perubahan suhu, hujan, tindakan
ibun³⁶⁷ dan manusia.³⁶⁸

2. *Chemical weathering* (Luluhawa kimia):

Merupakan penguraian batuan yang melibatkan perubahan kimia batuan kepada satu atau lebih sebatian baru³⁶⁹ yang berlaku akibat pendedahan kepada air dan gas-gas atmosfera (pada dasarnya karbon dioksida, oksigen dan wap air).³⁷⁰ Terdapat tiga proses utama luluhawa kimia iaitu pelarutan, penghidratan, hidrolisis dan pengoksidaan.³⁷¹

Kedua-dua konsep ini dapat digambarkan dengan secebis kertas. Kertas tersebut dapat dipecahkan dengan mengoyaknya kepada cebisan yang lebih kecil sementara penguraian apabila kertas tersebut dibakar dan hangus.³⁷²

Luluhawa fizikal dan kimia yang berlaku terhadap kerak bumi telah menghasilkan satu “litupan batu” yang longgar atau dinamakan *regolith*, serpihan-serpihan bahan yang melitupi permukaan bumi. Ahli geologi menggunakan istilah *soil* (tanah) sebagai merujuk kepada beberapa meter atas daripada *regolith* yang menampung kehidupan tumbuhan.³⁷³ Hampir kesemua organisma darat bergantung secara langsung atau tidak langsung kepada tanah dalam kewujudan mereka. Tumbuhan juga tumbuh di

³⁶⁷ Keadaan yang wujud apabila suhu permukaan bumi jatuh di bawah takat beku (0°C atau 32°F) sehingga terbentuknya hablur air yg halus-halus, lihat Noresah, *Kamus Dewan*, 558.

³⁶⁸ Majlis Kegiatan, *Geografi*, 22-23.

³⁶⁹ Tarbuck & Lutgens, *Earth: An Introduction*, 175.

³⁷⁰ Carlson, *Physical Geology*, 317.

³⁷¹ Tarbuck & Lutgens, *Earth: An Introduction*, *Ibid*, 179.

³⁷² *Ibid*, 175.

³⁷³ Chernicoff, Stanley & Whitney, Donna, *Geology: An Introduction To Physical Geology* (Upper Saddle River, N.J. : Pearson Prentice Hall, 2007), 156.

atas tanah di mana ia memperoleh nutrien dan sebahagian besar air, manakala banyak binatang darat bergantung pada tumbuhan untuk mendapatkan nutrien.³⁷⁴

Tanah terdiri daripada tiga profil iaitu³⁷⁵:

1. Profil pepejal: Terdiri daripada bahan organik dan bukan organik
2. Profil cecair: Terdiri daripada bahan larutan tanah dan pelbagai sumber air
3. Profil gas: terdiri daripada gas-gas biasa seperti dalam atmosfera.

Terdapat lima faktor yang begitu penting dalam penentuan sifat tanah sesuatu kawasan³⁷⁶: material induk³⁷⁷, iklim, topografi³⁷⁸, aktiviti biologi³⁷⁹ dan masa. Sebagai contoh jenis tanah yang dikawal oleh iklim dapat dilihat dengan jelas pada kawasan tanah rendah. Berikut adalah jenis tanah yang berkaitan dengan iklim³⁸⁰:

1. Tanah tundra (sub-Artik):

Sebahagian besar terbentuk di kawasan kutub, sub-Artik dan pergunungan.

Tanah di sini kebiasaannya nipis, sarat air dan anaerobik. Floranya pula terbantut.

2. Podzol:

Terbentuk di kawasan beriklim lembap sejuk. Tumbuh-tumbuhan di sini hanya terdiri daripada konifer.

³⁷⁴ Monroe, James S.& Wicander, Reed, *The Changing Earth : Exploring Geology And Evolution* (5th, Belmont, CA : Brooks/Cole, Cengage Learning, 2009), 142.

³⁷⁵ Majlis Kegiatan, *Geografi*, 28.

³⁷⁶ Chernicoff & Whitney, *Geology: An Introduction*, 157.

³⁷⁷ Batuan di mana tanah terhasil.

³⁷⁸ Keadaan rupa bumi sesuatu kawasan, lihat Noresah, *Kamus Dewan*, 1710.

³⁷⁹ Yang dimaksudkan di sini ialah tumbuh-tumbuhan, binatang dan mikroorganisma.

³⁸⁰ Janet Watson, *Manusia dan Geologi*, pent. Mohamad Ali Hasan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 140.

3. Podzol kelabu perang (tanah perang):

Terbentuk di kawasan beriklim lembap sederhana. Terdiri hanya daripada hutan daun luruh.

4. Chernozem (tanah hitam):

Terbentuk di kawasan beriklim sub lembap sederhana. Tanah yang tebal, subur dan mudah mengalami hakisan tanah. Terdiri hanya daripada padang rumput.

5. Tanah gurun:

Terbentuk di bawah keadaan gersang. Tanah nipis dengan kandungan humus yang rendah. Pengoksidaan menghasilkan warna merah perang, garam pada permukaan dan kadangkala kerak durus.

6. Tanah tropika dan subtropika:

Terbentuk di kawasan lembap panas. Terdiri daripada hutan hujan.

Berdasarkan penerangan yang dikemukakan terbukti bahawa apa yang dimaksudkan oleh al-Qur'an dalam ayat tersebut menunjukkan kepada manusia betapa agung kebesaran Allah SWT yang berkuasa menciptakan tanah yang berbeza jenis walaupun saling berdekatan. Perkara tersebut dikuatkan lagi dengan frasa seterusnya yang menyebut berkenaan kebun-kebun anggur, jenis-jenis tanaman dan pohon-pohon kurma yang berumpun dan tidak berumpun. Hal ini adalah kerana kepelbagaian jenis tanah akan menentukan keadaan tumbuh-tumbuhan.³⁸¹ Malah Allah SWT menyebutkan kesemua tumbuhan tersebut disiram dengan air yang sama tapi berbeza dari sudut

³⁸¹ *Ibid.*, 137.

rasanya. Perbezaan rasa tersebut dilihat lebih kompleks berbanding perbezaan jenis tanah dan tumbuhan sebelumnya. Secara tuntas ayat 4 surah al-Ra'd menceritakan perihal kepelbagaian tanah-tanah, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan yang mempunyai perbezaan tersendiri sebagai bukti kekuasaan Allah SWT.

Selain itu luluhawa merupakan satu proses yang berlaku secara berterusan dan keadaan tanah akan sentiasa berubah-ubah. Justeru penggunaan kalimah قطع (bahagian-bahagian/potongan-potongan) secara *nakirah* (tidak diketahui) merupakan satu keajaiban kerana terdapat bahagian/potongan tanah baru yang berbeza keadaannya akan terbentuk.³⁸²

Berdasarkan penjelasan yang diberikan, pengkaji berpendapat penerangan tambahan “yang berbeza keadaannya” memainkan peranan yang cukup penting dalam pemahaman pembaca al-Qur'an terhadap frasa “قَطَعُ متجاورات” selain menzahirkan mukjizat al-Qur'an yang menceritakan perihal jenis-jenis tanah. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan frasa “قَطَعُ متجاورات” diterjemahkan makna dengan “bahagian-bahagian yang berdekatan” dan kalimah “متجاورات” diberikan sedikit penjelasan ringkas dalam () iaitu “berlainan keadaannya” dan diletakkan nota kaki yang menghuraikan berkenaan perbezaan tanah tersebut.

³⁸² Al-Najjār, *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat*, 1: 401.

b. أدنى الأرض (Adnā al-'Ard)

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat 3 surah al-Rūm ialah “أدنى الأرض” dan terjemahan makna yang hampir sama diberikan kepada perkataan tersebut iaitu “negeri yang dekat/terdekat/lebih dekat”.³⁸³ Apa yang menarik perhatian adalah al-Qur'an tidak menggunakan kalimah “أقرب” yang lebih menunjukkan maksud “paling dekat”, sebaliknya penggunaan kalimah “أدنى” dipilih di mana kalimah tersebut lazim diguna pakai dengan pelbagai makna. Perkara ini mendorong pengkaji untuk meneliti maksud ayat tersebut memandangkan ia mempunyai kaitan dengan penciptaan bumi secara langsung.

Terlebih dahulu pengkaji menyorot latar belakang ayat tersebut. Rom dan Parsi merupakan dua bangsa yang mempunyai hubungan baik seawal abad kelima. Namun peperangan pertama antara keduanya mula tercetus pada tahun 420M akibat keengganan Theodosius II untuk mengembalikan penganut Kristian ke Parsi yang telah mencari perlindungan dari penganiayaan semasa empayar beliau. Di samping itu, orang-orang Parsi telah terbukti tidak sanggup untuk mengembalikan pelombong emas Rom yang telah bekerja di wilayah Parsi; mereka juga telah merompak barangan pedagang Rom.³⁸⁴ Peperangan tersebut berterusan beratus-ratus tahun hinggalah pada tahun 613M, Rom mengalami kekalahan teruk kepada Parsi dan kehilangan Jerusalem.³⁸⁵

³⁸³ Lihat perbincangan dalam Bab 3, halaman 113-115.

³⁸⁴ Greatrex, G., “The Two Fifth-Century Wars Between Rome And Persia”, *Florilegium* 12 (1993), 1-2.

³⁸⁵ Treadgold, Warren, *A History of the Byzantine State and Society* (Stanford: Stanford University Press, 1997), 289.

Diceritakan bahawa kaum Muslimin senang hati sekiranya Rom menewaskan Parsi kerana penduduk Rom adalah ahli Kitab dan kaum musyrikin pula sebaliknya kerana penduduk Parsi adalah penyembah berhala. Kemudian daripada itu Rom telah dikalahkan oleh Parsi dan kaum musyrikin bergembira dengan perkara tersebut. Namun Allah SWT mengkhabarkan Rom akan dikalahkan semula dalam beberapa tahun kemudian³⁸⁶ walaupun realiti pada ketika itu adalah mustahil untuk Rom bertahan, apatah lagi untuk menang semula. Ayat tersebut diturunkan kira-kira pada tahun 620 Masihi, hampir tujuh tahun setelah kekalahan teruk tersebut.

Sayidina Abū Bakr yang sentiasa membenarkan Nabi Muhammad SAW telah mempertaruhkan empat ekor unta -sebelum pertaruhan diharamkan oleh Islam- dengan puak Musyrikin untuk tempoh tujuh tahun dengan harapan Rom kembali menewaskan Parsi. Namun demikian tujuh tahun tersebut berlalu tanpa apa-apa berlaku menyebabkan mat Islam sangat tertekan dengan keadaan tersebut. Perkara tersebut dimaklumkan kepada Nabi lalu baginda bertanya: “Apakah makna *bid’* menurut kamu?”. Mereka menjawab: “Kurang daripada sepuluh”, kemudian Nabi bersabda: “Pergi dan tambahkan pertaruhan, tambahkan juga tempoh dua tahun lagi”. Sebelum berlalu tempoh dua tahun tersebut telah datang rombongan yang mengkhabarkan kemenangan Rom ke atas Parsi.³⁸⁷

Dalam usaha untuk bangkit, Maharaja Rom Heraclius telah memerintahkan supaya dileburkan emas dan perak di gereja-gereja untuk ditukar menjadi syiling bagi menampung perbelanjaan ketenteraan, malah patung-patung gangsa dan perhiasan juga dileburkan untuk tujuan yang sama. Selepas memperoleh bantuan kewangan yang

³⁸⁶ Al-Māwardī, *al-Nukat wa al-‘Uyūn*, 4:296

³⁸⁷ Al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 11:6.

banyak tersebut, Heraclius beralih pula kepada pengorganisasian semula pasukan perang.³⁸⁸

Pada Disember 627 Masihi, sekitar tujuh tahun setelah diturunkan ayat tersebut, Heraclius telah menewaskan tentera Parsi dalam satu peperangan besar yang berlaku berdekatan Nineveh yang berada di daerah dataran rendah Palestin yang terletak berdekatan Laut Mati.³⁸⁹ Peristiwa tersebut menepati ramalan al-Qur'an yang mengatakan Rom akan menewaskan semula Parsi dalam beberapa tahun yang akan datang walaupun ramalan tersebut dilihat tidak masuk akal pada awalnya.

Para *mufassir* telah berselisih dalam menentukan kalimah “الأرض” kepada dua pendapat; al-Nuqqāsh mengatakan ia merujuk kepada bumi Parsi dan jumbuh mengatakan ia merujuk kepada bumi al-Rūm.³⁹⁰ Sementara itu terdapat empat pendapat dalam penentuan bumi al-Rūm yang terdekat iaitu³⁹¹:

1. Sempadan-sempadan Syria menurut Ibn ‘Abbās.
2. Semenanjung Arab yang merupakan bumi al-Rūm yang terdekat dengan Parsi menurut Mujāhid.
3. Jordan dan Palestin menurut al-Saddī.
4. Azri‘āt Syria menurut Yaḥyā bin Salām.

Namun apa yang jelas para *mufassir* mentafsirkan kalimah “أدنى” dengan makna “أقرب” yang bererti “terdekat” walaupun mereka berbeza pandangan dalam penentuan tempat tersebut sebagaimana yang dinyatakan sebelumnya.

³⁸⁸ Treadgold, *A History of the Byzantine*, 293.

³⁸⁹ *Ibid*, 298

³⁹⁰ Al-Māwardī, *al-Nukat wa al-'Uyūn*, 4:296

³⁹¹ *Ibid*.

Pengkaji kemudiannya merujuk kedudukan kalimah tersebut dari sudut bahasa. Perkataan أدنى merupakan *ism tafḍīl* kepada akar kata دنا dan disebut sebanyak sebelas kali pada tempat lain dalam al-Qur'an³⁹² dengan beberapa makna. Antara maknanya ialah:

1. الأقرب (lebih dekat) lawan kepada الأقصى (lebih jauh). Firman Allah SWT:

فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَىٰ ﴿٩﴾

Terjemahan makna:

“Sehingga menjadilah jarak (di antaranya dengan Nabi Muhammad) sekadar dua hujung busar panah, atau lebih dekat lagi.” [Surah al-Najm (53): Ayat 9]

2. الأقل (lebih sedikit) lawan kepada الأكثر (lebih banyak). Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَا
يَكُونُ مِنْ نَجْوَىٰ ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ
سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَىٰ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا
كَانُوا ثُمَّ يُنَبِّئُهُمْ بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٧﴾



Terjemahan makna:

“Tidakkah engkau memikirkan, bahawa Sesungguhnya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi? Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dialah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan ia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian ia akan memberi tahu kepada mereka - pada hari kiamat - apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” [Surah al-Mujādalah (58): Ayat 7]

³⁹² Surah al-Baqarah: Ayat 61 dan 282, surah al-Nisā': Ayat 3, surah al-Mā'idah: Ayat 108, surah al-A'rāf: Ayat 169, surah al-Sajdah: Ayat 21, surah al-Aḥzāb: Ayat 51 dan 59, surah al-Najm: Ayat 9, surah al-Mujādalah: Ayat 7 dan surah al-Muzzammil: Ayat 20. *Mu 'jam al-Mufahras*, 1: 261-262.

3. الأصغر (Lebih kecil) lawan kepada الأكبر (lebih besar). Firman Allah SWT:

وَلَنذِيقَنَّهُمْ مِّنَ الْعَذَابِ الْأَدْنَىٰ دُونَ الْعَذَابِ الْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ
يَرْجِعُونَ ﴿٢١﴾

Terjemahan makna:


“Dan demi sesungguhnya, Kami akan merasakan mereka sedikit dari azab dunia sebelum azab yang besar (di akhirat kelak), supaya mereka rujuk kembali bertaubat.” [Surah al-Sajdah (32): Ayat 21]

Penggunaan kalimah أدنى dalam al-Qur'an dilihat memberikan makna yang pelbagai berdasarkan konteks ayat dan tidak terhad kepada maksud الأقرب (lebih dekat). Ketiga-tiga maksud (lebih dekat, lebih kecil dan lebih sedikit) menunjukkan kalimah أدنى digunakan untuk melambangkan sesuatu dengan kuantiti yang sedikit atau kadar yang minimum. Justeru pengkaji tertarik untuk melihat perkara tersebut dalam skop yang lebih luas terhadap penggunaannya dalam ayat 3 surah al-Rūm. Seterusnya pengkaji merujuk kepada fakta dalam ilmu geologi kerana ayat tersebut mempunyai kaitan secara langsung dengan geografi bumi.

Penemuan moden mengesahkan bahawa kawasan danau Laut Mati mendahului senarai kawasan paling rendah di permukaan bumi.³⁹³ Danau tersebut terletak di sempadan perubahan antara plat Afrika dan Arab. Paras permukaan bumi di kawasan tersebut mencapai kira-kira 413 meter di bawah permukaan laut dan paras dasar lautnya pada bahagian paling dalam mencapai kira-kira 750 meter di bawah permukaan laut, turut menjadikannya sebagai tasik paling dalam.³⁹⁴

³⁹³ “Lowest Places on Earth”, laman sesawang National Park Service, dicapai 28 September 2013, <http://www.nps.gov/deva/naturescience/lowest-places-on-earth.htm>

³⁹⁴ Lynch, David K., “Land Below Sea Level”, laman sesawang Geology.com, dicapai 27 September 2013, <http://geology.com/below-sea-level/>



Rajah 9: Gambar lokasi Laut Mati

http://miraclesofthequran.com/predictions_01.html

Berdasarkan fakta yang dikemukakan, pengkaji berpendapat penggunaan kalimat “أدنى” dalam konteks ayat tersebut jika disandarkan kepada permukaan bumi juga dapat diterjemahkan dengan makna الأسفل/الأخفض “paling rendah” selain makna “paling dekat”. Perkara ini telah diketengahkan oleh mereka yang berkecimpung dalam kajian *i’jāz ‘ilmī*, namun ada terdapat pihak yang menyangkal perkara tersebut. Alasan yang dikemukakan ialah tidak terdapat dalam penggunaan bahasa Arab “أدنى” dengan makna الأسفل/الأخفض “paling rendah”.

Rentetan daripada itu pengkaji cuba melihat penggunaan kalimat tersebut dalam hadith. Hasil pemerhatian mendapati terdapat satu riwayat hadith yang mengaplikasikan kalimat tersebut dengan erti kata الأسفل “paling rendah” lawan kepada الأعلى “paling tinggi”. Riwayat tersebut adalah sebagaimana berikut:

"سَأَلَ مُوسَى رَبَّهُ، مَا أَدْنَى أَهْلِ الْجَنَّةِ مَنْزِلَةً، قَالَ: هُوَ رَجُلٌ يَجِيءُ بَعْدَ مَا أُدْخِلَ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ، فَيَقَالُ لَهُ: ادْخُلِ الْجَنَّةَ، فَيَقُولُ: أَيُّ رَبِّ، كَيْفَ وَقَدْ نَزَلَ النَّاسُ مَنَازِلَهُمْ، وَأَخَذُوا أَخْدَاتِهِمْ، فَيَقَالُ لَهُ: أَتَرْضَى أَنْ يَكُونَ لَكَ مِثْلُ مُلِكٍ مَلِكٍ مِنْ مُلُوكِ الدُّنْيَا؟ فَيَقُولُ: رَضِيْتُ رَبِّ، فَيَقُولُ: لَكَ ذَلِكَ، وَمِثْلُهُ وَمِثْلُهُ وَمِثْلُهُ وَمِثْلُهُ، فَقَالَ فِي الْخَامِسَةِ: رَضِيْتُ رَبِّ، فَيَقُولُ: هَذَا لَكَ وَعَشْرَةُ أُمَّتَالِهِ، وَلَكَ مَا اشْتَهَيْتَ نَفْسَكَ، وَلَدَّتْ عَيْنُكَ، فَيَقُولُ: رَضِيْتُ رَبِّ، قَالَ: رَبِّ، فَأَعْلَاهُمْ مَنْزِلَةً؟ قَالَ: أُولَئِكَ الَّذِينَ أَرَدْتُ غَرَسْتُ كَرَامَتَهُمْ بِيَدِي، وَخَتَمْتُ عَلَيْهَا، فَلَمْ تَرَ عَيْنٌ، وَمَنْ تَسْمَعُ أُدُنٌ، وَمَنْ يَحْطُرُ عَلَى قَلْبٍ بَشَرٍ "

Terjemahan makna:

“Musa bertanya kepada Tuhannya: “Apa ciri penghuni syurga yang paling rendah kedudukannya?” Allah menjawab, “Iaitu orang yang datang setelah penghuni syurga dimasukkan ke dalam syurga, lalu dikatakan kepada orang ini: Masuklah ke syurga!” Orang ini menjawab, “Wahai Tuhanku, bagaimana mungkin aku mampu masuk, sementara mereka sudah menempati tempat masing-masing dan mengambil bahagian mereka?” Maka dikatakan kepada orang ini: “Apakah kamu mahu mendapatkan bahagian kerajaan seperti seorang raja di antara raja-raja dunia?” Orang itu menjawab: “Aku rela, wahai Tuhanku.” Allah berkata: “Itu bahagianmu ditambah seperti itu, ditambah seperti itu, ditambah seperti itu, ditambah seperti itu” Pada kali kelima, orang itu mengatakan: “Aku rela, wahai Tuhanku.” Allah berkata mengatakan: “Ini bahagianmu ditambah sepuluh kali lipatnya, dan kamu mendapatkan apa pun yang kamu inginkan dan matamu menyukainya.” Orang itu mengatakan: “Aku rela, wahai Tuhanku.” Musa mengatakan, “(Bagaimana dengan nasib) orang yang paling tinggi kedudukannya?” Allah menjawab: “Mereka itu, orang pilihanKu, kemuliaan mereka di tanganKu, dan Aku menutup (kemuliaan itu), sesuatu yang mata belum lihat, telinga belum dengar dan belum pernah terdetik dalam hati.”³⁹⁵

Hal ini jelas menunjukkan penggunaan kalimah أدنى juga digunakan untuk menggambarkan kedudukan atau darjat yang paling bawah/rendah. Justeru penterjemahan makna أدنى الأرض tidak terhad kepada makna الأقرب semata-mata.

Dr. Zarghlul al-Najjar ada mengingatkan kepada sesiapa yang mengatakan makna “أدنى الأرض” ialah tempat paling hampir dengan Paris, negara Arab, hujung negeri Sham, negara Sham, ‘Anṭakiyah, Dimashq, Bayt al-Maqdis atau selainnya untuk melihat kembali perkara tersebut. Hal ini kerana sempadan-sempadan kedua empayar tersebut adalah berpadu antara satu sama lain dari satu arah dan berpadu dengan negara Arab dari satu arah yang lain. Justeru tidak logik maksud pernyataan “أدنى الأرض” dalam ayat tersebut adalah hampir dengan negara Parsi atau Arab sahaja. Seandainya dikatakan danau tadi merupakan tempat yang paling hampir dengan negara Arab, sedangkan pada hakikatnya tempat tersebut adalah satu bahagian daripada kawasan Semenanjung Arab.³⁹⁶

³⁹⁵ Muslim, al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* [Kitāb al-Imān, Bāb Adnā Ahl al-Jannah Manzilah Fīhā, no. 312], (2006), 1:104.

³⁹⁶ Al-Najjār, *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat*, 2:430.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah kawasan Laut Mati di Jordan meliputi bahagian tanah paling rendah dan kawasan inilah tempat berlakunya peperangan di mana tentera kerajaan Rom mengalahkan Parsi seperti mana yang diramalkan dalam al-Qur'an. Dalam masa yang sama kawasan tersebut juga berdekatan dengan tempat-tempat yang dinyatakan oleh para *mufassir*.

Oleh yang demikian, pengkaji mengambil pendekatan untuk mengharmonikan kedua-dua maksud bagi perkataan “أدنى الأرض” kerana masing-masing mempunyai asas yang tersendiri. Pengkaji mencadangkan terjemahan makna bagi perkataan “أدنى الأرض” ialah “tempat paling dekat lagi rendah” dan diberikan sedikit penjelasan berkenaan kedua-dua maksud tersebut. Pemilihan kata “أدنى الأرض” dalam ayat di atas merupakan satu keajaiban al-Qur'an kerana perkataan tersebut boleh menerima maksud yang fleksibel berdasarkan konteks.

4.2.5 Penciptaan Langit:

a. المزن (Al-Muzn)

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat 69 Surah al-Wāqi‘ah ialah “المزن” dan terjemahan makna yang sama diberikan kepada perkataan tersebut iaitu “awan” selain satu makna alternatif iaitu “mendung”.³⁹⁷ Persoalan yang timbul ialah apakah jenis awan tersebut memandangkan terdapat beberapa jenis awan dalam bahasa Arab dan juga sains berdasarkan keadaannya. Bagi menentukan perincian keadaan awan tersebut *tafsīr ‘ilmī* kepada ayat tersebut dirujuk.

³⁹⁷ Sila lihat perbincangan dalam Bab 3, halaman 115-116.

Dalam ayat tersebut Allah menyatakan bahawa Dia menurunkan air daripada المزن dan air tersebut merujuk kepada hujan. Allah SWT telah menceritakan hakikat kejadian hujan melalui firmanNya sebagaimana berikut:

اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ
وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا فَتَرَى الْوَدْقَ تَخْرُجُ مِنْ خِلَالِهِ ۖ فَإِذَا أَصَابَ بِهِ مَن يَشَاءُ
مِنَ عِبَادِهِ إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٨﴾

Terjemahan makna:

“Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan; kemudian Allah menyebarkan awan itu di langit sebagaimana yang dikehendakiNya, dan menjadikannya berkelompok-kelompok; lalu engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya. maka apabila Allah menurunkan hujan itu mengenai sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya, mereka serta merta bergembira.” [Surah al-Rūm (30): Ayat 48]

Ayat di atas menyatakan secara jelas proses berlakunya kejadian hujan di mana awan digerakkan angin menjadi berkelompok-kelompok dan keluarnya titisan hujan melalui kelompok awan tersebut.

Pengkaji kemudiannya merujuk kepada tafsiran *mufasssirin* terhadap lafaz المزن. Qatādah dan Mujāhid mentafsirkan perkataan المزن sebagai السحاب (awan), Ibn Zayd mengatakan المزن merupakan nama kepada السحاب (awan) dan Ibn ‘Abbās berpendapat المزن ialah السماء والسحاب (langit dan awan).³⁹⁸ Al-Razi pula mengatakan المزن adalah awan yang berat dengan air semata-mata.³⁹⁹

³⁹⁸ Al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān*, 22:354.

³⁹⁹ Al-Rāzī, *Mafātīḥ al-Ghayb*, 29:184.

Dari sudut bahasa pula, Abū Zayd dalam kitab *Mukhtār al-Ṣiḥḥah* mengatakan jamak *المزن* kepada *المزنة* yang bererti awan putih.⁴⁰⁰ Dalam *Mu‘jam al-Waṣīṭ* bermaksud awan yang membawa air⁴⁰¹, sementara dalam *Lisān al-‘Arab* dinyatakan *المزن* merupakan awan secara umum dan dikatakan juga bermaksud awan yang mempunyai air.⁴⁰²

Apa yang dapat diperhatikan ialah perbincangan *المزن* sangat berkait rapat dengan penciptaan awan dan terdapat perbezaan antara para ilmuwan tentang perihal awan tersebut. Hal ini menarik minat pengkaji untuk melihat ayat berkaitan awan dalam al-Qur’an atau dikenali dengan “السحاب” dalam bahasa Arab. Terdapat sembilan tempat disebutkan kalimah *السحاب* dalam al-Qur’an dan antara sifat yang disandarkan kepada awan ialah *كسفا* (bergumpal-gumpal)⁴⁰³, *ركاما* (berkelompok-kelompok)⁴⁰⁴ dan *الثقال* (yang berat)⁴⁰⁵. Kesemua sifat ini dinyatakan setelah berlakunya transformasi kepada awan yang disebabkan oleh pengaruh angin dalam proses kejadian hujan kecuali sifat *الثقال* yang disebut seiring dengan kejadian kilat.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah *السحاب* (awan) merupakan komponen utama dalam kejadian hujan namun di sana terdapat proses yang berlaku sebelum awan tersebut menurunkan hujan. Justeru perkataan *المزن* adalah kata nama kepada awan selepas berlakunya transformasi dalam proses tersebut.

⁴⁰⁰ Al-Rāzī, Muḥammad Ibn Abī Bakr, *Mukhtār al-Ṣiḥḥah* (Beirut: Maktabah Lubnan, 1986), 260.

⁴⁰¹ Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu‘jam al-Waṣīṭ* (cet. ke-4, Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004) 867

⁴⁰² Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 6:4196

⁴⁰³ Surah al-Rūm, ayat 48:

اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا فَنَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ حِلَالِهِ فإِذَا أَصَابَ بِهِ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ (48)

⁴⁰⁴ Surah al-Nūr, ayat 43:

أَمْ تَرَى أَنَّ اللَّهَ يُرْجِي سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُ ثُمَّ يَجْعَلُهُ رُكَامًا فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ حِلَالِهِ وَيُنزَلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَصْرِفُهُ عَنِ مَنْ يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِ يَذْهَبُ بِالْأَبْصَارِ (43)

⁴⁰⁵ Surah al-Ra‘d, ayat 23:

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمْ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنشِئُ السَّحَابَ الثَّقَالَ (12)

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang awan dan maklumat berkaitannya pengkaji merujuk kepada fakta sains dalam ilmu meteorologi. Awan seperti yang diketahui merupakan wap air yang bergumpal-gumpal di udara yang kelihatan seperti asap berwarna putih atau kelabu di langit.⁴⁰⁶

Pembentukan awan berlaku apabila wap air yang tidak kelihatan dalam udara terkondensasi menjadi titisan air atau hablur ais yang dapat dilihat. Di sekeliling kita pada setiap masa terdapat air dalam bentuk zarah gas halus, juga dikenali sebagai wap air. Selain itu terdapat zarah halus yang terapung di dalam udara - seperti garam dan habuk - yang dipanggil aerosol. Wap air dan aerosol sentiasa menghentam satu sama lain. Apabila udara disejukkan, sebahagian daripada wap air melekat pada aerosol apabila mereka berlanggaran (proses kondensasi). Akhirnya, titisan air lebih besar terbentuk di sekeliling zarah aerosol, dan titisan air ini mula melekat bersama-sama dengan titisan yang lain lalu membentuk awan.⁴⁰⁷

Pengklasifikasian bentuk awan pertama kali dilakukan pada tahun 1801 oleh naturalis Perancis Jean Lamarck. Pada tahun 1803, Luke Howard, seorang ahli sains Inggeris, mencipta satu klasifikasi yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Antarabangsa Meteorological (1929). Beliau menetapkan tiga jenis awan utama: *cirrus*, *cumulus* dan *stratus*, dan bentuk gabungan ketiga-tiganya, yang masih digunakan hari ini dalam bentuk yang telah diubahsuai.⁴⁰⁸

⁴⁰⁶ Noresah, *Kamus Dewan*, 93.

⁴⁰⁷ "What are clouds and how do they form?" dikemas kini 22 April 2013, dicapai pada 28 September 2013, <http://www.metoffice.gov.uk/learning/clouds/what-are-clouds>

⁴⁰⁸ "Clouds." UXL Encyclopedia of Science. 2002. Encyclopedia.com., dicapai 29 September 2013, <http://www.encyclopedia.com/doc/1G2-3438100166.html>

Pengelasan tersebut adalah berdasarkan penampilan umumnya, penjelasan setiap jenis adalah seperti berikut⁴⁰⁹:

Cirriform:

Awan-awan *cirriform* adalah jarang dan berserabut dan didapati berada tinggi dalam atmosfera - biasanya lebih tinggi daripada 6,000 meter (20,000 kaki) - dan selalunya dibentuk daripada kristal ais. Awan sirus menandakan hari cerah, cuaca baik. Bentuk awan ini secara kebiasaan menunjukkan angin bertiup tinggi dalam atmosfera.

Stratiform:

Awan-awan *stratiform* mendatar dan bersusun lapis yang boleh menyelimuti keseluruhan langit dalam corak tunggal. Kebiasaannya terdapat hampir dengan bumi dan kemunculan awan jenis ini selalunya bermaksud sejuk, hari mendung. Jika hujan turun daripada awan stratus secara kebiasaan dalam bentuk hujan renyai-renyai atau salji ringan.

Cumuliform:

Awan-awan *cumuliform* besar dan berkepul-kepul, boleh meregang secara menegak ke dalam atmosfera sehingga 12,000 meter (39,000 kaki) tinggi dan dibentuk oleh rangka kukuh udara panas dan lembap. Kebanyakan bentuk hujan lebat turun daripada awan jenis ini. Cuaca yang dibawa awan ini bergantung kepada ketinggian dan saiznya.

⁴⁰⁹ "Cloud", laman sesawang National Geographic, dicapai 29 September 2013, http://education.nationalgeographic.co.uk/education/encyclopedia/cloud/?ar_a=1

Ketiga-tiga jenis awan ini dikelaskan merentasi kumpulan awan rendah dan tinggi. Awan *cumuliform* yang terbentuk di peringkat rendah diberi nama genus kumulus, dan awan rendah *stratiform* dengan nama genus stratus. Secara fizikalnya awan yang serupa terbentuk dalam julat ketinggian atas masing-masing diberi nama genus sirokumulus dan sirostratus. Awan jenis *cirriform* telah dikenal pasti sebagai awan sentiasa berada di peringkat atas dan diberi nama genus sirus. Howard telah menambah genus nimbus untuk awan yang mempunyai struktur kompleks (biasanya dikelaskan secara berasingan sebagai *nimbiform*) yang menghasilkan hujan.⁴¹⁰

Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia (WMO) memperluaskan klasifikasi Luke Howard untuk membentuk 10 kumpulan utama awan yang dipanggil *genera*.⁴¹¹

Jadual 4.2

Senarai maklumat awan dalam genera tersebut:

Jenis Awan	Penampilan	Altitud
Kumulonimbus	Kepala petir	Dekat dengan permukaan hingga atas 50,000 kaki
Sirostratus	Nipis, jarang, berada di atas kepala petir	Atas 18,000 kaki
Sirus	Nipis, biasanya bersama “ekor kuda betina”	Atas 18,000 kaki
Sirokumulus	Awan gebu kecil	Atas 18,000 kaki
Altostratus	Nipis, seragam, kadangkala bersama jalur korduroi yang luas”	6,000 - 20,000 kaki
Altokumulus	Awan gebu saiz sederhana	6,000 - 20,000 kaki
Stratokumulus	Luas dan rata di bahagian bawah, gebu di puncak	Bawah 6,000 kaki
Kumulus	Awan gebu	Bawah 6,000 kaki
Stratus	Seragam, awan berlapis tebal kepada nipis	Bawah 6,000 kaki

Sumber: <http://www.educationcaribbean.com/resources/encyclopaedia/geography/clouds.asp>

⁴¹⁰ Office National Meteorologique, *International Atlas of Clouds and of States of the Sky* (t.tp.: Paris, 1932), II.


⁴¹¹ “What are clouds and how do they form?” dikemas kini 22 April 2013, dicapai pada 28 September 2013, <http://www.metoffice.gov.uk/learning/clouds/what-are-clouds>

Satu awalan biasanya diberikan pada nama awan untuk menunjukkan tahap ketinggian awan dalam atmosfera. Awalan tersebut adalah seperti berikut⁴¹²:

1. Awalan “siro” merujuk kepada awan yang terletak lebih 6000 meter (20000 kaki) di atas bumi. Awan sirokumulus dan sirostratus adalah dua contoh awan “peringkat tinggi” ini.
2. Awalan “alto” menunjukkan awan yang berada antara 2000 dan 6000 meter (6500-20000 kaki) di atas bumi, seperti awan altokumulus dan altostratus. Awan-awan tersebut dianggap awan “peringkat pertengahan” dan kebanyakannya terdiri daripada titisan-titisan air bersinar.

Selain itu awalan “nimbo” atau akhiran “-nimbus” ditambah pada nama awan yang menghasilkan hujan.⁴¹³ “Nimbus” merupakan perkataan Latin bagi awan hujan atau petir.⁴¹⁴ Dua contoh jenis awan ini adalah awan nimbostratus dan kumulonimbus.

Rajah 10 di bawah menunjukkan gambar jenis-jenis awan:



Rajah 10

Sumber: <http://apollo.lsc.vsc.edu/classes/met130/notes/chapter5/summary.html>

⁴¹² “Cloud”, laman sesawang National Geographic, dicapai 29 September 2013, http://education.nationalgeographic.co.uk/education/encyclopedia/cloud/?ar_a=1

⁴¹³ “Cloud Classifications”, dicapai pada 30 September 2013, <https://umdrive.memphis.edu/g-sig/www/clouds.htm>

⁴¹⁴ Strahler, Arthur Newell, *Physical Geography* (New York: Wiley, 1960), 143.

Mutakhir ini ahli meteorologi mengklasifikasikan awan kepada empat keluarga yang disusun mengikut ketinggian awan tersebut di atmosfera: awan tinggi, awan pertengahan, awan rendah dan awan dengan perkembangan vertikal.⁴¹⁵ Pembahagian *genera* mengikut klasifikasi tersebut adalah seperti berikut⁴¹⁶:

1. Awan rendah: Stratokumulus dan Stratus.
2. Awan pertengahan: Altokumulus.
3. Awan tinggi: Sirus, Sirokumulus dan Sirostratus.
4. Awan dengan perkembangan vertikal: Altostratus, Nimbostratus, Kumulus dan Kumulonimbus.

Apa yang menjadi fokus daripada perihal awan di atas ialah terdapat kategori awan yang dikenal pasti berpotensi menurunkan hujan iaitu awan yang mempunyai awalan “nimbo” atau akhiran “-nimbus”. Awan-awan tersebut ialah⁴¹⁷:

1. Awan Nimbostratus:

Membawa hujan yang berterusan dan boleh bertahan selama berjam-jam. Awan ini adalah penuh dengan lembapan.

2. Awan Kumulonimbus: Juga dipanggil *Thunderheads* (Kepala Petir). Awan ini menghasilkan hujan, guruh dan kilat. Kebanyakan awan cumulonimbus terbentuk di sepanjang perenggan sejuk, di mana udara sejuk ditekan di bawah udara panas. Kebiasaannya awan ini menyusut apabila menjelang petang dan kelembapan dalam udara menyejat. Awan cumulonimbus secara beransur-ansur menjadi awan stratocumulus.

⁴¹⁵ *Ibid*, 142.

⁴¹⁶ “Awan”, laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia, dicapai 29 September 2013, http://www.met.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=88&Itemid=1099

⁴¹⁷ “Cloud”, laman sesawang National Geographic, dicapai 29 September 2013, http://education.nationalgeographic.co.uk/education/encyclopedia/cloud/?ar_a=1

Kedua-dua awan hujan ini juga tergolong dalam jenis awan dengan perkembangan vertikal. Pengkaji melihat perkara ini bertepatan dengan sifat-sifat awan yang dinyatakan al-Qur'an dalam menceritakan proses kejadian hujan iaitu كسفا (bergumpal-gumpal) dan ركاما (berkelompok-kelompok). Jika diperhatikan awan dengan perkembangan vertikal terbentuk adalah disebabkan awan-awan yang kecil bergabung bersama. Perkembangan vertikal tersebut kemudiannya menyebabkan badan awan menjangkau ke kawasan-kawasan yang lebih sejuk di atmosfera, di mana titisan air dan ketulan hujan batu terbentuk dan mula berkembang lebih besar dan lebih besar. Apabila titisan air dan hujan batu menjadi terlalu berat untuk arus menaik menampung kesemuanya, ia mula jatuh dari awan sebagai hujan, hujan batu dan lain-lain.⁴¹⁸

Berdasarkan penjelasan yang diutarakan, terbukti secara jelas bukan kesemua jenis awan menurunkan hujan. Allah SWT menyatakan secara tepat dan terperinci bahawa Dia menurunkan air (merujuk kepada hujan) daripada المزن yang bermaksud awan yang mempunyai air atau lebih dikenali dengan awan hujan.

Jika diterjemahkan makna المزن hanya sebagai "awan", mukjizat al-Qur'an sebagai Kalam Pencipta tidak akan terserlah kerana umum mengetahui hujan turun daripada awan. Akan tetapi dalam ayat ini Allah SWT mendatangkan kalimah "المزن" yang sudah pasti berbeza dengan "السحاب". Malah al-Qur'an sendiri menyatakan "السحاب" (awan) merupakan komponen utama dalam kejadian hujan namun di sana terdapat proses yang berlaku sebelum awan tersebut menurunkan hujan. Justeru perkataan المزن adalah kata nama kepada awan selepas berlakunya transformasi dalam proses tersebut.. Penterjemahan makna seumpama ini akan memberi impak yang besar

⁴¹⁸ "The Formation of Rain", laman sesawang The Miracles of The Qur'an, dicapai pada 27 September 2013, http://miraclesofthequran.com/scientific_44.html#56

bagi mereka yang pakar dalam bidang meteorologi khasnya dan masyarakat awam amnya betapa hebat dan hebatnya al-Qur'an.

Sementara itu pendapat yang dikemukakan para *mufassir* dilihat tidak bercanggah dengan terjemahan makna “awan hujan” kerana mereka sekadar menyatakan tafsiran kepada المزن yang secara umumnya adalah awan tanpa sebarang pengkhususan.

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan terjemahan makna bagi المزن ialah “awan hujan” serta diberikan penjelasan terdapat pelbagai jenis awan dan tidak kesemuanya menurunkan hujan.

b. يسبحون (Yasbahūn)

Kalimah yang menjadi perbincangan dalam ayat 40 surah Yāsīn adalah “يسبحون” dan kebanyakan terjemahan makna yang diberikan ialah “beredar” kecuali Tafsir Qur'an Per Kata yang menggunakan perkataan “berenang”.⁴¹⁹ Hal ini telah menimbulkan persoalan mengapa al-Qur'an telah mengetengahkan sesuatu yang berbeza apabila mengguna pakai istilah “يسبحون” yang secara literal bermaksud berenang apabila berbicara perihal gerakan objek di angkasa raya, walhal istilah yang lazim diguna pakai dalam bahasa Melayu untuk pergerakan objek di angkasa raya antaranya ialah putaran dan peredaran.

⁴¹⁹ Lihat perbincangan dalam Bab 3, halaman 117-118.

Pemilihan perkataan tersebut secara tetap dan pasti mengandungi hikmah *uluhiyyah* kerana hanya Allah SWT yang lebih mengetahui tentang ciptaanNya. Tugas kita sebagai hamba adalah memerhatikan setiap ciptaan dalam usaha menambahkan keyakinan terhadap kebesarannya. Dalam satu ayat yang lain Allah SWT menyatakan perkara yang sama iaitu dalam ayat ke-33 surah al-Anbiyā' sebagaimana berikut:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

Terjemahan makna:

“Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas).” [Surah al-Anbiyā' (21): Ayat 33]

Dalam mentafsirkan frasa “كل في فلك يسبحون” para *mufasssir* berbeza pandangan dalam beberapa perkara, antara ialah lafaz “كل”. Al-Ḥasan mengatakan lafaz tersebut merujuk kepada matahari, bulan dan bintang-bintang⁴²⁰, Ibnu Kathīr berpendapat ia merujuk kepada malam, siang, matahari dan bulan⁴²¹, al-Zamakhsharī mengatakan ia merujuk kepada matahari-matahari dan bulan-bulan⁴²² manakala Wahbah al-Zuhaylī berpandangan ia merujuk kepada matahari, bulan, seluruh planet dan bintang-bintang.⁴²³

Perkara lain yang turut dibahaskan adalah maksud “فلك”. Ibn ‘Abbās dan al-Saddī berpendapat ia adalah langit. Ada *mufasssir* mengatakannya sebagai ombak (gelombang) yang tidak kelihatan di bawah langit di mana matahari dan bulan bergerak padanya.⁴²⁴ Mujāhid dan Ibn Jarīḥ berpendapat فلك seperti keadaan besi pengisar,⁴²⁵

⁴²⁰ Al-Māwardī, *al-Nukat wa al-Uyūn*, 5:18.

⁴²¹ Al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 11:374.

⁴²² Al-Zamakhsharī berpandangan sedemikian kerana kedua-duanya terbit dan terbenam seolah-olah banyak matahari dan bulan, lihat al-Zamakhsharī, Maḥmūd Ibn ‘Umār, *al-Kashshāf ‘an Ḥaqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl* (Riyād: Maktabah al-‘Abīkān, 1998), 5:180.

⁴²³ Al-Zuhaylī, Wahbah, *Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhāj* (Beirut: Dār al-Fikr, 1998), 17:47.

⁴²⁴ Al-Andalūsī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, 6:288.

Qatādah berpendapat ia merupakan satu putaran di langit di mana bintang-bintang berputar bersamanya dan langit berkeadaan tetap. Dikatakan juga *فلك* sebagai kutub di mana bintang-bintang berputar padanya iaitu kutub utara.⁴²⁶

Al-Ṭabarī mengambil pendekatan *tawaqquf* dengan mengatakan bentuk-bentuk seperti besi pengisar, ombak (gelombang) yang tersembunyi dan kutub langit adalah mungkin bagi *فلك* kerana dalam percakapan Arab *فلك* merupakan setiap sesuatu yang berputar.⁴²⁷ Sementara al-Ḍaḥḥāk berpendapat ia bukan satu jisim tetapi merupakan tempat putaran bintang-bintang.⁴²⁸

Sementara kalimah *يسبحون* terdapat tiga pendapat berhubung makna kalimah tersebut iaitu⁴²⁹:

1. *يجرون* (bergerak) Ibn ‘Abbās
2. *يدورون* (mengelilingi/beredar). ‘Ikrimah dan Mujāhid
3. *يعملون* (bekerja) al-Ḍaḥḥāk

Terdapat perselisihan mengenai cara pergerakan tersebut dan al-Rāzī menyatakan di sana terdapat tiga kemungkinan; sama ada *فلك* tidak bergerak dan bintang-bintang bergerak seperti gerakan ikan di air bertakung; atau kedua-dua *فلك* dan bintang-bintang bergerak searah atau berlawanan; atau *فلك* bergerak dan bintang-bintang tidak bergerak. Namun beliau menegaskan *فلك* tidak bergerak dan bintang-bintang

⁴²⁵ Al-Ṭabarī, *Jāmi’ al-Bayān*, 16:264-265.

⁴²⁶ Al-Andalūsī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, 6:288.

⁴²⁷ Al-Ṭabarī, *Jāmi’ al-Bayān*, 16:266.

⁴²⁸ Al-Andalūsī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, 6:288.

⁴²⁹ Al-Māwardī, *al-Nukat wa al-‘Uyūn*, 5:18-19.

bergerak seperti gerakan ikan di air.⁴³⁰ Ibn Kathīr pula menukilkan pandangan Ibn ‘Abbās yang mengatakan ia adalah sebagaimana berputarnya rahat⁴³¹ ketika menggulung benang.⁴³²

Pengkaji kemudiannya merujuk kepada aspek bahasa untuk mendapatkan makna yang lebih dalam. فلك mempunyai beberapa maksud antaranya tempat peredaran bintang-bintang dan ombak. Terdapat dalam penceritaan ‘Abdullah Ibn Mas’ūd:

أَنَّ رَجُلًا أَتَى رَجُلًا وَهُوَ جَالِسٌ عِنْدَهُ فَقَالَ إِنِّي تَرَكْتُ فَرَسَكَ كَأَنَّهُ يَدُورُ فِي فَلَكٍ

Terjemahan makna:

“Seorang lelaki telah mendatangi seorang lelaki dalam keadaan dia duduk di sisi lelaki tersebut, kemudiannya dia berkata “Aku telah meninggalkan kepadamu kudaku seolah-olah ia berpusing-pusing di falak.”

Abū ‘Ubayd mengatakan maksud “falak” dalam kisah di atas ada dua pendapat iaitu merujuk secara umum kepada falak langit di mana berputarnya bintang-bintang dan sebahagian orang Arab juga mengatakan “falak” ialah ombak (gelombang). Apabila berombak di laut menyebabkan tidak keruan dan inilah yang sebetulnya dengan perumpamaan tersebut.⁴³³

Ibnu ‘Ashūr berpendapat kalimah “فلك” merupakan antara istilah al-Qur’an yang kemudiannya digunakan oleh ulama di mana kalimah tersebut adalah yang paling sesuai dalam menggambarkan tempat peredaran yang ditetapkan yang berfungsi menyusun atur perjalanan bintang, terutama perjalanan matahari dan bulan. Paling ketara adalah al-Qur’an memindahkan perkataan tersebut daripada “فلك البحر” (ombak laut) iaitu ombak yang bergulung.⁴³⁴

⁴³⁰ Al-Rāzī, Muḥammad Ibn ‘Umar, *Mafātīḥ al-Ghayb* (Beirut: Dār al-Fikr, 1981), 26:76-77.

⁴³¹ Rahat ialah alat bulat seumpama roda yang digunakan bagi menggulung benang.


⁴³² Al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 11:365.

⁴³³ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 5:3464.

⁴³⁴ Ibn ‘Ashūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 17:61.

Fakta sains moden menyatakan bulan berputar pada paksinya dan dalam masa yang sama beredar mengelilingi bumi dalam orbit berbentuk bujur atau *ellipse*.⁴³⁵ Begitu juga bumi turut berputar dan beredar mengelilingi matahari dalam orbit berbentuk bujur atau *ellipse*.⁴³⁶ Fakta ini dilihat menepati maksud “falak” dalam erti kata tempat peredaran. Namun harus diingat terdapat satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian iaitu Allah SWT menyebut bahawa kesemuanya *يسبحون* “berenang” dalam “falak” tersebut. Hal ini kerana Allah SWT tidak menggunakan secara langsung perkataan “bergerak” atau “beredar”.

Persoalan yang timbul seterusnya ialah bagaimana sesuatu yang berputar dan beredar dalam orbit yang berbentuk *ellipse* dikhabarkan oleh Allah SWT bahawa ia berenang? Dalam menjelaskan hal ini perihal renang harus diberi perhatian yang khusus. Jika diperhatikan ikan berenang dengan melenturkan badan dan ekor belakang dan keluarnya. Ikan meregangkan atau mengembangkan otot pada satu sisi badan, sementara merehatkan otot pada sisi yang lain. Gerakan tersebut adalah dalam satu bentuk dipanggil “wave motion” bermaksud gerakan berombak/gelombang, yang menggerakkan ikan ke hadapan di dalam air.⁴³⁷ (rujuk Rajah 11)



Rajah 11


Sumber: http://www.tpwd.state.tx.us/kids/wild_things/fish/howdofishswim.phtml

⁴³⁵ Fred Espenak, “Eclipses and the Moon’s Orbit”, laman sesawang NASA, dicapai pada 29 September 2013, <http://eclipse.gsfc.nasa.gov/SEhelp/moonorbit.html>

⁴³⁶ “Elliptical Orbit”, laman sesawang Caltech Submillimeter Observatory, dicapai pada 29 September 2013, http://www.cso.caltech.edu/outreach/log/NIGHT_DAY/elliptical.htm

⁴³⁷ “How Do Fish...SWIM?”, laman sesawang Texas Parks and Wildlife, dicapai pada 30 September 2013, http://www.tpwd.state.tx.us/kids/wild_things/fish/howdofishswim.phtml

Bagaimanakah sesuatu yang bergerak dalam orbit berbentuk *ellipse* dikhabarkan oleh Allah SWT bahawa ia bergerak dengan cara berenang? Situasi ini dapat dijelaskan apabila bulan berputar pada paksinya dan dalam masa yang sama beredar mengelilingi bumi. Ini menyebabkan bulan kadang-kadang berada di sebelah hadapan bumi, kanan, kiri dan belakang. Pergerakan ini secara tidak langsung menghasilkan gerakan berombak/gelombang⁴³⁸ seakan-akan renangan ikan daripada satu sudut penglihatan. (rujuk Rajah 12)



Rajah 12: Sistem peredaran bumi-bulan mengelilingi matahari.


Sumber: Astronomy: A Self-teaching Guide

Bumi juga turut beredar mengelilingi matahari dalam pergerakan yang sama seperti bulan mengelilingi bumi. (rujuk Rajah 13) Hal ini kerana matahari mengorbit Galaksi Bima Sakti yang mengambil masa 226 juta tahun untuk sepenuhnya mengelilingi pusat Bima Sakti⁴³⁹ dengan kelajuan 8 00 000 km/j.⁴⁴⁰

⁴³⁸ Moché, Dinah L., *Astronomy: A Self-teaching Guide* (cet. ke-6, Hoboken, N.J.: Wiley, 2004), 260.

⁴³⁹ Fraser Cain, "Sun Orbit", laman sesawang Universe Today, dicapai pada 30 September 2013, <http://www.universetoday.com/18028/sun-orbit/>


⁴⁴⁰ Bennett, Jeffrey O., *The Cosmic Perspective* (cet. ke-5, San Francisco, CA: Pearson Addison-Wesley, 2008), 21.



Rajah 13

Sumber: <http://www.quranandscience.com/islam-and-science-universe/257-all-swimming-in-an-orbit.html>

Matahari juga mengelilingi galaksi Bima Sakti dalam gerakan yang sama seperti bulan dan bumi. (rujuk Rajah 14) Hal ini kerana Bima Sakti adalah sebahagian daripada Local Group, yang bergerak relatif kepada sinaran Cosmic Microwave Background dalam kelajuan kira-kira 600 km/s (2,200,000 km/j).⁴⁴¹




Rajah 14

Sumber: <http://www.quranandscience.com/islam-and-science-universe/257-all-swimming-in-an-orbit.html>

Namun bagaimana pula dengan maksud lain bagi “falak” iaitu “ombak/gelombang”? Jika diperhatikan kalimah “berenang” lebih sesuai apabila Allah menggunakan terma “يسبحون” dan mempunyai perkaitan dengan ombak/gelombang. Dalam erti kata lain maksud ayat tersebut ialah “Setiap satunya berada di ombak/gelombang dalam keadaan berenang”.

⁴⁴¹ Nicholos Wethington, “Facts About the Milky Way”, laman sesawang Universe Today, dicapai pada 30 September 2013, <http://www.universetoday.com/22285/facts-about-the-milky-way/>

Terlebih dahulu, perhatian harus diberikan kepada proses kejadian ombak. Ombak terjadi disebabkan oleh angin, air membentuk gelombang menegak tetapi angin yang menyebabkan ombak tersebut bergerak. Ombak merupakan hasil daripada partikel air yang bergerak dalam bentuk bulatan yang secara berperingkat berubah kepada bentuk *ellipse* apabila angin bertambah kuat atau apabila ombak menghampiri pantai.⁴⁴² (rujuk Rajah 15)



Rajah 15


Sumber: *Pemuliharaan Laut*

Gambaran ayat tersebut akan lebih jelas apabila suatu objek yang berbentuk sfera dihanyutkan di tengah pantai. Objek yang terapung di permukaan ombak tersebut akan kelihatan bergerak ke atas dan ke bawah mengikut bentuk yang bulat atau bujur, Tetapi jika objek ini bergerak ke atas dan ke bawah dan pada masa yang sama, ia mengikut jejak ombak, dengan bergerak ke hadapan bersama ombak, ia akan kelihatan berenang bagi pandangan luar, tetapi masih kelihatan bergerak dalam laluan bulat atau bujur bagi pandangan yang ditumpukan di dalam atau pada objek itu.⁴⁴³ (rujuk Rajah 16) Gabungan kedua-dua elemen tersebut menjelaskan bagaimana sesuatu yang bergerak dalam orbit yang berbentuk *ellipse* boleh dilihat berada dalam keadaan

⁴⁴² Parramon Ediciones, S. A., *Pemuliharaan Laut*, terj. Pustaka Ekologi Junior (Selangor: Pelangi Library Sdn. Bhd., 1998), 6.


⁴⁴³ Wasfi Amin Alshudaifat, "All Swimming In An Orbit", laman sesawang Quran & Science, dicapai pada 30 September 2013, <http://www.quranandscience.com/islam-and-science-universe/257-all-swimming-in-an-orbit.html>

berenang. Pergerakan ini turut menghasilkan pergerakan yang melengkung ke atas dan ke bawah seperti renangan ikan sebelum ini. (rujuk Rajah 17)



Rajah 16

Sumber: http://www.iupui.edu/~geol110/11_oceans/lect05.html




Rajah 17

Sumber: http://commons.wikimedia.org/wiki/File:PSM_V13_D179_Wave_formation_by_circular_motion.jpg

Apa yang membezakan antara kedua-dua gerakan tersebut hanyalah bagaimana ayat tersebut difahami walaupun berbeza pada maksud “falak” sama ada “tempat peredaran” atau “ombak/gelombang”. Pokoknya, “renangan” adalah bukan satu pergerakan yang lurus. Namun pengkaji berpendapat konsep gerakan yang kedua dilihat lebih praktikal dan merangkumi pergerakan dan peredaran objek di angkasa raya.

Berikut adalah lakaran orbit berombak bulan di sekitar orbit berombak bumi, juga menunjukkan kedua-dua orbit berombak bumi dan bulan sekitar orbit berombak matahari, sementara kesemua orbit bulan, bumi dan matahari berombak dalam satu orbit, di sekitar pusat galaksi Bima Sakti. (rujuk Rajah 18)



Rajah 18

Sumber: <http://www.quranandscience.com/islam-and-science-universe/257-all-swimming-in-an-orbit.html>

Berdasarkan penjelasan yang telah diberikan, pengkaji berpendapat terjemahan makna kepada “يسبحون” adalah tidak memadai diterjemahkan dengan “beredar” kerana peredaran menurut Kamus Dewan ialah sesuatu siri perubahan (berkenaan keadaan, benda, dan lain-lain) yang berulang-ulang atau yang akan kembali kepada keadaan asalnya⁴⁴⁴ sebagai contoh bulan kembali mengelilingi bumi pada tempat yang sama selepas setahun. Hakikatnya seluruh alam semesta sedang mengembang dan saling berjauhan⁴⁴⁵, mustahil berlaku pengulangan dalam perkara tersebut.

Terjemahan makna “beredar terapung-apung” juga tidak tepat kerana pergerakan objek di angkasa raya bukan bergerak secara terapung malah lebih terperinci iaitu dalam pergerakan berombak. Pada saat saintis masih mengkaji pergerakan objek di alam semesta, al-Qur’an telah menyatakan pergerakan tersebut adalah secara renangan. Penjelasan pengkaji ini juga adalah berdasarkan penemuan semasa dan bukanlah sesuatu yang muktamad kerana sains sentiasa berkembang, apa yang pasti al-Qur’an menyatakan hakikat sebenar penciptaan.

⁴⁴⁴ Noresah, *Kamus Dewan*, 376.

⁴⁴⁵ Bennett, *The Cosmic Perspective*, 19.

Pengkaji mencadangkan terjemahan makna kepada perkataan “يسبحون” ialah “berenang” sesuai dengan makna zahir perkataan tersebut dan diberikan sedikit penjelasan tentang konsep yang digunakan dalam pemahaman ayat tersebut.

4.3 Kesimpulan

Hasil analisis terhadap terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu yang berdasarkan skop kajian secara umum melibatkan permasalahan berikut:

1. Penciptaan haiwan:

Penentuan jantina bagi kalimah *al-naḥl* yang membina sarang dan mencari madu, *namlah* yang berkata-kata dan *al-‘ankabūt* yang membina sarang selain penentuan bilangan sama ada tunggal atau jamak bagi lebah.

2. Penciptaan tumbuhan:

Peringkat pematangan buah kurma bagi peringkat *ruṭab*.

3. Penciptaan manusia:

Terjemahan makna perkataan *‘alaqah* dan *mudghah* mengikut ilmu embriologi dan teknologi moden.

4. Penciptaan bumi:

Pemilihan makna bagi perkataan *adnā* berdasarkan konteks ayat dan impak penerangan ringkas kepada perkataan yang rumit iaitu *qīṭa‘ mutajāwirāt*.

5. Penciptaan langit:

Pengkhususan jenis awan bagi perkataan *al-muzn* dan rahsia di sebalik penggunaan perkataan *yasbahūn* oleh al-Qur'an.

Ayat-ayat tersebut kemudiannya dianalisis berdasarkan *tafsīr 'ilmī* untuk menjawab persoalan-persoalan yang timbul dalam usaha menyasikan terjemahan makna ayat tersebut dengan *tafsīr 'ilmī*. Hasil analisis adalah seperti berikut:

1. Penciptaan haiwan:

Jantina bagi lebah yang membina sarang dan mencari madu, semut yang berkata-kata dan labah-labah yang membina sarang adalah feminin (mu'annath), sementara bilangan bagi lebah pula adalah jamak.

2. Penciptaan tumbuhan:

Berlaku ketidak tepatan dalam memahami terjemahan makna istilah bahasa Arab dalam perihal peringkat pematangan buah kurma pada peringkat *ruṭab*. *Ruṭab* merupakan peringkat buah kurma sebelum *tamr* di mana teksturnya masih lembut kerana kandungan air yang banyak.

3. Penciptaan manusia:

Terjemahan makna bagi perkataan '*alaqah* dan *mudghah* tidak syumul dan tidak bersifat kontemporari kerana kedua-duanya mempunyai pelbagai maksud dari segi bahasa dan penemuan sains menunjukkan ciri-ciri embriologi pada peringkat '*alaqah* dan *mudghah* menepati kesemua maksud tersebut.

4. Penciptaan bumi:

Terdapat dua terjemahan makna yang sesuai dengan perkataan *adnā al-'ard* dalam konteks ayat tersebut yaitu “paling dekat” dan “paling rendah. Sementara penjelasan ringkas kepada perkataan yang rumit yaitu *qīṭa' mutajāwirāt* memberikan dampak yang besar kepada pemahaman ayat tersebut.

5. Penciptaan langit:

Penterjemahan makna yang bersifat umum kepada perkataan *al-muzn* sebagai awan perlu dikhususkan kepada jenis awan hujan. Sementara penggunaan terjemahan makna asal bagi perkataan *yasbahūn* dalam erti kata “berenang” lebih sesuai berbanding takwilan dengan makna yang lain.

Oleh yang demikian, terjemahan makna yang dicadangkan berdasarkan hasil analisis ialah sebagaimana berikut:

Penciptaan haiwan:

1. النحل: Lebah-lebah (betina)
2. نملة: Seekor semut (betina)
3. العنكبوت: Labah-labah (betina)

Penciptaan tumbuhan:

1. رطباً: Kurma basah

Penciptaan manusia:

1. علقة: Segumpal darah yang mempunyai ciri-ciri lintah
2. مضغة: Seketul daging kecil yang dikunyah

Penciptaan bumi:

1. أدنى الأرض : Tempat paling dekat lagi rendah
2. قطع متجاوات : Bahagian-bahagian yang berhampiran (berlainan keadaannya)

Penciptaan langit:

1. المزن : Awan hujan
2. يسبحون : Berenang

Konklusinya, hasil kajian ini menunjukkan peri penting aktiviti penterjemahan makna al-Qur'an dirujuk kepada tafsir yang berkaitan dan dilakukan oleh pakar-pakar dalam pelbagai bidang. Ini adalah untuk menjamin terjemahan makna yang betul-betul layak dan bersifat kontemporari kepada ayat al-Qur'an.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Setelah kajian analisis terhadap terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu berdasarkan *tafsīr 'ilmī* dijalankan secara ilmiah, dalam bab ini pengkaji mengemukakan rumusan berpandukan kajian tersebut. Seterusnya pengkaji cuba mengesyorkan beberapa cadangan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam usaha pemurnian dan penambahbaikan kepada budaya ilmu yang sedia ada.

5.2 Rumusan

Terjemahan al-Qur'an memainkan penting dalam usaha masyarakat memahami isi kandungan al-Qur'an melalui bahasa masing-masing memandangkan individu mahir dalam bahasa Arab adalah minoriti. Atas rasa tanggungjawab para ulama setempat di seluruh dunia telah berusaha sedaya upaya untuk menterjemahkan al-Qur'an ke dalam bahasa yang mudah difahami masyarakat masing-masing.

Namun demikian terjemahan al-Qur'an sudah pasti tidak sama tarafnya dengan al-Qur'an memandangkan al-Qur'an merupakan mukjizat di mana sekalian manusia dan jin tidak akan mampu mendatangkan sesuatu sepertinya walau mereka bersatu sekalipun. Oleh yang demikian, al-Qur'an hanya dapat diterjemahkan berdasarkan makna asal atau pertama, malah ia melibatkan sebahagian kecil sahaja makna tersebut mengikut keupayaan pemahaman manusia berdasarkan kaedah-kaedah yang dipraktikkan

seperti menerusi kaedah-kaedah bahasa Arab, keterangan hadith dan tidak pula bercanggah dengan al-Qur'an itu sendiri. Rentetan daripada perkara tersebut, penggunaan istilah "terjemahan makna" adalah dilihat lebih sesuai.

Terdapat beberapa permasalahan dalam penterjemahan makna al-Qur'an yang menyebabkan sesuatu perkataan atau ayat al-Qur'an tidak diterjemahkan dengan betul. Faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan tersebut ialah terbatasnya kemahiran dalam ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an. Rentetan itu wujud cadangan penterjemahan makna al-Qur'an dilakukan oleh jawatankuasa yang dianggotai oleh golongan pakar dalam bidang ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an seperti bahasa Arab, bahasa pengantar yang digunakan, tafsir dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengan al-Qur'an.

Dalam al-Qur'an terdapat beberapa jenis ayat berdasarkan isi kandungannya, antaranya ialah *āyat kawniyyat*. Ditakrifkan sebagai ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai kaitan dengan ciptaan atau alam semesta sama ada secara langsung atau tidak langsung, *āyat kawniyyat* merupakan satu aspek yang cukup penting berdasarkan bilangan ayatnya yang mencakupi hampir satu perenam daripada al-Qur'an. Oleh yang demikian *āyat kawniyyat* perlu diberikan perhatian yang sama sebagaimana ayat-ayat hukum, sejarah, akhlak dan sebagainya.

Perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologi yang pesat dewasa ini menyaksikan hakikat penciptaan yang dinyatakan melalui *āyat kawniyyat* dalam al-Qur'an dapat dijelaskan melalui sains. Terdapat sebahagian *mufasssir* yang menjadikan sains sebagai penjelas kepada *āyat kawniyyat* dalam pentafsiran mereka sehingga lahir

aliran baru dalam tafsir iaitu *tafsīr ‘ilmī*. Walaupun aliran ini mendapat tentangan sebahagian pihak namun ada juga yang mengharuskannya dengan syarat-syarat tertentu.

Justeru satu penilaian semula mesti dilakukan terhadap terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan-terjemahan al-Qur’an sedia ada agar selari dengan *tafsīr ‘ilmī*. Hal ini adalah penting bagi memastikan masyarakat disajikan dengan maklumat yang tepat dan terkini agar kefahaman yang optimum terhadap al-Qur’an dapat dicapai, seolah-olah al-Qur’an baru sahaja diturunkan. Selain itu, ini dapat mengelakkan mereka daripada memandang al-Qur’an sekadar kitab untuk dibaca bukan untuk dikaji dan dihayati.

Namun demikian, penilaian semula tersebut bukanlah bermaksud menafikan usaha-usaha para ulama sebelumnya yang bertungkus-lumus menterjemahkan makna al-Qur’an. Mereka telah memberikan komitmen yang jitu dalam usaha tersebut berdasarkan pengetahuan dan kemudahan mereka pada ketika itu. Hal ini dibuktikan dengan penghasilan pelbagai jenis terjemahan al-Qur’an dan menjadi rujukan masyarakat setempat. Malah ada yang masih kekal menjadi rujukan hingga ke hari ini. Penilaian ini hanyalah sekelumit usaha pengkaji sebagai tanda penghormatan terhadap hasil karya ulama sebelumnya yang ibarat langit dengan bumi.

Hasil pemerhatian mendapati terdapat beberapa *āyat kawniyyat* yang tidak selari dengan fakta semasa telah dikenal pasti berdasarkan skop kajian dan perbandingan terjemahan makna ayat tersebut dilakukan terhadap kesemua terjemahan al-Qur’an. Wujud beberapa perbezaan antara terjemahan makna yang diberikan namun banyak juga persamaan. Ayat-ayat tersebut kemudiannya dianalisis berdasarkan *tafsīr ‘ilmī* agar wujud keserasian antara keduanya.

Hasil analisis adalah sangat memberangsangkan kerana beberapa penambahbaikan telah diterapkan dalam terjemahan makna ayat tersebut. *Tafsīr ‘ilmī* memainkan peranan penting dalam memberikan nafas baru kepada bidang penterjemahan makna al-Qur’an terutama kepada *āyat kawniyyat*. Secara tidak langsung kajian ini menjadi satu model yang akan menjadi ikutan dalam usaha pemurnian dan penyemakan semula terjemahan al-Qur’an sedia ada.

Pengkaji melihat penterjemahan makna yang tidak tepat akan menyebabkan berlaku salah faham terhadap ayat. Sebagai contoh terjemahan makna *ruṭab* dengan kurma/tamar, masyarakat umum akan menganggap bahawa apa yang dimaksudkan oleh al-Qur’an ialah sebarang jenis buah kurma tanpa mengetahui *ruṭab* ialah kurma pada peringkat kandungan airnya masih banyak. Justeru dengan terjemahan makna “kurma basah” akan menyedarkan masyarakat akan keistimewaan buah kurma pada peringkat pematangan yang berlainan.

Selain itu, penterjemahan makna yang bersifat kontemporari seperti *‘alaqah* dengan makna “segumpal darah yang mempunyai ciri-ciri lintah” akan menarik minat masyarakat bukan Islam khususnya untuk menerokai kehebatan al-Qur’an dan masyarakat Muslim amnya. Diharap agar mereka menemui hidayah melalui perantaraan al-Qur’an seperti mana tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang embriologi memeluk Islam setelah mengetahui hakikat kebenaran al-Qur’an.

5.3 Saranan

Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati terdapat dua perkara yang boleh dijadikan kajian pada masa akan datang:

a. Kajian mengenai penterjemahan makna al-Qur'an

Kajian pengkaji hanya terhad kepada penterjemahan makna *āyat kawniyyat*. Ruang untuk menilai kembali terjemahan makna pelbagai jenis ayat al-Qur'an masih terbuka luas kerana terdapat banyak ayat yang disalah terjemah sehingga membawa persepsi yang salah dalam kalangan masyarakat. Hal ini dapat dibendung melalui penilaian semula terjemahan makna al-Qur'an oleh pakar dalam bidang masing-masing agar objektif penurunan al-Qur'an dapat dicapai.

b. Kajian mengenai terjemahan makna *āyat kawniyyat*

Dalam kajian ini, salah satu topik yang menjadi fokus pengkaji adalah mengenai terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu dan kajian pengkaji hanya difokuskan kepada skop tertentu. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepada individu yang berminat agar memperluaskan kajian terjemahan makna *āyat kawniyyat* dalam pelbagai skop dan aspek. Selain itu, kajian boleh dilakukan terhadap terjemahan makna al-Qur'an bahasa-bahasa asing.

5.4 Penutup

Usaha untuk mengemaskinikan dan menambah nilai kualiti terjemahan al-Qur'an sedia di samping mengelakkan daripada sebarang kesilapan yang boleh memberikan tanggapan negatif terhadap al-Qur'an merupakan usaha yang cukup murni dan diberikan tumpuan yang sewajarnya.

Justeru pengkaji berharap agar usaha tersebut diteruskan dan bidang penterjemahan al-Qur'an terus berkembang seiring dengan kemajuan ilmu dan teknologi alaf baru yang seterusnya dapat membentuk masyarakat yang mengkaji dan menghayati al-Qur'an.

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-Karīm bi al-Rasm al-'Uthmānī Muṣṣaḥḥ al-Madīnah al-Munawwarah.

Buku

- 'Abbās, Fadl Hasan, *al-Tafsīr Asāsīyyātuh wa Ittijāhātuh* (Amman: Maktabah Dandis, 2005).
- 'Abd al-Bāqī, Muḥammad Fu'ād, *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān*. (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1945).
- 'Abd al-Karīm Maḥmūd Yusuf, *Uslūb al-Istifhām fi al-Qur'ān al-Karīm Gharadhuh, I'rābuh* (Dimashq: Tawzī' Maktabah al-Ghazzālī, 2000).
- 'Abd al-Sattār Faṭḥ Allah Sa'īd, *al-Madkhal ilā al-Tafsīr al-Mawḍū'ī*. (cet. ke-2, Kaherah: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islamiyyah, 1991).
- 'Alī Al-Ṣābūnī, *al-Tibyān fi 'Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1985).
- 'Alī Ja'far, Muḥammad Muslim & al-Sarḥān, Muḥy Hilāl, *Manāhij al-Mufasssirīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1980).
- 'Atar, Nūr al-Dīn, *'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm* (Dimashq: Maṭba'at al-Ṣabāḥ, 1993).
- 'Umar, Aḥmad Mukhtār, *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āṣirah* (Kaherah: 'Ālam al-Kutub, 2008).
- 'Urbūn, Muḥammad al-Ṣādiq, *al-Qur'ān al-'Aẓīm: Hidāyatuh wa I'jāzuh fi Aqwāl al-Mufasssirīn* (Dār al-Ittiḥād al-'Arabī, 1996).
- Abdul Halim Bashah, *Rahsia Lebah* (Selangor: Pustaka Ilmi, 1997).
- Ahmad Hatta, *Tafsir Qur'an Per Kata* (cet. ke-2, Perak: Maghfirah Pustaka al-Madani Enterprise, 2012).
- Aḥmad Muḥammad, *al-Miṣbāḥ al-Munīr fi Gharīb al-Syarḥ al-Kabīr li al-Rāfi'ī*. (Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.t.).
- Al-'Ak, Khālīd 'Abd al-Raḥmān, *Usūl al-Tafsīr wa Qawā'iduh* (cet. ke-2; Beirut: Dār al-Nafā'is, 1986).
- Al-Albānī, Muḥammad Nāsir al-Dīn, *Silsilah al-Aḥādith al-Da'īfah wa al-Mawḍū'ah wa Atharuhā al-Sayyi' fi al-Ummah* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, 1992).
- Al-Andalūsī, Muḥammad Ibn Yūsuf, *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993).
- Al-Azharī, Muḥammad Bin Aḥmad, *Tahzīb al-Lughah* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabī, 2001).

- Al-Baydawi, ‘Abd Allah Ibn ‘Umar, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl* (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.).
- Al-Bughā, Muṣṭafā Dīb & Mastū, Muḥy al-Dīn Dīb, *al-Wāḍiḥ fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (cet. ke-2, Dimashq: Dār al-Kalim al-Ṭayyib, 1998).
- Al-Bukhārī, Muḥammad Ibn Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyah, 1979).
- Al-Ḍarīr, Isma‘īl Aḥmad, *Wujūh al-Qur’ān al-Karīm* (Dimashq: Dār al-Saqā, 1996).
- Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusayn, *al-Tafsīr wa al-Mufasssirūn* (cet. ke-7, Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000).
- Al-Dimashqī, Ismā‘īl Bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Kaherah: Muassasah Qurtubah, 2000).
- Al-Fayrūzābādī, Muḥammad Ibn Ya‘qūb, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, (cet. ke-8, Beirut: Muassasah al-Risālah, 2005).
- Al-Hādī, ‘Ābd al-Mun‘im Fahīm & Barakah, Dīnā Muḥsin, *Ālam al-Nabāt fī al-Qur’ān al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1998).
- Al-Jurjānī, ‘Alī Bin Muḥammad, *Kitāb al-Ta‘rīfāt* (Beirut: Maktabah Lubnān, 1985).
- Al-Khālīdī, Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ, *Ta‘rīf al-Dārisīn bi Manāḥij al-Mufasssirīn*. (cet. ke-3, Dimashq: Dār al-Qalam, 2008).
- Al-Māwardī, ‘Alī bin Muḥammad, *al-Nukat wa al-‘Uyūn Tafsīr al-Māwardī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).
- Al-Muṣliḥ, ‘Abdullah ‘Abd al-‘Azīz & al-Sāwī, ‘Abd al-Jawwād, *al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah: Manhaj al-Tadrīs al-Jāmi‘ī* (Jeddah: Dār al-Jiyād li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2008).
- Al-Najjār, Zaghlūl, *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat fī al-Qur’ān al-Karīm* (Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyat, 2007).
- Al-Qar‘āwī, Sulaymān Ṣāliḥ, *al-Wujūh wa al-Nazā‘ir fī al-Qur’ān al-Karīm*. (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1990).
- Al-Qaṭṭān, Mannā‘, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (cet. ke-7, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997).
- Al-Qur’ān al-Karīm wa Bihāmishih Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn* (Dimashq: Dār Ibn Kathīr, t.t.).
- Al-Qur’an Cordoba The Amazing 33 in 1* (Bandung: Cordoba International Indonesia, 2012).
- Al-Qur’an dan Terjemahnya* (Madinah: Mujamma‘ Khādim al-Ḥaramayn, 1991).

- Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan* (cet. ke-2, Selangor: Yayasan Restu, 2006).
- Al-Qurṭubī, Muḥammad Bin Aḥmad, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006).
- Al-Rāghib al-Aṣfahānī, *al-Mufradāt fi Gharīb al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.).
- Al-Rāzī, Muḥammad Ibn 'Umar, *Maḥāṣin al-Ghayb* (Beirut: Dār al-Fikr, 1981).
- Al-Rāzī, Muḥammad Ibn Abī Bakr, *Mukhtār al-Ṣiḥḥah* (Beirut: Maktabah Lubnan, 1986).
- Al-Rūmī, Fahd 'Abd al-Raḥmān, *Ittijāhāt al-Tafsīr fī al-Qarn al-Rābi'* (3th ed, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1997).
- Al-Sha'rāwī, Muḥammad Mutawallī, *Tafsīr al-Sha'rāwī* (Kaherah: Dār Akhbār al-Yawm, t.tp).
- Al-Shāṭibī, Ibrahīm Bin Mūsā, *al-Muwāfaqāt* (Kaherah: Dār Ibn 'Affān, 1997).
- Al-Shiddī, 'Ādil 'Alī, *al-Tafsīr al-'Ilmī al-Tajribī li al-Qur'ān al-Karīm Judhūruhu wa Tatbīqātuhu wa al-Mawqif Minh* (Riyāḍ: Dār al-Waṭan li al-Nashr wa al-Tawzī', 2010).
- Al-Ṭabarī, Muḥammad Ibn Jarīr, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. (Kaherah: Dār Hajr, 2001).
- Al-Ṭayyār, Musā'id Sulaymān, *Fusūl fī Uṣūl al-Tafsīr* (cet. ke-3, Dammam: Dār Ibn al-Jawzī, 1999).
- Al-Tirmidhī, Muḥammad 'Isā, *Sunan al-Tirmidhi* [Kitāb al-Ṣawm, Bāb Ma Jā'a Ma Yustaḥabb 'Alayh al-Iḥṭā, no hadith 696] (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.).
- Al-Zamakhsharī, Maḥmūd Ibn 'Umār, *al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl* (Riyāḍ: Maktabah al-'Abīkān, 1998).
- Al-Zarqānī, Muḥammad 'Abd al-'Aẓīm, *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1995).
- Al-Zuhaylī, Wahbah, *Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhāj* (Beirut: Dār al-Fikr, 1998).
- Ammar Fadzil, *Anatomi al-Qur'an: Mengenal Ilmu, Sejarah & Kandungan al-Qur'an* (Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2007).
- Andersen, Alan N., *The Ants of Southern Australia: A Guide to The Bassian Fauna* (East Melbourne: CSIRO Publications, 1991).
- Attenborough, David, *Life In The Undergrowth* (London: BBC Books, 2005).

- Bennett, Jeffrey O., *The Cosmic Perspective* (cet. ke-5, San Francisco, CA: Pearson Addison-Wesley, 2008).
- Bullough, Vern L., *Encyclopedia of Birth Control* (California: ABC-CLIO, 2001).
- Carlson, Diane H. et al., *Physical Geology: Earth Revealed* (7th ed., Boston: McGraw-Hill, 2008).
- Chernicoff, Stanley & Whitney, Donna, *Geology: An Introduction To Physical Geology* (Upper Saddle River, N.J. : Pearson Prentice Hall, 2007).
- Chinery, Michael, *Spiders* (London: Whittet Book Ltd, 1993).
- Free, John B., *Bees and Mankind* (London: George Allen & Unwin Publishers, 1982).
- Hajah Noresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005)
- Hisyam Thalbah et al., *Ensiklopedia Mukjizat AlQuran Dan Hadis*. Terjemahan oleh Syarif Hade Masyah et al., (cet. ke-3; Bandung: PT Sapta Sentosa, 2009).
- Ibn ‘Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Tunisia: Dār al-Tūniyyah, 1884).
- Ibn Manẓūr, Muḥammad Ibn Mukarram, *Lisān al-‘Arāb* (Beirut: Dār al-Ma‘ārif, t.t.).
- Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu‘jam al-Wasīṭ* (cet. ke-4, Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004).
- Janet Watson, *Manusia dan Geologi*, pent. Mohamad Ali Hasan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993).
- Khalid Mahmood Shaikh, *A Study of The Qur’an & Its Teachings* (Chicago: IQRA’ International Educational Foundation, 1999).
- Kumar, Nitin, and Gareth H. McKinley, “Silk and The Earlier Spiders”. *McGraw-Hill Encyclopedia of Science and Technology*, v. 17 (10th ed.; New York, McGraw-Hill Co., 2007).
- Lewis, Trevor, *Insect Communication* (London: Academic Press, 1984).
- Maḥmūd Basyūnī Fūdah, *Nash’at al-Tafsīr wa Manāhijuh fi Ḍaw’i al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. (Kaherah: Maṭba‘ah al-Amānah, 1986).
- Mahmud Yunus, *Tafsir Qur’an Karim* (cet. ke-3, Selangor: Klang Book Centre, 1998).
- Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sek-sek (MAQDIS) Negeri Kelantan, *Geografi dan al-Qur’an* (Kota Bharu: Mega Harmoni Sdn. Bhd., 1999).
- Moché, Dinah L., *Astronomy: A Self-teaching Guide* (cet. ke-6, Hoboken, N.J.: Wiley, 2004).

- Mohd Shukri Hanapi, *Terjemahan al-Qur'an Dalam Pelbagai Perspektif* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003).
- Monroe, James S.& Wicander, Reed, *The Changing Earth : Exploring Geology And Evolution* (5th, Belmont, CA : Brooks/Cole, Cengage Learning, 2009).
- Moore, Keith L. et al., *The Developing Human: Clinically Oriented Embryology*. (8th ed., Philadelphia, PA: Elsevier Saunders, 2008).
- Muhammad Nur Lubis, *Data-data Terbitan Awal Penterjemahan & Pentaafsiran al-Qur'an di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Pustaka al-Hidayah, 2002).
- Muhammad, 'Alī Jumu'at, et al., *al-Mawsū'ah al-Qur'āniyyah al-Mutakhaṣṣiṣah* (Kaherah: Wizārah al-Awqāf Miṣr, 2002).
- Mushaf al-Masar* (Selangor: Masar Enterprise, 2010).
- Muslim, al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīh Muslim* (Riyāḍ: Dār Ṭaybah, 2006).
- Muṣṭafā Muslim, *Mabāḥith fī I'jāz al-Qur'ān*. (cet. ke-2, Riyāḍ: Dār al-Muslim, 1996).
- Office National Meteorologique, *International Atlas of Clouds and of States of the Sky* (t.tp.: Paris, 1932).
- Oster, George F., *Caste and Ecology in the Social Insects* (New Jersey: Princeton University Press, 1978).
- Parramon Ediciones, S. A., *Pemuliharaan Laut*, terj. Pustaka Ekologi Junior (Selangor: Pelangi Library Sdn. Bhd., 1998).
- Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an (30) Juz* (cet. ke-13, Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2002).
- Strahler, Arthur Newell, *Physical Geography* (New York: Wiley, 1960).
- Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference* (Jawa Barat: Sygma Publishing, 2010).
- Ṭanṭāwī Jawharī, *al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. (t.tp.: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihi bi Miṣr, 1922).
- Tarbutck, Edward J. & Lutgens, Frederick K., *Earth: An Introduction To Physical Geology* (10th ed., Upper Saddle River, NJ : Pearson/Prentice Hall, 2011).
- Terjemahan al-Hidayah al-Qur'an al-Karim* (Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd., 2009).
- The Holy Quran al-Fatih* (cet. ke-3, Jakarta Timur: PT. Media Insan Pustaka, 2012).
- Treadgold, Warren, *A History of the Byzantine State and Society* (Stanford: Stanford University Press, 1997).

Zulkifli Mohd Yusoff, *Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam al-Quran* (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2009).

Disertasi dan Tesis

Abd Rahman Abd Ghani, “Pemeliharaan Al-Qur’an: Kajian di Unit Kawalan Teks Al-Qur’an Kementerian Keselamatan Dalam Negeri” (tesis kedoktoran, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).

Ahmad Sukri Mustaffa, “Terjemahan Surah al-Baqarah: Analisis Sintaksis Dalam Tafsir al-Azhar” (disertasi Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 2003).

Mazlan Ibrahim, “Tafsir ‘Ilmiy: Sejarah Perkembangan Serta Pandangan Ahli Tafsir dan Ulama Terhadapnya” (disertasi Master, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998)

Muhammad Arsyad Abdul Majid, “Terjemahan Arab-Melayu Dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendepanan Dalam Surah al-Baqarah” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

Muhammad Nur Lubis Abd Razak, “Penterjemahan Makna al-Qur’an: Kajian Ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Qur’an” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

Nūr Hāni Muḥammad Samḥān, “Jumlah al-Khātimah fī al-Āyat al-Kawniyyat wa al-Insāniyyat Dirāsah Uslūbiyyah” (disertasi Master, Universiti Kebangsaan an-Najāḥ, Nablus, 2009).

Siti Masaliny Ismail, “Al-Ayāt al-Kawniyyāt Menurut al-Qur’an: Tumpuan Kajian Terhadap Surah al-Naḥl” (disertasi Master, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

Wan Ramizah Hasan “Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000).

Artikel Jurnal dan Prosiding

Abdul Rashid Ahmad, “Aspek-Aspek Kemukjizatan al-Qur’an”, *Jurnal al-Bayan*, j.7, (2009), 35-58.

Al-Qarḍawī, Yūsuf, “Naẓarāt fī al-Tafsīr al-‘Ilmī li al-Qur’ān”, *Jurnal Pusat Penyelidikan al-Sunnah dan al-Sirah*, no. 9, (1997), 11-39.

Andrea J. Hirscheimer & Robert B. Suter, “Functional Webs Built by Adult Male Bowl and Doily Spiders” *Journal of Arachnology*, v. 13, No. 3 (1985) 396-398.

- Bakr Zakiy 'Awd, "Al-Tafsīr al-'Ilmī li al-Āyāt al-Kawniyyat Tārīkhuh Mawāqif al-'Ulamā' Minh", *Jurnal Fakulti Syariah, Undang-undang & Pengajian Islam*, no. 10, (1992), 467-506.
- Eficandara Masril et al., "Prof. Dr. H. Mahmud Yunus: Tokoh Mujaddid dari Minangkabau" dalam prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, ed. Azmul Fahimi Kamaruzaman et al., (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 135.
- Esmailzadeh Mahdi et. al, "Developmental Biology in Holy Quran", *Journal of Physiology and Pathophysiology Vol. 3(1)*, 2012), 1-7.
- Greatrex, G., "The Two Fifth-Century Wars Between Rome And Persia", *Florilegium 12* (1993), 1-12.
- Haji Amin Maulana dan Zulkifli Haji Mohd Yusoff, "Pengajian Al-Quran Di Nusantara: Satu Imbasan Sejarah", dalam *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara*, ed. Zulkifli Hj Mohd Yusoff et al., (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 2009).
- Khadher Ahmad et al., "Ketokohan Mahmud Yunus Dalam Bidang Tafsir Al-Quran: Kajian Terhadap Kitab Tafsir Qur'an Karim", Prosiding: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012, 195-211.
- Mohd Nizho & Mohd Shukri Hanapi, "Usaha Penterjemahan al-Qur'an di Kepulauan Melayu: Satu Tinjauan Persejarahan" dalam *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara*, ed. Zulkifli Hj Mohd Yusoff et al., (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 2009).
- Moore, Keith L., "A Scientist's Interpretation of References to Embryology in The Qur'an", *Journal of the Islamic Medical Association*, v.18, 1986) 15-16.
- R. Hickling and R. L. Brown, "Analysis of Acoustic Communication by Ants" *Journal of the Acoustical Society of America*, v. 108, No. 4, (2000), 1920-1929.

Temu bual

Temu bual bersama Prof. Dr. Rosli Bin Hashim pada 19 Disember 2012 sekitar jam 2 petang.

Temu bual bersama Prof. Dr. Zakaria Awang Soh pada 24 Jun 2013 sekitar jam 10 pagi.

Laman sesawang

Universe Today

<http://www.universetoday.com/18028/sun-orbit/>, 30 September 2013.

<http://www.universetoday.com/22285/facts-about-the-milky-way/>, 30 September 2013.

Quran & Science

<http://www.quranandscience.com/islam-and-science-universe/257-all-swimming-in-an-orbit.html>, 30 September 2013.

Texas Parks and Wildlife

http://www.tpwd.state.tx.us/kids/wild_things/fish/howdofishswim.phtml, 30 September 2013

National Aeronautics and Space Administration (NASA)

<http://eclipse.gsfc.nasa.gov/SEhelp/moonorbit.html>, 29 September 2013.

Caltech Submillimeter Observatory

http://www.cso.caltech.edu/outreach/log/NIGHT_DAY/elliptical.htm, 29 September 2013.

Jabatan Meteorologi Malaysia

http://www.met.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=88&Itemid=1099, 29 September 2013.

Met Office

<http://www.metoffice.gov.uk/learning/clouds/what-are-clouds>, 28 September 2013

National Geographic

http://education.nationalgeographic.co.uk/education/encyclopedia/cloud/?ar_a=1, 29 September 2013.

http://education.nationalgeographic.com/education/encyclopedia/crust/?ar_a=1, 20 Julai 2013.

<http://science.nationalgeographic.com/science/earth/inside-the-earth/rocks-article/>, 20 Julai 2013

UXL Encyclopedia of Science

<http://www.encyclopedia.com/doc/1G2-3438100166.html>, 29 September 2013,

The Miracles of The Qur'an

http://miraclesofthequran.com/scientific_44.html#56, 27 September 2013.

Mawsū'ah al-Nābulṣī li al-'Ulūm al-Islamiyyah

<http://www.nabulsi.com/blue/ar/art.php?art=2820&id=189&sid=799&ssid=807&ssid=833>, 29 Oktober 2012.

Kementerian Dalam Negeri

<http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-korporat/maklumat-bahagian/bahagian-kawalan-penerbitan-dan-teks-al-quran>, 1 Feb 2013.

mStar

http://www.mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar_berita&file=/2010/3/4/mstar_berita/20100304140327, 1 Februari 2013,

The Quran Project

<http://www.quranproject.org/Embryology-in-the-Quran-The-Alaqah-Stage-491-d>, 21 September 2013.

Al-Muṣḥaf al-Jāmi‘

<https://mosshaf.com/main>, 19 September 2013.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

<http://www.iium.edu.my/staff-details?id=3159>, 1 Julai 2013.

Diwani Kraf

<http://diwanikraf.com/2007/04/25/al-quran-mushaf-malaysia/>, 18 Jun 2013.

Sinergi Ilmu

<http://sinergiilmu.wordpress.com/al-quran/>. 1 Julai 2013.

Berita Harian

<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/MushafAl-Masardipasaran/Article>. 1 Julai 2013.

Maktabah al-Muṣṭafā al-‘Iliktruniyyah

<http://al-mostafa.info/books/htm/search.php?s1=%D8%A7%D9%84%D8%A3%D8%B3%D8%B1%D8%A7%D8%B1&sr=all>, 7 Jun 2013.

Hadī al-Islām

<http://www.hadielislam.com/arabic/index.php?pg=articles%2Farticle&id=3158>. 7 Jun 2013

Islamweb

<http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=66156>. 5 Jun 2013.

National Park Service

<http://www.nps.gov/deva/naturescience/lowest-places-on-earth.htm>, 28 September 2013.

Geology.com

<http://geology.com/below-sea-level/>, 27 September 2013.

Rābitat Udabā’ al-Shām,

<http://www.odabasham.net/show.php?sid=25603>. 5 Jun 2013.

Asrār al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunah

<http://www.kaheel7.com/ar/index.php/2010-02-02-22-19-30/426-2012-04-21-16-30-40>, 31 Oktober 2012.

Al-Qur'an Cordoba

<http://distributor-alqurancordoba.com/2012/08/10/konten-istimewa-al-quran-cordoba/>,
22 Jun 2013.

Insan Media Pustaka

<http://quranalfatih.blogspot.com/2012/09/rp-95.html>., 1 Julai 2013.

Multaqā Ahl al-Tafsīr

<http://vb.tafsir.net/tafsir7818/>., 1 Julai 2013.

Insect Identification

<http://www.insectidentification.org/spiders.asp>, 1 Oktober 2013.

Mawsū'ah al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah

http://www.quran-m.com/firas/arabicold/?page=show_det&id=1354&select_page=23.,
6 Jun 2013.